

OPERASI KENARI

000140

Cetakan Pertama 1990
© Hakcipta Penerbitan Pemuda 1990

Diaturhuruf Oleh: **Intact** Setting and Design Services
Muka Taip Teks: New Baskerville
Saiz Taip Teks: 11/13 poin

AI
324 25016
CNA

Diterbitkan
Penerbitan Pemuda
No. 4, Persiaran Kin. 1,
Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur

547989

- 5 FEB 1991
Perpustakaan Negara
Malaysia

OPERASI KENARI

Oleh:

C. N. AL AFGHANI

**Penerbitan Pemuda
1990**

KANDUNGAN

Dari Penerbit	5
Hak orang yang tertuduh di bawah hukum syarak ..	17
Demokrasi dan Negara Malaysia	35
Operasi Kenari	53
Isu Muassasah Darul-'Ulum	57
Senarai nama tahanan ISA	69
Peristiwa kebakaran di Sik	71
Pencalonan Isyam	87
Kenyataan yang meragukan	89
Wajah isteri-isteri dan anak-anak yang dizalimi	101
Siapakah yang mencipta fitnah	117
Mujahidin Malaysia	124
Bukankah ini penganiyaan?	135
Berjayakah operasi ini?	147
Pejuang Veteran	157
Sedutan ISA	160

DARI PENERBIT

KRITIKAN C.N. Al-Afghani terhadap pihak polis terutamanya anggota Cawangan Khas yang terlibat dalam Operasi Kenari 88 dapat difahami, berdasarkan pengalaman rakan-rakannya dan juga beberapa tragedi hitam yang berlaku, seperti Peristiwa Memali, rampasan tanah Muassasah Darul Ulum, Tragedi Lubuk Merbau dan sebagainya.

Mungkin antara kita tidak bersetuju dengan pandangannya, tetapi tulisannya bagi membongkar kezaliman Akta Keselamatan Dalam Negeri harus dihormati. Dia tentunya mempunyai alasan yang kukuh untuk mengkritik sikap anggota polis yang terlibat dengan operasi di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, begitu juga dengan pegawai penyiasat yang kadang-kadang bertindak secara yang amat tidak wajar.

Sebenarnya negara kita masih mengamalkan demokrasi dan mengizinkan pilihanraya dijalankan menurut citarasa pemimpin kerajaan. Soalnya demokrasi dan pilihanraya yang bagaimana? Kita sendiri dapat saksikan perjalanannya. Ramai yang tidak puas hati dan ramai juga yang membantah termasuk kumpulan-kumpulan pendesak dan parti-parti politik. Buktinya ialah penubuhan Pengesan Pilihanraya yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara.

Beberapa pilihanraya kecil terutamanya di Kijal, Terengganu, membuktikan bahawa parti pemerintah Barisan Nasional dalam keadaan genting sanggup melakukan apa saja

demokratik mencapai kemenangan. Segala jentera kerajaan dieksploitasi, politik ugut bermaharajalela, wang ditabur, pengundi dikurung; jadi, kalau satu hari nanti rakyat sudah muak dan jela dengan sistem pilihanraya dan demokrasi ala Malaysia ini, siapakah yang hendak disalahkan?

Rakyat terutamanya penyokong pembangkang sudah menyaksikan sendiri bagaimana konsep demokrasi itu dicabul dengan rakus oleh parti pemerintah sendiri. Mereka hampir hilang semangat dan amat kecewa untuk turut menyertai pilihanraya seterusnya. Mereka terasa dipermainkan, diletakkan dalam kandang dan bertarung dengan musuh yang mereka tidak nampak. Dari hari ke hari, kekecewaan dan harapan mereka untuk menukar kerajaan melalui pilihanraya semakin parah. Kalau parti pemerintah menang melalui proses pilihanraya yang bersih, rasanya pembangkang dapat menerima hakikat itu. Sememangnya adat bertanding, ada pihak yang menang dan ada golongan yang kalah.

Tetapi, kalau mereka menyaksikan segala penyelewengan dilakukan, rasuah berleluasa, pembangkang dinafikan hak mereka untuk menyampaikan mesej kepada pengundi; siapakah yang hendak dipersalahkan nanti sekiranya sebilangan besar rakyat menolak sistem pilihanraya dan memilih jalan lain untuk menggantikan kerajaan yang didakwa tidak layak lagi memerintah negara?

Tidak mustahil mereka memilih jalan kekerasan. Mungkin ada sebahagian pemimpin kerajaan yang mahu perkara itu berlaku supaya tindakan ganas dapat dihalakan kepada pembangkang. Semasa tiada usaha menjatuhkan kerajaan secara kekerasan dilakukan, namun beberapa orang penyokong, ahli dan pemimpin PAS telah dituduh merancang untuk menumbangkan kerajaan secara kekerasan, inikan pula sekiranya ia benar-benar berlaku. Ahli-ahli PAS harus ingat, sememangnya suatu perencanaan musuh supaya PAS merasa patah hati untuk menyertai pilihanraya yang natijah akhirnya akan menguntungkan pemerintah juga. Kerakusan terhadap kuasa seperti menjadi sifat yang sebatik dengan pemimpin kerajaan sekarang. Penyakit gila kuasa begitu kronik

sekali. Seolah-olah apabila kuasa terlucut dari genggamannya, suatu musibah besar akan menimpa. Sememangnya "kuasa" di negara ini begitu mahal harganya, segala-galanya dapat dibeli dengan kuasa, dan segala-galanya dapat dihancurkan dengan kuasa. Musuh-musuh politik dilanyak, ditindas dan dizalimi menurut undang-undang yang ada. Segala-galanya dipergunakan termasuk badan kehakiman yang sudahpun hancur kebebasannya, apatah lagi Parlimen.

Pertimbangan terhadap persoalan akhlak, tata susila, hormat menghormati dan nilai-nilai murni telah hancur hanya kerana untuk menyelamatkan kuasa. Meskipun dilancarkan rancangan penerapan nilai-nilai Islam, tetapi pemimpin kerajaan yang ada dengan tidak malu-malu menodainya, menyebabkan imej Islam begitu buruk di kalangan rakyat bukan Islam.

Kehadiran bekas tokoh gerakan Islam, Encik Anwar Ibrahim tidak berupaya menghasilkan kesan yang positif dalam percaturan politik negara, malah ia semakin bingit dan kacau. Proses demokrasi semakin terhakis di zamannya. Musuh-musuh politik parti pemerintah dikurung di bawah ISA secara sewenang-wenangnya. Paling mengaibkan apabila pemimpin-pemimpin mahasiswa yang dituduh terlibat dengan demonstrasi menentang kemungkaran di dalam kampus juga dihumbankan ke Pusat Tahanan Polis dekat Batu Caves di bawah ISA.

Seorang pemimpin politik mendakwa bahawa sekarang ini rakyat sebenarnya tidak mempunyai hak atau peluang untuk menyertai proses perbincangan, apatah lagi mengambil keputusan. Mereka tidak dapat menentukan sistem serta bentuk ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan pelajaran yang hendak ditegakkan di negara ini untuk mereka sendiri sekarang dan juga bagi anak cucu mereka pada masa akan datang. Memang ada pilihanraya, akan tetapi prosesnya berat sebelah serta tidak adil. Lagi pun, selepas pilihanraya hanya segelintir orang yang menentukan segala-galanya. Mereka tidak mengambil kira hasrat serta cita-cita berbagai golongan dalam negeri ini, kerana didorong oleh kepentingan diri dan

suku-sakatnya sahaja. Demokrasi tidak akan terjamin sekiranya tidak wujud penyertaan rakyat yang lebih luas dalam proses pemerintahan dan pentadbiran. Demokrasi tidak akan berkembang selagi masih banyak peraturan, akta serta undang-undang yang menyekat rakyat daripada memberikan sumbangan yang berkesan dalam proses pembangunan negara dan perpaduan nasional.

Selalunya ISA dikaitkan dengan keselamatan negara. Sebelum ini ia sering dihubungkan dengan "kegiatan subversif komunis". Sekarang apabila Parti Komunis Malaya meletakkan senjata, timbul pula "ketegangan kaum".

Jadi tidak hairanlah apabila ada bantahan menentang kutipan tol yang bayarannya didakwa mahal dan ia pula diuruskan oleh syarikat swasta, kerajaan sekali lagi menggunakan ISA. Alasannya bantahan itu merupakan suatu reaksi yang bersifat perkauman, sentimen Melayu-Cina di-asah kembali.

Sememangnya isu perkauman di negara ini merupakan isu yang serius dan mudah diledakkan bila-bila masa sahaja. Tambahan pula kebanyakan parti-parti politik sama ada pemerintah mahupun pembangkang menjadikan sentimen perkauman sebagai modal utama mengaut undi dalam pilihanraya. Kewajaran pihak polis menanggapi isu perkauman sebagai masalah terpenting yang mesti dikawal sebelum membara apabila terketusnya sesuatu peristiwa kontroversial adalah dihormati, tetapi jangan pula ia dijadikan senjata untuk menutup permasalahan yang sebenar.

SUARAM (Suara Rakyat Malaysia), suatu pertubuhan yang ditubuhkan khusus bagi menentang ISA menegaskan bahawa semenjak 1960, tidak pernah berlaku sesuatu keadaan yang memerlukan penahanan tanpa hak untuk dibicarakan. Semua krisis rusuhan awam masih jelas dapat dikawal dan diatasi dengan sistem keadilan jenayah yang dilaksanakan sekarang.

Dalam tahun 1982, sekumpulan peguam-peguam hak asasi manusia yang terkenal di peringkat antarabangsa telah datang ke Malaysia untuk mengkaji bukti-bukti dan statistik

yang diberi sendiri oleh kerajaan. Mereka kemudiannya melaporkan bahawa alasan-alasan "keselamatan negara" tidak boleh menyokong pengekalan tindakan penahanan tanpa bicara.

Begitu juga dengan alasan "ketegangan kaum", jelas suatu hujah yang palsu dan tidak jujur. Sesiapa yang membangkitkan ketegangan kaum atau rusuhan kaum secara terbuka, dengan mudah didakwa di bawah Akta Hasutan dan Kanun Kesiksaan. Bukti-bukti bagi perlakuan tersebut bukan menjadi satu masalah kerana perlakuan ini adalah juga terbuka.

Pihak polis mempunyai cukup kuasa untuk bertindak dengan berkesan dalam apa juga keadaan rusuhan. Keberkesanan tindakan mereka adalah tergantung kepada kecekapan dan kesaksamaan tindakan mereka. Sesuatu keadaan tegang dapat diredakan dengan menggabungkan penggunaan alat-alat media dan perintah berkurung. Sebagai contohnya, peristiwa 13 Mei akan dapat dikawal dari mula sekiranya pihak berkuasa, khususnya pasukan polis dan keselamatan, telah bertindak cepat dan tegas ke atas semua pihak.

Penyeksaan adalah kejadian biasa dalam tahanan tanpa bicara. Amnesty International dalam laporan-laporannya mengenai Malaysia membuktikan tentang penyiksaan itu. Ramai orang-orang yang ditahan dan dilupakan begitu sahaja sehingga berbelas-belas tahun. Loo Ming Leong, seorang buruh, hanya dibebaskan dalam tahun 1988 selepas ditahan selama 16 tahun di bawah ISA. Tan Hock Hin, bekas ahli Parti Buruh dan Ahli Dewan Undangan Negeri Jelutong, telah ditahan di bawah ISA selama 15 tahun (1967 - 1982).

Dalam ucapan dasar sebuah pertubuhan Islam tahun 1983, ditegaskan antara gejala paling menjolok dari kemelut kemanusiaan ketika itu termasuklah pencabulan sewenang-wenang terhadap hak asasi manusia. Khazanah sejarah yang menyimpan catatan siri perjuangan hak asasi yang panjang yang bermula dengan revolusi Inggeris yang melahirkan *Magna Charta* - dokumen yang mengandungi pengakuan terhadap hak rakyat dan pembatasan hak raja yang kemudian disusul oleh penegasan-penegasan lanjut yang berupa *Petition*

of Rights 1628, Habeas Corpus Act 1670, Bill of Right 1689, Act of Settlement 1701, Parliament Act 1911 dan Statute of Westminster 1931. Revolusi Amerika yang tercetus pada tahun 1775 telah melahirkan pula sebuah *Declaration of Independence 1776*. Sementara itu Revolusi Perancis pada tahun 1789 telah melahirkan pula sebuah deklarasi yang terkenal *Piagam Hak-Hak Asasi Manusia dan Warganegara*. Kemudian menyusul pula *Universal Declaration of Human Right* di San Francisco 1945.

Sebenarnya apa yang dicari dan dituntut oleh pejuang-pejuang hak asasi pada sepanjang sejarah itu sudah dideklarasikan oleh Islam 15 abad yang lalu melalui Rasulullah SAW sempena *Hajjatul-wada'*:

Sesungguhnya darah kamu, harta-benda kamu dan kehormatan kamu adalah suci (yang tidak boleh dicabuli) sesuci hari kamu ini, pada bulan kamu ini dan di negeri kamu ini...

Hak asasi dalam Islam bukan carian atau bikinan manusiawi, bukan hasil revolusi atau bukan hasil konfrensi tetapi adalah merupakan piagam samawi anugerah Ilahi. Hak-hak asasi dalam Islam mempunyai kedaulatan yang sentiasa terjamin kerana perkara tersebut adalah ketetapan hukum Allah yang tiada siapa pun boleh memindanya, bahkan adalah piagam yang tetap, mantap dan abadi - bukan deklarasi bangsa-bangsa kerdil yang mengemis belas kasihan kuasa-kuasa besar pemegang hak *veto* dan bukan peruntukan perlembagaan demokrasi yang boleh dipinda-pinda dengan suara majoriti. Piagam itu adalah amanah Allah dan tuntutan aqidah - bukan budibicara atau belas kasihan pemerintah.

Hak asasi adalah sesuatu yang kudus dan suci, yang harus dipertahankan dengan apa saja hatta dengan darah. Mereka yang terkorban dalam mempertahankan haknya dianggap sebagai syuhada sebagai yang dinyatakan Rasulullah SAW:

Barangsiapa yang terkorban kerana mempertahankan hartanya ia adalah syahid... barangsiapa yang terkorban kerana mempertahankan agamanya ia adalah syahid... dan barangsiapa yang terkorban kerana menentang penindasnya ia adalah syahid.

Islam mengizinkan umatnya membongkar skandal-skandal kezaliman. Firman Allah, maksudnya:

"Allah tidak menyukai ucapan buruk (yang diucapkan) dengan terus terang kecuali oleh orang yang dianiaya. Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." - (an-Nisa': 148)

Islam tidak mengizinkan kita bersikap lemah dan engalah dalam soal hak asasi biar betapa hebatnya tekanan yang dialami. Firman Allah, maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang diwaqafkan malaikat dalam keadaan menganiaya diri sendiri, (kepada mereka) malaikat bertanya: "Dalam keadaan bagaimana kami ini?" Mereka menjawab: "Adakah kami orang-orang yang tertindas di negeri (Mekah)." Para malaikat berkata: "Bukankah bumi Allah itu luas, sehingga kamu dapat berhijrah ke bumi itu?" Orang-orang itu tempatnya neraka Jahanam, dan Jahanam itu seburuk-buruk tempat kembali." - (an-Nisa': 97)

Penerbit,
Kuala Lumpur,
September 1990.



Ustaz Fadhil Mohd Noor, Yang Dipertua PAS




Ustaz Abdul Hadi Awang, Timbalan Yang Dipertua PAS



Dr Mahathir Mohamad, Menteri Dalam Negeri dan Perdana Menteri Malaysia.



En Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



En Anwar Ibrahim, Naib Presiden UMNO

HAK ORANG YANG TERTUDUH DI BAWAH HUKUM SYARAK

Oleh: Dr. Mahmud Saedon A. Othman
(Dipetik dari *Al-Ahkam, Jilid 2, Undang-undang
Pentadbiran Keadilan Jenayah di Malaysia*)

SEBELUM kita membincangkan tentang hak orang tertuduh untuk membela dirinya, maka ada baiknya saya membincangkan tentang keadilan yang dikehendaki Islam dan peranan mahkamah dalam mentadbirkan keadilan. Keadilan yang dikehendaki Islam ialah keadilan yang berasaskan undang-undang Islam. Berhubung dengan perkara ini didapati banyak ayat al-Quran dan hadis Nabi S.A.W. yang memerintahkan kita agar berlaku adil dan menegakkan keadilan di kalangan umat manusia dengan tegas dan tanpa bertolak ansur. Malah perkataan keadilan diulang-ulang lebih daripada dua puluh lima kali di dalam al-Quran. Firman Allah yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat ihsan (kebaikan) serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini supaya kamu mengambil peringatan memahaminya." (an-Nahl: 90)

Melalui ayat yang di atas, Allah dengan jelas memerintah kita menegakkan keadilan dan kebaikan serta memberi pertolongan dan bantuan kepada kaum kerabat. Kebaikan yang

dilakukan oleh seseorang tidak akan memberi kesan yang mendalam sekiranya ia tidak meninggalkan maksiat dan keburukan. Oleh kerana itu Allah memerintah manusia agar jangan melakukan perbuatan yang keji, mungkar dan kezaliman dalam apa juga bentuk pun.

Dalam satu lagi ayat Allah berfirman, maksudnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan (menjatuhkan) hukuman terhadap manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil."

(an-Nisa: 58)

Ayat ini dengan tegas menyuruh kita supaya menjaga dan menyempurnakan amanah dan menghukum manusia dengan adil tanpa mengira perbezaan agama, warna kulit, bangsa, bahasa dan kebudayaan.

Allah berfirman lagi, maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalau orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa) kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada kedua-duanya. Oleh itu, janganlah kamu menurut hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jangan kamu memutarbelitkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi) maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

(an-Nisaa: 135)

Maksud ayat ini jelas menerangkan bahawa Allah memerintahkan kita menegakkan keadilan melalui hukum-hukum-Nya. Menegakkan keadilan merupakan kewajipan syarak. Oleh itu setiap langkah yang boleh membantu ke arah ini menjadi tuntutan syarak. Yang demikian mewujudkan acara pengendalian keadilan seperti acara jenayah, acara mal, undang-undang pentadbiran mahkamah dan seterusnya peraturan yang bertujuan memperkemaskan usaha ke arah

menegakkan keadilan Islam dan undang-undangnya adalah sesuai dengan tuntutan syarak.

Kaedah perundangan Islam menegaskan bahawa sesuatu kewajipan itu tidak sempurna kecuali jika perkara tersebut diwajibkan maka perkara itu menjadi wajib.

Kesaksian dan keterangan merupakan perkara penting dalam proses menegakkan keadilan. Allah telah menegaskan bahawa kesaksian dan keterangan diberi kerana Allah, bukan didorong oleh kepentingan dunia. Yang demikian seseorang yang memberi kesaksian atau keterangan hendaklah jujur dan ikhlas bukan kerana kepentingan salah satu pihak yang terlibat dalam pendakwaan. Saksi pendakwa umpamanya bukan bertindak untuk kepentingannya, tetapi untuk Allah. Tugas saksi pihak yang didakwa umpamanya bukan membantu melepaskan yang didakwa dengan memberi keterangan yang tidak jujur, sebaliknya peranan saksi tersebut ialah untuk mencari keredhaan Allah serta membantu mahkamah menghukum dengan adil. Ayat yang di atas dengan tegas menerangkan orang-orang yang beriman hendaklah menjadi saksi yang menegakkan kebenaran kerana Allah, sekalipun terhadap dirinya sendiri, ibu bapa, kaum kerabat, sahabat handai, orang yang dikasihi, dihormati, dikasihani dan seterusnya. Kesaksian dan keterangan sama ada daripada pihak yang didakwa atau yang mendakwa mestilah kerana Allah dan keadilan untuk kepentingan mahkamah. Yang demikian tidak timbul istilah saksi belot atau khianat terhadap orang yang memanggilnya bagi kepentingannya. Berdasarkan prinsip yang di atas jelaslah kesaksian dan keterangan boleh dicabar, diuji dan dipastikan kesahihannya, demi keadilan.

Allah juga memperingatkan manusia agar jangan enggan untuk menjadi saksi dan memberi keterangan, atau memberi kesaksian dan keterangan secara tidak jujur kerana sebab-sebab yang tertentu seperti perasaan bertimbangrasa, kasihan atau mempunyai kepentingan, kerana Allah lebih mengetahui dan bertimbangrasa. Allah juga melarang manusia menurut hawa nafsu kerana hawa nafsulah yang seringkali

menyelewengkan manusia daripada kebenaran - menghalang manusia dari memberi keterangan dan kesaksian kerana Allah, keadilan dan mahkamah.

Allah memperingatkan manusia supaya jangan memutarbelitkan keterangan kerana gejala ini amat berleluasa dalam proses pengadilan yang tidak berteraskan akhlak dan iman. Malah adakalanya perbuatan tersebut dianggap suatu keperluan demi kejayaan dalam perbicaraan, seolah-olah kejayaan perbicaraan ialah kemenangan pihak yang terlibat sama ada yang didakwa atau yang mendakwa, sedangkan kejayaan perbicaraan dalam Islam ialah kejayaan menegakkan kebenaran dan keadilan dan memberi hak kepada yang berhak untuk mendapat keredhaan Allah.

Seseorang yang diminta menjadi saksi atau memberi keterangan hendaklah tampil ke muka dan bersedia memberi kerjasama. Firman Allah yang bermaksud, *"Janganlah kamu menyembunyikan kesaksian. Siapa yang menyembunyikannya maka berdosalah hatinya Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan."* (al-Baqarah: 283).

Dalam ayat yang lain Allah berfirman, maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa." (al-Maidah: 8)

Jelaslah Allah dengan tegas menyatakan bahawa tidak wajar bagi sesiapa pun menyembunyikan keterangan atau enggan memberi kesaksian dengan jujur. Sesiapa yang melakukan sedemikian itu bererti melakukan dosa. Akan lebih besar dosa seseorang jika ia memutarbelitkan keterangan atau fakta-fakta yang boleh membantu menyelesaikan pertikaian. Pada masa yang sama, kesaksian, keterangan dan fakta-fakta tadi perlu dipastikan dan diuji kebenaran kesahihannya. Ini bermakna Islam membenarkan setiap orang yang dituduh atau didakwa membela diri dan mendapat layanan yang baik dan adil. Seseorang itu bersalah melainkan

setelah dibuktikan ianya bersalah.

PENGERTIAN DAN JENIS JENAYAH

Seperti yang dinyatakan oleh Abdul Qadir Audah, terdapat beberapa pengertian tentang *jarimah* dan jenayah menurut syarak. *Jarimah* menurut syarak ialah tegahan syarak yang jika dilakukan dikenakan hukuman hudud atau *ta'zir*. Pengertian ini diberi oleh al-Mawardi. Ini bermakna, dengan melakukan sesuatu yang dilarang oleh syarak dan adakalanya meninggalkan yang diperintahkan oleh syarak. Berdasarkan pengertian ini sesuatu perbuatan tidak dianggap *jarimah* kecuali pelakunya dikenakan hukuman keseksaan.

Jenayah menurut syarak ialah nama perbuatan yang diharamkan oleh syarak, sama ada perbuatan itu dilakukan pada jiwa, harta atau selainnya. Ada yang beranggapan perbuatan yang dilakukan pada jiwa manusia atau anggotanya; ada pula yang mengatakan perbuatan yang dikenakan hukuman hudud dan *qisas*.

Walau bagaimanapun, seperti yang ditegaskan oleh Abdul Qadir Audah - jika diperhatikan dengan teliti, *jarimah* dengan jenayah sama, iaitu melakukan perbuatan yang ditegah atau meninggalkan perbuatan yang disuruh oleh syarak.

Kesalahan jenayah kerana pencabulan hak bolehlah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu hak Allah, hak manusia, hak Allah dan hak manusia, tetapi hak manusia lebih menonjol dan hak Allah dan hak manusia tetapi hak Allah lebih menonjol. Berhubung dengan hak Allah atau paduan hak Allah dengan hak manusia tetapi hak Allah lebih menonjol yang mendakwa ialah pihak *hisbah*. Walaupun demikian, orang perseorangan pun boleh mendakwa demi menjaga kepentingan orang ramai. Berhubung dengan hak manusia atau paduan antara hak manusia dengan hak Allah, tetapi hak manusia lebih menonjol, maka orang yang berhak (berkepentingan) atau wakilnya yang membuat dakwaan.

Hukuman yang dijatuhkan terhadap orang yang melakukan kesalahan jenayah syarak ini mestilah berdasarkan hukuman syarak. Hukum tersebut boleh dibahagikan kepada empat jenis, hudud, *qisas*, *diat* dan *ta'zir*.

Kesalahan yang boleh dikenakan hukuman *ta'zir* boleh dibahagikan kepada dua jenis.

1. Kesalahan ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah - sesiapa yang melakukan kesalahan ini melanggar larangan atau perintah al-Quran dan al-Sunnah, tetapi hukumannya tidak ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah - seperti kesalahan memaki-hamun yang tidak berasas, khianat terhadap amanah, kesalahan yang tidak dapat dikategorikan sebagai mencuri, memberi keterangan atau kesaksian palsu, melakukan rasuah dan seterusnya. Hukuman bagi kesalahan *ta'zir* jenis ini ditentukan oleh pemerintah.
2. Kesalahan yang ditetapkan oleh pemerintah melalui institusi tertentu seperti kesalahan atau jenayah ekonomi; memiliki atau membawa senjata api tanpa kebenaran; kesalahan melanggar syarat-syarat kesihatan yang ditetapkan, melanggar syarat-syarat ketenteraman dan keselamatan tempat awam, gedung perniagaan atau kilang-kilang. Hukuman kesalahan jenis ini ditentukan oleh kerajaan.

Jika diperhatikan dengan lebih teliti, pembahagian kesalahan kepada jenayah dengan sivil, di mana bagi kesalahan jenayah pendakwa pihak berkuasa dan bagi kesalahan sivil pendakwa ialah orang yang berkepentingan. Berlainan pula halnya daripada perspektif Islam iaitu keputusan hakim (kadi) dalam semua kes yang dibicarakannya wajib dilaksanakan. Permohonan perlaksanaan hukuman dalam kes-kes hak manusia tidak menjadi syarat perlaksanaan. Berdasarkan sifat dan falsafah jenayah Islam seperti yang dinyatakan, maka tidaklah terdapat perbezaan asas dari segi secara tuntutan dan dakwaan dalam kes-kes yang berhubung dengan hak Allah, hak manusia dan panduan kedua-dua hak tersebut.

SESEORANG TIDAK BERSALAH MELAINKAN DIBUKTIKAN SEBALIKNYA

Seseorang yang dituduh itu tidak bersalah melainkan telah dibuktikan ia bersalah. Berdasarkan kaedah fikah, pada

asalnya seseorang itu bebas daripada sebarang tanggungan. Ini bermakna, seseorang itu tidak bersalah sehingga ia dibuktikan bersalah. Seseorang itu pada asalnya tidak berhutang sehingga dibuktikan dia berhutang, dan demikianlah seterusnya.

Di samping itu terdapat lagi kaedah fikah iaitu, pada asalnya (seseorang itu adalah) tidak bersalah (bebas daripada kesalahan). Kedua-dua kaedah yang tersebut itu menjadi asas pembelaan terhadap orang yang dituduh. Dalam hal ini orang yang dituduh berhak menuntut agar kesalahan yang dikatakan dilakukannya dibuktikan dengan jelas dan nyata untuk menghapuskan keyakinan asal bahawa ia tidak bersalah melainkan dibuktikan sebaliknya. Ia tidak melakukan jenayah melainkan dibuktikan sebaliknya. Dalam sesuatu perbuatan seseorang itu tidak dianggap melanggar undang-undang, melainkan setelah undang-undang itu diwujudkan dan diumumkan. Kaedah yang menjamin hak asasi manusia dan keadilan ini adalah berasaskan ayat al-Quran dan hadis.

Firman Allah yang bermaksud, *"Dan tiadalah kami mengazabkan sesiapaupun sebelum kami mengutus seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah)."* (al-Isra': 15).

Dalam ayat yang lain Allah berfirman yang bermaksud, *"Dan tidaklah menjadi kebiasaan Tuhanmu membinasakan mana-mana negeri sebelum Ia mengutuskan ke ibunegara itu seorang Rasul yang akan membaca kepada penduduknya ayat-ayat keterangan kami."* (al-Qasas: 59).

Jelaslah Islam menjamin hak seseorang yang dituduh agar tidak dianiayai kerana asalnya ia bebas daripada sebarang kesalahan, jenayah, tanggungjawab, dan tanggungan melainkan setelah dibuktikan sebaliknya.

BEBAN MEMBUKTI

Seseorang itu tidak bersalah melainkan setelah dibuktikan ia bersalah, dan seseorang itu tidak melakukan jenayah, dan ia tidak boleh dihukum melainkan setelah disabitkan perbuatannya. Dalam proses pensabitan ini, yang tertuduh

mempunyai hak untuk membela diri. Yang menuduh hendaklah membuktikan kebenaran tuduhannya. Ini bermakna beban pembuktian adalah ke atas yang mendakwa atau menuduh. Rasulullah S.A.W. telah bersabda, maksudnya, "Keterangan di atas yang menuduh dan sumpah di atas yang menafikannya."

Menurut kaedah fikah, yang lain pula dijelaskan bahawa Keterangan adalah untuk membuktikan apa yang bertentangan dengan yang zahir dan sumpah ialah untuk mengekalkan apa telah sedia ada (asal).

Keterangan bertujuan untuk membuktikan kebenaran dakwaan yang bertentangan dengan keadaan zahir sesuatu perkara, sementara sumpah bertujuan mengekalkan keadaan yang sedia ada atau keadaan asal sesuatu perkara. Sebagai contoh, A tidak boleh dikatakan curang dalam mengendalikan harta, melainkan dibuktikan ia telah melakukan kecurangan itu kerana pada zahirnya ia tidak curang; untuk mengatakan ia curang hendaklah dibuktikan sebaliknya jika keterangan tidak kuat kepada hakim atau keterangan yang diberi itu tidak menyakinkannya, maka hakim hendaklah memberi peluang kepada pihak yang dituduh bersumpah. Sumpah untuk mengekalkan sifat asalnya iaitu pada asalnya tidak curang. Jika yang dituduh memilih untuk memberi keterangan dan bukti, ia dibenarkan berbuat demikian, malah permohonannya itu, merupakan hak mutlakanya.

HAK YANG DITUDUH UNTUK DIBERI PELUANG MEMBELA DIRI

Seperti yang telah disebut tadi, hak orang yang dituduh untuk diberi peluang membela dirinya, sama ada menolak semua tuduhan, atau mengakui sebahagian daripada tuduhan itu dan menolak sebahagian yang lain. Yang penting dan menjadi haknya ialah ia sentiasa diberi peluang membela dirinya.

Sayidina Ali telah berkata kepada Rasulullah S.A.W. ketika dia diutus ke Yaman sebagai kadi.

"Wahai Rasulullah, tuan mengutus saya (menjadi kadi) sedangkan saya masih muda dan tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang kehakiman?"

Rasulullah S.A.W. bersabda: "Allah akan memberi petunjuk pada hatimu dan menetapkan lidahmu, apabila duduk kedua-dua pihak yang bertikai di hadapanmu, jangan sekali-kali kamu menghukum sehingga kamu mendengar (hujah) pihak kedua seperti yang kamu telah mendengar yang pertama, dengan demikian akan jelaslah kepadamu tentang hukuman."

Sayidina Ali berkata, "Aku telah menjadi kadi dalam tempoh masa yang lama, atau aku tidak teragak-agak menjatuhkan hukuman selepas itu."

Hadis ini dengan tegas memerintahkan hakim agar mendengar keterangan dan hujah kedua-dua pihak sebelum menjatuhkan hukuman. Dengan demikian kebenaran akan semakin jelas. Adalah menjadi hak mutlak orang yang dituduh untuk diberi peluang membela dirinya dengan bebas. Hukuman hendaklah berdasarkan keterangan yang zahir. Sebaliknya dalam perkara yang tersembunyi, Allahlah yang menghukumnya.

Ibn Majah meriwayatkan bahawa telah datang dua orang yang bertikai tentang seekor binatang kepada Rasulullah S.A.W. tetapi kedua-duanya tidak mempunyai keterangan, maka Rasulullah S.A.W. telah membahagi dua binatang itu untuk kedua-duanya.

Daripada kenyataan yang di atas jelaslah keterangan dan hujah pihak yang terlibat penting, dan memberi peluang kepada mereka untuk memberi keterangan adalah hak mutlak mereka.

HAK MENDAPAT LAYANAN YANG ADIL

Islam menuntut agar keadilan diwujudkan berdasarkan undang-undang. Falsafah ini hendaklah dipertahankan kerana ia diwajibkan syarak. Dalam hubungan ini ulama dengan terperinci telah memperkatakan tentang adab al-Qadi dan

hubungannya dengan keadilan dan hak orang yang bertikai.

Adalah menjadi hak orang yang dituduh mendapat layanan yang adil dan saksama dariapda mahkamah. Setiap hakim wajib memberi layanan yang sama antara kedua-dua pihak yang berbalah dalam sesuatu perbicaraan. Pihak yang didakwa dan pihak yang mendakwa hendaklah duduk di hadapan hakim, bukan di sebelah kiri atau kanannya.

Rasulullah S.A.W. bersabda:

"Sesiapa yang bertugas menghakimkan di antara orang-orang Islam hendaklah melakukan keadilan kepada mereka dalam percakapan, isyarat dan duduknya, dan jangan mengangkat suaranya kepada seorang dan tidak kepada yang lain."

Dalam hubungan ini juga, Sayidina Omar mengarahkan Abu Musa al-Asyari, katanya:

"Sama ratakanlah di antara manusia dalam majlis kehakimanmu, pandanganmu, keadilanmu, hingga orang yang mulia tidak tamak kepada kezalimanmu dan orang lemah tidak berputus asa dengan keadilanmu."

Jelaslah bahawa hak orang yang dituduh untuk mendapat layanan yang adil dan saksama dalam semua aspek ada menjadi kewajipan institusi kehakiman untuk melaksanakannya. Institusi ini bertanggungjawab memastikan orang mulia, kaya, berpengaruh dan kuat tidak berpeluang untuk mengambil kesempatan daripada kelemahan dan kezaliman hakim dan undang-undang. Demikian pula orang yang lemah, miskin dan jahil akan mendapat perlindungan undang-undang dan mahkamah. Hak mereka untuk membela diri tetap dijamin.

Menurut hukum syarak, sesuatu tuduhan itu hendaklah memenuhi syarat yang antara lain ialah dakwaan atau tuntutan itu hendaklah jelas isinya, tepat dan menjelaskan perkara yang didakwa atau dituntut itu agar tuntutan atau tuduhan itu dapat difahami dan tidak mengelirukan. Seterusnya, tuntutan atau dakwaan itu perlu dikemukakan kepada hakim (mahkamah), dan hakim hendaklah meminta orang yang dituduh itu memberi jawapan sama ada ia mengaku atau menafikannya. Adalah menjadi orang yang dituduh juga

untuk mengetahui sebab ia dituduh atau dituntut supaya jawabannya benar-benar diberi secara sadar. Menjawab tuntutan sama ada mengakuinya atau menolaknya adalah wajib. Ini tidak dapat dilakukan melainkan setelah ia mengetahui sebab-sebab ia dituduh.

HAK MENGETAHUI PERTUDUHAN

Setelah yang dituduh mengetahui sebab-sebab ia dituduh atau disiasat, ia juga berhak mengetahui isi pertuduhan itu. Dengan cara ini ia dapat mempertahankan haknya. Tindakan ini merupakan tuntutan syarak. Rasulullah S.A.W. telah memerintahkan Sayidina Ali agar mendengar keterangan dan hujah kedua-dua pihak sebelum menjatuhkan hukuman.

Lebih jauh daripada itu, tindakan ini dibuat agar hak yang dituduh untuk mengetahui pertuduhan dan memahaminya ini tidak dicabul, malah dipertahankan dan dijaga. Islam mewajibkan agar ada seorang penterjemah yang dipercayai tetapi menurut mazhab Syafie penterjemah itu sekurang-kurangnya dua orang, atau boleh juga dikiaskan seperti saksi, dengan alasan, bahawa terjemahan itu tidak difahami oleh hakim. Yang demikian ia memerlukan beberapa orang penterjemah (lebih daripada seorang) supaya berlaku proses penapisan dan penelitian. Walau bagaimanapun, menurut mazhab Hanafi memadai seorang penterjemah yang amanah dan adil.

HAK UNTUK MEMBELA DIRI

Dalam Islam antara prinsip yang terpenting untuk menegakkan keadilan di kalangan pihak yang bertikai di mahkamah ialah jaminan terhadap hak orang yang dituduh untuk mempertahankan diri sendiri tanpa wakil atau melalui wakilnya. Yang demikian jika salah seorang daripada mereka berada di kawasan (bidang kuasa) kadi dan ia tidak bersembunyi, iklan memanggilnya hadir di mahkamah hendaklah dikeluarkan. Jika ia dihukum (sedangkan ia tidak bersembunyi) tanpa dipanggil untuk membela diri, hukuman itu

batal. Pendapat ini disepakati ulama.

Betapa perlunya kehadiran pihak yang bertikai terutama tertuduh atau pihak yang dituntut diberitahu dan dipanggil ke mahkamah jelas hinggakan hukuman hakim tidak sah jika terbukti orang yang dituduh tidak hadir lantaran tidak dipanggil membela diri. Jika ia sengaja tidak hadir, maka mahkamah hendaklah menghantar petugas khas memaksanya hadir. Dalam hal ini, Imam Nawawi telah menerangkan cara-cara memanggil pihak yang bertikai, iaitu, jika diketahui tempat tinggalnya dengan diiringi oleh beberapa orang lelaki. Jika ia berada di dalam rumah dan ia enggan keluar, ia hendaklah dipaksa hadir ke mahkamah. Jika ia seorang perempuan, maka yang memeriksa dan membawanya ke mahkamah hendaklah perempuan yang dipercayai.

Menurut Imam Nawawi, berdasarkan pendapat Imam Syafie, dalam proses memaksa kehadirannya, orang yang dituduh itu hendaklah dijaga daripada aib syariah dan kehormatan orang yang bermaruah. Ini bermakna jika hakim menjatuhkan hukuman ke atas orang yang dituduh sebelum orang itu diberi peluang membela diri, maka hukuman itu batal, iaitu dalam keadaan orang yang dituduh atau yang dituntut itu ada dan tidak ghaib. Jika ghaib dan tidak diketahui di mana ia berada, sesetengah ulama berpendapat perbicaraan terhadapnya tidak boleh dilakukan, begitu juga dengan hukuman. Kebanyakan ulama mengharuskan perbicaraan dan hukuman, tetapi tertakluk kepada syarat yang tertentu.

HAK MEMBELA DIRI MELALUI WAKIL

Orang yang dituduh berhak membela dirinya sendiri tanpa melalui wakil atau melalui wakilnya. Ulama bersepakat mengatakan pihak yang bertikai harus melantik wakil mereka. Berdasarkan prinsip perwakilan dalam perbicaraan ini, terdapat alasan yang kuat mengharuskan perlantikan peguam untuk membela kliennya. Walaupun peguam membela kliennya, tujuannya semata-mata membela kebenaran, menegakkan

keadilan dan membantu hakim melaksanakan hukuman yang tepat dan matang seperti yang dituntut syarak.

Pernah diriwayatkan tentang seorang perempuan yang telah berkahwimn lalu melahirkan anak dalam masa enam bulan, dan Sayidina Othman telah menjatuhkan ke atasnya hukuman rejam. Sayidina Abdullah bin Abbas berkata kepada Sayidina Othman, jika perempuan berhujah dengan al-Quran maka nescaya ia akan menang, Allah berfirman maksudnya, *"Hamil dan susuannya adalah tiga puluh bulan"* (al-Ahqaf: 15). Dalam Surah al-Baqarah ayat 233, Allah berfirman, maksudnya, *"Wanita-wanita yang melahirkan anaknya memberi susuan selama dua tahun genap bagi sesiapa yang ingin menyempurnakan susuan."* Yang demikian hamil ialah enam bulan dan susuan dua puluh empat bulan. Mendengar hujah ini Sayidina Othman pun membebaskan perempuan itu.

Daripada kenyataan di atas jelaslah orang yang tertuduh itu berhak membela dirinya sendiri secara langsung atau melalui wakilnya dan dibela oleh sesiapa sahaja jika orang itu mendapati hukuman hakim, alasan, atau hujah hukuman itu tidak tepat.

HAK UNTUK MENGETAHUI MAKLUMAT PIHAK YANG MENUDUH DAN MENYOAL BALAS

Pihak yang dituduh berhak mengetahui maklumat pihak yang menuduh, saksi-saksinya dan berhak mempertikaikan fakta-fakta yang dikemukakan, menyoal balas dan menyiasat saksi-saksi untuk memastikan keadilan Islam dapat ditegakkan dan agar prinsip "keyakinan tidak boleh dihilangkan oleh syak" dapat dikekalkan. Ini bermaksud, sabit secara yakin seseorang itu tidak bersalah melainkan setelah ia dibuktikan bersalah. Untuk membuktikan ia bersalah, fakta-fakta keterangan dan saksi-saksi hendaklah dinilai, dikaji dan diteliti. Pembuktian tidak akan dapat dilakukan melainkan dengan memberi hak kepada orang yang dituduh mengetahui maklumat pihak yang menuduh, dan menyoal balas serta menyiasat saksi mereka.

Jika seseorang mengemukakan dakwaannya, maka pihak

yang didakwa itu dikehendaki menjawab dakwaan itu jika ia faham, berpuas hati dan mengetahui benar-benar kandungan dakwaan itu. Jika terdapat keraguan atau ketidakpastian, hakim hendaklah memberi tempoh yang sesuai kepada pihak yang tertuduh mengatasi masalah ini. Kelonggaran seperti ini membolehkan pihak yang tertuduh menjawab pertuduhan dengan tepat terutama dalam perkara yang samar-samar atau yang menimbulkan keraguan. Tujuan ini hanya akan terlaksana sekiranya pihak yang dituduh diberi peluang mengetahui maklumat, menyoal balas dan memastikan kelayakan saksi. Tambahan pula Islam menuntut agar sesuatu pertuduhan itu dikemukakan dengan ertinya jelas tidak ada sebarang kesamaran.

Seperti yang telah dinyatakan dalam *Muin al-Hukkam*, perkara utama yang wajib dilakukan oleh hakim atau kadi dalam perbicaraan ialah memeriksa saksi dan orang yang boleh diterima keterangannya. Dengan cara ini hakim akan dapat mengetahui hal keadaan saksi-saksi dan ia boleh membuat penilaian tentang keadilan mereka (saksi-saksi itu). Hakim akan menerima kesaksian orang yang ternyata adil, dan kesaksian seseorang ditolak atau digugurkan jika hakim mendapat kecacatan (*jurhah*) pada saksi. Dalam hal ini pihak yang tertuduh berkewajipan memberi kerjasama kepada hakim. Ia berhak mengemukakan soalan, menyiasat saksi keterangan dan maklumat yang menjadi asas tuduhan pihak yang menuduh.

HAK MERAYU

Seseorang yang dituduh dan disabitkan oleh mahkamah masih mempunyai hak untuk membela diri iaitu melalui beberapa cara, antaranya ialah:

1. *Meminta dibicarakan semula*: Cara dan peraturan perbicaraan semula hendaklah disesuaikan dengan keadaan dan suasana setempat. Islam mengharuskan perbicaraan semula bagi menegakkan keadilan menurut Islam. Alasan yang digunakan oleh fuqaha berhubung dengan perkara

ini ialah kes Zabiah al-Asad. Dalam kes ini, Sayidina Ali, kadi Yaman pada zaman Rasulullah telah menjatuhkan orang yang pertama masuk ke dalam lubang perangkap singa hukuman satu perempat *diat*, orang yang kedua satu pertiga *diat*, yang ketiga satu perdua *diat*, yang keempat *diat* yang penuh. *Diat* penuh dikenakan ke atas kabilah yang berasak-asak di keliling lubang perangkap tadi, kerana mereka menyebabkan orang pertama jatuh ke dalam lubang. Orang yang kedua terjatuh kerana ditarik oleh orang yang pertama, orang yang ketiga jatuh kerana ditarik oleh orang yang kedua, dan seterusnya menyebabkan mereka mati. Orang yang pertama mendapat satu perempat, kerana ia menyebabkan tiga kematian, orang yang kedua mendapat satu pertiga kerana ia menyebabkan dua kematian dan yang ketiga mendapat satu perdua kerana ia menyebabkan satu kematian manakala yang keempat mendapat *diat* sepenuhnya kerana ia tidak menyebabkan kematian sesiapa pun. Kabilah itu tidak berpuas hati dengan hukuman Sayidina Ali lalu mereka pergi menghadap Rasulullah S.A.W. memohon agar kes mereka ini dilihat semula dan hukuman Sayidina Ali dikaji semula. Akhirnya Rasulullah S.A.W. menyetujui keputusan Sayidina Ali.

2. *Menolak hukuman*: Yang dimaksudkan dengan menolak hukuman ialah berhubung dengan perbicaraan kes yang diputuskan tanpa kehadiran orang yang dituntut atau didakwa. Dalam keadaan ini orang itu berhak membela dirinya dengan menolak hukuman iaitu menolak kes agar dilihat semula kerana berkemungkinan orang itu mempunyai keterangan yang tidak dapat dikemukakan dalam perbicaraan yang terdahulu kerana ketiadaannya.
3. *Membantah hukuman*: Ulama bersepakat mengatakan hukuman yang dijatuhkan hakim boleh dibantah jika hukuman itu jelas salah. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat dalam menentukan kesalahan hukuman itu. Ini menunjukkan bahawa tertuduh berhak merayu dan membantah hukuman mahkamah jika ia

terkilan terhadap hukuman tersebut dan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan terdapat kesalahan (sama ada dari segi fakta atau undang-undang) dalam proses perbicaraan. Dalam hal ini hakim hendaklah menyatakan alasan hukuman dengan jelas untuk membolehkan ia dibantah atau dirayu.

HAK UNTUK MEMOHON KERINGANAN DAN KEMAAFAN

Orang yang dituduh setelah disabitkan bersalah berhak memohon keringanan atau kemaafan. Bagaimanapun ia tidaklah bererti permohonan mereka itu wajib dilayan. Di dalam kes-kes hudud yang telah disabitkan, kerajaan atau orang perseorangan atau sesiapa sahaja tidak berhak memberi keringanan atau kemaafan. Dalam kes-kes *qisas* atau *diat* orang yang menjadi korban atau warisnya berhak memaafkan pihak yang didakwa. Dalam kes-kes *ta'zir* yang berhubung dengan kesalahan yang ditetapkan oleh al-Quran dan as-Sunnah, kerajaan boleh meringankan atau memaafkan pihak yang dituduh. Demikian juga dengan kesalahan kes-kes *ta'zir* yang ditetapkan oleh kerajaan melalui institusi tertentu yang tidak disebut dalam al-Quran dan Sunnah, kerajaan boleh meringankan hukuman atau memaafkannya.

KESIMPULAN

1. Daripada penjelasan dan penerangan yang di atas jelaslah Islam menuntut agar keadilan yang berdasarkan Islam ditegakkan, tanpa bertolak ansur atau diskriminasi.
2. Pengertian jenayah dan kes-kesnya dalam Islam luas mencakupi hak-hak Allah, hak manusia, gabungan hak Allah dengan hak manusia (sama ada hak Allah atau hak manusia yang lebih menonjol). Hukuman atau seksaan bagi kesalahan jenayah Islam boleh dibahagikan kepada hudud, *qisas*, *diat* dan *ta'zir*.
3. Walaupun tidak ada undang-undang acara Islam yang

lengkap dan terperinci dalam al-Quran dan Sunnah, ini tidaklah bermakna Islam tidak menerimanya. Setiap undang-undang acara jenayah atau mal dan sebagainya yang bertujuan menegakkan keadilan Islam, sesuai dengan Islam atau tidak bertentangan dengan Islam diterima oleh Islam.

4. Dalam Islam, seseorang itu tidak bersalah melainkan setelah dibuktikan ia bersalah. Seseorang itu bukan penjenayah melainkan setelah dibuktikan ia melakukan jenayah. Demikianlah seterusnya, kerana pada asalnya manusia bebas daripada tanggungan.
5. Islam menetapkan orang yang menuduh itu bertanggungjawab membuktikan kebenaran tuduhannya, kerana ia menanggung beban pembuktian.
6. Islam memberi peluang yang luas kepada yang dituduh untuk membela dirinya sama ada secara langsung atau melalui wakilnya. Ia berhak antara lain,
 - (a) menerima layanan yang adil,
 - (b) mengetahui sebab ia dituduh atau disiasat,
 - (c) mengetahui dan memahami pertuduhan,
 - (d) mengetahui maklumat pihak yang menuduh, menyoal balas, menilai keterangan, dan menyiasat saksi-saksi dan sebagainya.
 - (e) hak merayu,
 - (f) hak memohon keringanan dan kemaafan,
 - (g) dalam kes zina, seseorang yang disabitkan melakukannya melalui ikrar berhak menarik balik ikrarnya itu di dalam mahkamah, selepas perbicaraan, atau pada peringkat apa sekalipun walaupun sesama ia menjalani hukuman hudud. Jika ia menarik balik ikrarnya, menjadi haknya dibebaskan dengan serta merta. Antara ulama yang berpendapat seperti ini ialah golongan Hanafi.

DEMOKRASI DAN NEGARA POLIS

(Artikel ini diterjemahkan secara bebas dari buku "Police State" oleh Jules Archer, 1977 di bawah tajuk "Could It Happen Here?" halaman 1 hingga 10. Walaupun kandungan buku ini merujuk kepada perkembangan yang berlaku di Amerika, tetapi ia sesuai untuk dijadikan rujukan terhadap apa yang berlaku di tempat-tempat lain, tidak terkecuali di Malaysia.)

SEMASA pentadbiran Richard M. Nixon (1969-1974), semasa Presiden Amerika ini berkeras mahu meneruskan peperangan di Vietnam, para penentang telah mengatur satu demonstrasi anti-perang secara besar-besaran. Mereka didakwa dihasut oleh Komunis. Presiden cuba memastikan kedudukannya bagi penggal kedua di Rumah Putih terjamin dengan menggunakan kuasa jabatannya untuk sabotaj penentang-penentang politik beliau.

Dalam tahun 1974, rakyat Amerika menyedari bahawa, untuk mencapai matlamat beliau, Presiden Nixon dan penolong-penolong beliau telah melakukan berbagai jenayah yang menyalahi peraturan Perlembagaan.

Mereka telah menghalalkan pecah rumah. Mereka telah mencero bohi rahsia peribadi rakyat dengan memasang alat "wiretapping" dan "eavesdropping" - iaitu alat-alat yang dipasang dalam telefon dan di dinding, untuk merisik ahli-ahli

Kongres. Mereka juga menyekat, membuka dan membaca surat-surat peribadi. Mereka telah menyiasat tanpa kebenaran undang-undang dan meletakkan di bawah pengawasan warganegara yang menentang dasar-dasar yang dibuat oleh Nixon.

Mereka juga menggunakan agen-agen polis untuk merisik dan menghancurkan pertubuhan-pertubuhan yang tidak dikehendaki. Perisik-perisik kerajaan yang masuk ke dalam kumpulan-kumpulan tersebut mendesak ahli-ahli pertubuhan supaya melakukan perbuatan jenayah, untuk memberi alasan kepada Presiden memburukkan nama mereka sebagai pengganas yang bergiat untuk merosakkan negara.

Apabila akhbar mula membuka dan mendedahkan hal ini dan lain-lain rahsia pentadbiran yang buruk, Nixon dan kuncu-kuncunya mendesak setiap orang yang boleh membuktikan Nixon bersubahat supaya berbohong dalam perbicaraan mahkamah dan dalam perbicaraan Kongres. Mereka menghapuskan bukti-bukti, menyogok rasuah kepada penjenayah yang ditangkap supaya membisu, dan samada memerintahkan agensi-agensi kerajaan supaya menutup jenayah mereka ataupun menyekat dijalankan penyiasatan ke atas mereka.

Pentadbiran Nixon, kata seorang kolumnis Washington, Joseph Craft, merupakan "tempoh presiden jenayah yang pertama di negara kita". Kemudian penyiasatan Kongres mendedahkan, bahawa Presiden-presiden sebelum itu pun melakukan kesalahan melanggar undang-undang, walaupun tidak sampai ke tahap yang dilakukan oleh Nixon. Pada mulanya, hanya kebenaran pentadbiran Nixon yang timbul. Presiden telah dipaksa meletakkan jawatan untuk mengelakkan keaiban dan didakwa. Belum pernah berlaku seperti ini sebelumnya dalam sejarah Amerika.

Rakyat Amerika hampir-hampir sembuh daripada kejutan itu apabila mereka dikejutkan dengan pendedahan rahsia dalam tahun 1975. Dua agensi perisikan kerajaan yang terkenal, Biro Perisikan Persekutuan (FBI) dan Agensi Perisikan Pusat (CIA), didedahkan telah melanggar undang-

undang dan menganiaya hak-hak rakyat Amerika untuk beberapa tahun lamanya, sepanjang tidak kurang daripada enam orang presiden.

FBI mempunyai kuasa untuk menyiasat pencabulan undang-undang persekutuan, termasuklah jenayah antara negeri, pencolekan, pengintipan, sabotaj, pengkhianatan dan ancaman kepada keselamatan dalam negeri. CIA pula diberi kuasa untuk mengumpul, membuat analisa dan menyediakan untuk Majlis Keselamatan Kebangsaan dengan perisikan asing yang mempengaruhi keselamatan negara. Kedua-dua agensi ini, bagaimanapun nampaknya diam-diam telah melampaui batas kuasa undang-undang yang diperuntukan untuk mereka, selalunya untuk tujuan politik bukannya untuk tujuan keselamatan negara seperti yang didakwa oleh mereka.

Antara tindakan-tindakan mereka yang melanggar undang-undang ialah "wiretapping", pecah rumah, mengorek rahsia, membuka surat, pemalsuan dan menyembunyikan bukti, meletakkan orang yang tidak diingini di bawah pengawasan dan memeriksa segala apa yang mereka baca, merancang pembunuhan pemimpin-pemimpin luar negara dan merancang untuk menggulingkan kerajaan-kerajaan yang lain.

Kepercayaan kebanyakan rakyat Amerika terhadap kerajaan mereka telah goncang. Satu bancian yang dibuat oleh Penyelidikan Tinjauan Cambridge dalam tahun 1975 menyatakan 68 peratus daripada rakyat Amerika menyakini bahawa pemimpin mereka selalu berdusta kepada mereka.

Maka, seperti yang dinyatakan oleh Senator Philip A. Hart, "menurut satu tinjauan kebangsaan baru-baru ini, lebih 60 peratus belia Amerika percaya 'bahawa negara itu adalah negara demokrasi pada nama sahaja dan diperintah oleh orang-orang yang mempunyai kepentingan'".

Apakah dia demokrasi? Ia diambil daripada perkataan Greek yang bermaksud "diperintah oleh rakyat." Ia membayangkan bentuk kerajaan Greek dahulukala di mana rakyat memerintah sendiri melalui perwakilan yang dipilih yang

membuat undang-undang negara. Pilihanraya bebas dari semasa ke semasa, dengan pemilihan parti-parti dan calon-calon membenarkan perubahan politik berlaku. Semua individu dijamin dengan kebebasan peribadi dan hak mereka untuk menyatakan tidak setuju secara terbuka kepada kerajaan. Mahkamah adalah bebas untuk menentukan semua kes mengikut kebijaksanaan mereka.

Demokrasi barangkali merupakan sistem politik yang paling rapuh dibandingkan dengan sistem politik yang lain, kerana ia lebih terbuka, lebih mudah dikritik, lebih terdedah kepada perpecahan. Masyarakat bebas demokrasi merupakan satu kerajaan undang-undang, bukannya kerajaan manusia. Kuasanya dibahagi-bahagikan yang mana selalu menjadikannya kurang berkeupayaan bertindak cekap dan teliti berbanding dengan pemerintahan diktator. Dalam penggunaan kuasanya, kerajaan demokrasi juga terikat dengan undang-undang yang melindungi hak-hak individu, golongan minoriti, orang yang tidak bersetuju dan badan-badan pemerintah tempatan. Undang-undang ini ditakrifkan sebagai kebebasan sivil dan dijamin oleh perlembagaan, atau dijelaskan dalam kod undang-undang negara.

Apa yang dilakukan oleh pentadbiran Nixon, FBI dan CIA adalah menyalahi hak-hak yang dijamin oleh Perlembagaan kita dan Bill of Rights - sepuluh pindaan pertama. Jaminan ini melindungi negara demokrasi Amerika daripada diubah menjadi sebuah negara polis.

Bill of Rights ini menjamin hak untuk bersembahyang jika kita mahu atau tidak melakukannya langsung. Ia menghalang kerajaan daripada mengarahkan atau memaksa kita supaya membayar cukai untuk membantu mana-mana agama. Ia melindungi hak anda untuk mengatakan apa yang kita mahu kepada sesiapa yang kita kehendaki. Ia membenarkan anda untuk menulis dan menerbitkan apa yang kita mahu, walaupun tidak disukai oleh kerajaan. Ia memberi kita hak untuk membaca dan mendengar berita-berita yang tidak ditapis, untuk mengetahui apa yang berlaku di negara ini dan di dunia.

Bill of Rights membenarkan anda menemui mana-mana rakan yang anda suka, bila dan di mana anda suka. Anda juga boleh berkumpul dengan rakyat yang lain untuk memprotes tindakan kerajaan dengan aman, atau untuk menuntut perubahan undang-undang.

Anda dilindungi daripada "perampasan dan penggeli-dahan tanpa alasan," maka dengan itu samada anda, rumah anda, ataupun almari sekolah anda, tidak boleh digelidah, atau apa-apa tidak boleh diambil daripada anda tanpa surat arahan rasmi mahkamah yang dikeluarkan oleh majistret yang mempercayai dengan bukti yang ada bahawa anda mungkin telah melanggar undang-undang.

Jika anda dituduh melakukan jenayah, anda tidak boleh diminta memberikan bukti yang bertentangan dengan diri anda - perlindungan anda daripada disiksa untuk menanda-tangani surat pengakuan. Anda tidak boleh dipenjara, dihukum atau harta benda anda dirampas, kecuali menerusi proses pengadilan di mahkamah undang-undang. Anda tidak boleh ditahan di penjara selama-lamanya, tetapi anda mempunyai hak untuk "dibicarakan segera di depan umum oleh para juri yang tidak berat sebelah." Anda mesti diberitahu hukuman yang dikenakan ke atas anda. Pendakwa anda tidak boleh menyembunyikan rahsia, sebaliknya mesti menceritakan di mahkamah di mana peguam anda boleh mendengarnya. Anda mempunyai hak untuk memilih seorang peguam untuk membela anda dan memanggil saksi di pihak anda.

Jika keputusan mahkamah mendapati anda bersalah, anda masih mempunyai hak untuk merayu kepada mahkamah tinggi, sehinggalah kepada Mahkamah Tertinggi. Semasa menanti keputusan perbicaraan dari mahkamah rendah atau mahkamah rayuan, anda tidak boleh ditahan di penjara melalui perintah hakim untuk mengadakan wang jaminan - sejumlah wang yang anda mesti bayar kepada mahkamah untuk memastikan yang anda akan hadir pada hari pengadilan atau hari hukuman yang ditetapkan.

Jika anda didapati bersalah, seorang hakim tidak boleh mendenda anda sesuka hati dengan kadar yang tidak ber-

patutan berbanding dengan kesalahan yang dilakukan. Seperti menjatuhkan denda \$10,000 untuk kesalahan parking jika beliau tidak menyukai cara anda mengenakan rambut anda. Juga beliau tidak boleh menetapkan sebarang hukuman yang "kejam dan luarbiasa", seperti memerintahkan anda dipukul atau disiksa.

Anda tidak boleh dibicarakan di tempat yang jauh daripada tempat terjadinya tuduhan melanggar undang-undang, sebaliknya di negeri di mana kesalahan itu dilakukan. Anda tidak boleh dibawa ke muka pengadilan kerana sebarang tindakan yang anda lakukan sebelum sesuatu undang-undang itu diluluskan menjadikannya tidak sah. Kerajaan juga tidak boleh meluluskan undang-undang dengan mendedahkan mana-mana kelompok asal anda daripada mana-mana hak-hak penuh kewarganegaraan.

Perlembagaan menjamin anda hak-hak tersebut tanpa melihat kepada bangsa, jantina, ugama, nasionaliti atau fahaman politik. Jika anda dilahirkan di Amerika Syarikat atau menjadi warganegara melalui pewarganegaraan, anda juga berhak menggunakan hak untuk mengundi tanpa halangan dalam semua pilihanraya kerajaan, melainkan jika anda seorang penjenayah.

Perlembagaan dan Undang-undang Hak (Bill of Rights) merupakan undang-undang negara. Undang-undang yang diluluskan oleh Kongres atau oleh negeri-negeri sendiri tidak boleh melanggar peruntukan ini, walaupun Perlembagaan boleh dipinda. Mahkamah Tertinggi mempunyai hak memutuskan samada undang-undang, tindakan kerajaan atau keputusan mahkamah mengikut Perlembagaan. Mana-mana yang didapati melanggar Perlembagaan atau Bill of Rights diumumkan sebagai tidak sah dan terbatal.

Perlindungan kebebasan dan hak-hak anda ini, bersama-sama dengan proses pilihanraya bebas, merupakan asas demokrasi. Namun perlindungan ini selalunya tidak dija-lankan! Pegawai-pegawai kerajaan yang jahil dan cuai mungkin melanggar undang-undang, menindas rakyat Amerika yang menentang mereka, sebagaimana yang ditunjukkan oleh

pentadbiran Nixon mungkin lebih jelas daripada pentadbiran presiden yang sebelumnya. Tetapi jika mereka dapat dikesan, seperti mana yang berlaku pada pentadbiran Nixon, mereka menghadapi hukuman melakukan jenayah.

Perlembagaan dan Bill of Rights menyulitkan pegawai-pegawai kerajaan untuk mengabaikan undang-undang yang menentukan hak-hak rakyat. Tetapi kerajaan kita masih banyak kekurangan. Kita perlu sentiasa memerhatikan penyelewengan dan penyalahgunaan keadilan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh John Philpot Curran, seorang negarawan Irish, dalam tahun 1790, "Pengawasan yang berterusan adalah harga kebebasan."

Apabila kita berwaspada, apabila kita tahu hak-hak kita dalam Perlembagaan dan mendesak ia dilaksanakan, kita mempunyai kekuatan dalam Perlembagaan dan Mahkamah Tertinggi membela kita - satu kuasa yang lebih besar daripada mana-mana individu, hatta seorang presiden atau pegawai kerajaan sekalipun.

Negara Polis adalah lawan kepada negara demokrasi. Ia merupakan negara di mana pemerintahan diktator dilakukan oleh seorang pemimpin, parti atau kumpulan yang menggunakan kuasa yang menyeluruh, keras dan menindas terhadap kehidupan sosial, ekonomi dan politik rakyat, selalunya dengan menggunakan keganasan melalui satu pasukan polis rahsia.

Ia merupakan sifat semulajadi pemerintah diktator untuk mencapai kuasa mutlak jika ianya boleh tercapai. Dan hatta diktator yang paling lembut sekalipun bergantung kepada pasukan polis rahsia, dan penggunaan taktik-taktik ganas, untuk melumpuhkan mana-mana pembangkang politik.

Dalam kebanyakan kes, hak seorang warganegara dalam negara polis adalah sekadar apa yang ditetapkan oleh pemerintah diktator. Jika ada perlembagaan pun, selalunya ia tidak lebih daripada sekeping kertas yang diwujudkan untuk tujuan propaganda. Ia tidak menjalankan undang-undang, ataupun mengawasi sebarang tindakan yang kerajaan mahu laksanakan.

Sebuah negara polis moden mungkin akan menggelar-kan dirinya negara demokrasi walaupun sebenarnya ia tidak

sedemikian. Tujuan kerajaan seperti itu adalah untuk memastikan kuasa mereka mutlak, tidak diawasi oleh majlis perundangan yang dipilih secara bebas dan mahkamah tinggi yang bebas.

Jika anda tinggal dalam sebuah negara polis, anda tidak mempunyai hak untuk mempertikaikan sesuatu tentang orang-orang yang mempunyai kuasa ke atas anda, kerana anda tidak mempunyai hak untuk mengundi dalam satu pilihanraya bebas. Anda akan terus dibiarkan jahil dengan apa yang sedang berlaku, kecuali bagi perkara yang negara polis itu mahu anda tahu atau percaya. Akhbar, radio, TV, wayang dan setiap sumber maklumat lain adalah di bawah penguasaan penapis-penapis kerajaan.

Anda tidak boleh menyuarakan pendapat anda dengan bebas, bersahabat dengan sesiapa yang anda mahu atau pergi ke mana-mana yang anda suka, kerana pengintipan yang dilakukan oleh anggota polis rahsia di tempat umum. Pekerjaan mereka adalah menekan orang yang tidak setuju dan kritikan sebagai pengkhianatan, kerana ia akan membahayakan keselamatan negara dengan mencetuskan tunjuk perasaan. Adalah tidak selamat bagi anda jika kelihatan anda berbaik-baik dengan sesiapa sahaja yang di curigai oleh polis politik. Anda akan ditangkap bila-bila masa, tanpa surat arahan mahkamah, hatta kerana tuduhan palsu dan tidak benar yang dibuat oleh jiran yang dengki sekalipun. Anda boleh ditahan dalam penjara atau kem tahanan tanpa dibicarakan, selama mana yang dirasakan wajar oleh pihak berkuasa. Jika anda dibicarakan, ia mungkin suatu tindakan olok-olok, dengan keputusan perbicaraan yang memang telah ditentukan lebih awal. Anda mungkin tidak diberitahu mengapa anda dipenjara dan tidak dibenarkan memberitahu sesiapa.

Anda mungkin tidak diberi gambaran bilakah anda akan dibebaskan. Keadaan dalam penjara pula sangat dahsyat yang mana di dalam keadaan tersepit, anda mungkin akan menandatangani sebarang pengakuan dengan harapan untuk mendapatkan hukuman yang lebih ringan. Atau anda mungkin disiksa kerana maklumat yang disyaki ada pada anda tentang

penentang-penentang kerajaan, walaupun mereka ini adalah ahli-ahli keluarga anda sendiri.

Amnesty International, sebuah pertubuhan dunia untuk membantu tahanan-tahanan politik, melaporkan "Dalam lebih daripada tiga puluh negara, siksaan dilakukan untuk mendapatkan pengakuan, mengorek maklumat, menghukum orang yang menentang dan mencegah bangkangan terhadap dasar-dasar keras kerajaan."

Dalam demokrasi, anda mempunyai kebebasan untuk bergerak, kebebasan untuk mengubah tempat di mana anda tinggal dan bekerja, untuk mengembara ke luar negeri dan untuk berpindah ke negara lain jika anda suka. Tetapi negara polis langsung menyekat hak anda untuk bergerak. Anda dikehendaki meminta kebenaran untuk bertukar tempat tinggal atau pekerjaan. Kebanyakan negara polis tidak membenarkan anda mengembara melebihi sempadan negara mereka atau sempadan satelit jiran, dan tidak membenarkan berpindah ke luar negara. Mereka lebih suka rakyat mereka terus jahil tentang kebebasan yang dinikmati di dalam negara-negara demokrasi.

Oleh itu negara polis cuba sedaya upaya untuk mengekalkan masyarakat yang tertutup. Pelawat-pelawat asing selalunya dihadkan dengan hati-hati kemana mereka boleh pergi dan apa yang mereka boleh tengok. Negara polis tidak mahu undang-undang keras yang dilaksanakannya dilaporkan ke luar negara dan ia sensitif dengan pandangan dunia.

Ringkasnya, negara polis tidak mengiktiraf kedua-dua hak politik rakyatnya dan kebebasan yang dikenali sebagai kebebasan sivil yang terjamin seperti udara Amerika yang kita sedut. Kita tidak akan berbuat demikian selama ini jika Amerika Syarikat berubah menjadi negara polis.

Melalui sejarah negara kuku besi lebih diketahui umum daripada negara demokrasi. Sehingga pertengahan abad ke 19, kebanyakan kerajaan melaksanakan dasar-dasar negara polis, tanpa memikirkan sangat hak-hak rakyat.

Kerajaan ditadbir untuk kepentingan golongan atasan yang menggunakan kuasa. Hanya apabila pergerakan revo-

lusi mula melanda seluruh dunia dalam tahun 1848, maka pemerintah monarki merasa tertekan untuk mententeramkan rakyat yang marah dengan menjanjikan mereka perlembagaan dan parlimen untuk melindungi hak mereka.

Walaupun selepas itu hanya apabila menjelang abad ke-20 sahaja janji-janji itu mula ditunaikan. Banyak daripada kerajaan beraja yang zalim di Eropah menjadi negara monarki atau republik yang berperlembagaan. Namun demikian, dalam banyak kes, ia telah digantikan dengan negara polis.

Sepanjang 60 tahun yang lalu dua jenis prinsip negara polis telah berkembang. Di pihak politik fahaman Kiri adalah negara-negara Komunis yang diasaskan kepada idea-idea Karl Marx dan Friedrich Engels, dua orang intelek dalam abad ke-19 yang meyakini bahawa pemilikan persendirian terhadap hak milik dan perniagaan pada asasnya adalah merosakkan kerana ia membawa kepada dominasi golongan kaya terhadap golongan miskin. Mereka mengatakan kapitalism akan ditakdirkan hancur dan digantikan dengan satu "pemerintahan diktator golongan proletariat" - iaitu golongan pekerja.

Komunis telah menganjurkan supaya semua industri dan pertanian diambil daripada hak milik swasta, untuk dioperasi sebagai syarikat kepunyaan kerajaan, dan mengembalikan hasil daripada usaha itu kepada pekerja dan petani.

Negara Komunis yang pertama muncul adalah Soviet Union, yang diasaskan di Russia dalam tahun 1917 oleh parti Bolshevik yang dipimpin oleh Nikolai Lenin. 32 tahun kemudian ia diikuti pula oleh negara Komunis di China yang diasaskan oleh Mao Tse-tung.

Di pihak golongan politik fahaman Kanan pula adalah negara-negara Fascis yang dipengaruhi oleh idea Vilfredo Pareto, yang menolak teori Marxisme. Pareto membahaskan bahawa golongan intelektual bertanggungjawab terhadap kekecohan yang melanda dunia, yang mana hanya boleh diperbetulkan oleh orang yang bertindak melalui kekuatan dan kekerasan. Kepimpinan yang berjaya sebagaimana yang diajar oleh Pareto meliputi keupayaan pemimpin yang cekap untuk merampas peluang pada masa yang tepat.

Golongan Fascis telah berusaha mencapai kekuatan nasional dengan menyatukan negara di bawah diktator yang berkuasa; menghapuskan kumpulan etnik "rendah" menghasilkan hanya satu "master race"; dan melancarkan peperangan untuk mendapatkan wilayah jajahan, harta dan keanggunan.

Negara Fascis yang pertama adalah pemerintahan diktator Itali di bawah kuasa Benito Mussolini dalam tahun 1922. 11 tahun kemudian ia diikuti pula oleh negara polis Nazi yang dipimpin oleh Adolf Hitler di Jerman. Negara Fascis ini diperintah dengan sokongan golongan konservatif, golongan kaya dan berkuasa.

Kedua-dua Komunis dan Fascis menolak kebebasan politik kepada rakyat yang mereka perintah. Walau bagaimanapun beberapa orang ahli politik melihat adanya perbezaan asas di antara dua sistem itu.

Sebuah rencana pengarang dalam majalah Nation, salah satu daripada majalah tertua di Amerika, menyatakan, "Fakta yang jelas adalah USSR dan China - dan Cuba adalah rejim revolusi sosial. Baik atau buruk, mereka adalah seperti itu. Semuanya timbul daripada keadaan sosial yang melampaui batas dan semua orang cuba untuk membetulkan keadaan ini.... Orang-orang seperti Marx, Lenin, Mao Tse-tung, hatta Stalin sekalipun, tidak sewajarnya dibandingkan dengan Hitler dan Mussolini, yang langsung tidak pernah mempunyai falsafah sosial, tetapi sekadar tahu merampas dan menakluk."

Tidak semua cerdik pandai bersedia untuk menerima hakikat ini, tetapi saya dapati tanggapan itu sah dan bererti. Dengan itu saya membincangkan berbagai pemerintahan diktator dalam buku ini bukan setakat bersangkutan dengan sumbangan klasik negara polis yang termasuk kongkongan politik, penafian kebebasan awam, penggunaan kekerasan dan kekejaman, tetapi juga dalam hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi dan sosial.

Tinjauan terbaru menunjukkan bahawa 66 negara di dunia hari ini, dan 42 peratus daripada penduduk dunia, tidak boleh dikatakan bebas. Penghujung tahun 1975, Daniel

Patrick Moynihan, yang pada masa itu menjadi Duta Amerika di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, mendapati bahawa bilangan negara demokrasi dalam PBB yang berkurangan terpaksa menghadapi serangan yang meningkat daripada "totalitarian dan rejim Komunis dan berbagai-bagai sistem kuku besi purba dan moden."

"Pemerintahan diktator di Amerika Latin, Afrika dan Asia meninggalkan kepada dunia Barat kesan monopoli yang hampir menyeluruh dalam kerajaan sendiri. Hanya Eropah dan Amerika Utara sahaja membuat tuntutan serius untuk meneruskan demokrasi sebagaimana yang kita fahami," kata Robert M. Hutchins semasa beliau menjadi Pengarah Pusat untuk Institut Kajian Demokratik.

Di dunia yang semakin banyak negara polis dan kurang negara demokrasi setiap tahun, kemungkinan bahawa negara kita juga akan meninggalkan demokrasi kerana tekanan masalah kesulitan ekonomi yang meningkat tidak boleh dia-baikan. Terutamanya sejak kebanyakan orang Amerika hari ini, tidak diberitahu seperti yang sepatutnya tentang bentuk yang berbeza dalam sistem kerajaan dan sistem ekonomi, mungkin kerana pengasingan daripada politik yang semakin berkembang.

Generasi pengundi-pengundi akan datang akhirnya akan memelihara demokrasi dengan tangan mereka sendiri. Jika mereka tidak boleh membezakan dengan jelas antara sifat-sifat demokrasi dan sifat-sifat negara polis, mereka mungkin akan tersilap langkah menyokong pergerakan, calon-calon atau undang-undang yang boleh membawa kepada pemerintahan diktator di Amerika.

Keadaan yang melahirkan negara polis tidak ada bandingnya dengan negara-negara asing. Ia wujud tapi tersembunyi di mana-mana negara termasuk negara kita. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini kebanyakan rakyat Amerika mula menyedari bahawa mempercayai kerajaan sentiasa melakukan perkara yang betul, dan melindungi kebebasan rakyat adalah merbahaya.

"Kebebasan tidak pernah datang daripada kerajaan,"

amaran yang diberikan oleh Woodrow Wilson. "Kebebasan selalunya datang daripada subjek mengenainya. Sejarah kebebasan adalah sejarah pertarungan."

Kita perlu sedar bahawa negara polis mungkin memikat hati ramai orang yang rela melupakan kebebasan politik dan kebebasan awam - terutamanya jika mereka tidak pernah menikmatinya - kerana apa yang mereka yakini adalah lebih banyak faedah-faedah yang praktikal untuk mendapatkan cukup makanan, tempat tinggal dan rawatan kesihatan.

Penjelasan awal penahanan ISA

Oleh Ahmad
Lutfi Othman

Penahanan saya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, ISA, pada hari Isnin, 25 September lalu dan kemudiannya pembebasan yang disifatkan paling cepat pernah dibuat dan menimbulkan banyak tandatanya di sebaliknya, dalam beberapa keadaan perlu diberikan sedikit penjelasan.

Kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh pihak polis, yang disiarkan oleh kebanyakan akhbar harian dan media elektronik, cuba memberikan gambaran bahawa tujuan utama penahanan saya ada hubungan yang rapat dengan

demonstrasi mahasiswa/i Universiti Malaya membantah konsert Sheila Majid pada 10 September lalu.

Meskipun saya telah dipecat oleh pentadbir Universiti Teknologi Malaysia lebih tiga tahun lalu, tetapi menurut kenyataan Ketua Polis Kuala Lumpur, saya masih disifatkan sebagai bekas siswa UTM, dan tidak dihubungkan dengan kerjaya saya sekarang.

Ada juga akhbar yang cuba menghubungkannya dengan kenyataan Naib Canselor Universiti Malaya dan Persatuan Mahasiswa

UM, bahawa pencetus demonstrasi membantah konsert tersebut adalah pihak-pihak luar dan bukannya mahasiswa sendiri.

Sedangkan dalam soalsiasat yang dijalankan, isu demonstrasi itu bukan merupakan isu utama. Selain adanya percubaan secara bersungguh-sungguh oleh pihak polis untuk membuktikan bahawa pihak PAS terlibat secara langsung dengan demonstrasi itu (bagaimanapun ia tidak berjaya), isu-isu lain yang ditimbulkan tidak ada kaitan dengan dunia kampus.

Nampaknya gambaran yang

cuba diberikan ialah golongan mahasiswa kini tidak berupaya untuk menyatakan sikap dan pendirian mereka terhadap perkembangan semasa melainkan didorong oleh pihak luar. Saya juga melahirkan penghargaan kepada Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan yang bertindak dengan begitu pantas menangani isu penahanan saya itu.

Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan penahanan itu dan isu-isu yang berbangkit dengannya akan cuba dijelaskan kemudian, Insya Allah.

Tangkapan ISA penuh tandatanya penuh muslihat

Oleh
Ahmad Lutfi Othman
Bahagian Kedua

Ada orang tertajuk bagaimana saya boleh dibebaskan dengan begitu cepat sekali. Tetapi bagi saya sendiri, sampai ke hari ini masih tertanya-tanya mengapa pula saya ditahan, kemudiannya dibebaskan tanpa sempat pihak polis mengambil maklumat-maklumat yang tujuhnya walaupun dibebaskan kepada saya.

Di samping itu, ada pihak yang tertanya-tanya, bagaimana berita penangkapan saya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, ISA, dimarahkan secara meluas hampir kesemua akhbar dan TV.

Ada juga yang bertanya, kenapa pula sebuah perubahan bella dalam yang kini jarang membuat kenyataan yang boleh ditafsirkan sebagai membantah kerajaan boleh mendesak supaya saya dibebaskan.

Namun bagi saya, perkara tersebut bukannya isu utama. Dan saya sendiri merasakan ada sesuatu yang cuba disembunyikan dalam isu penahanan ini dan ada perkara yang hendak ditonjolkan.

Mungkin dengan menahan seorang yang langsung tidak ada nama dalam pentas politik tanahair, seperti juga dengan penahanan orang-orang yang tidak dikenali dalam Operasi Lalang tempoh hari, pemertahanan masyarakat terhadap ISA dapat ditimbulkan.

Masyarakat selepas ini mungkin tidak begitu gerun lagi dengan ISA. Dan malah yang amat diingini oleh kerajaan, di mana ISA akan digunakan untuk mendapat maklumat-maklumat parti-parti pembangkang ataupun perubahan-perubahan yang tidak selari dengan kerajaan. Sememangnya pegawai penyiasat itu lebih dikenali sebagai IO lebih berminat untuk mengali rahsia mengenai politik yang kemudiannya diserahkan kepada kerajaan daripada mempermbangkan persoalan keselamatan negara.

ISA tetap merupakan mata akta yang zalim, tidak berperli kemanusiaan dan sewajarnya dibatalkan kerana bukan sebagai pelaksanaananya yang langsung

tidak menghormati kehormatan dan kemuliaan seseorang insan tetapi dari segi semangatnya sendiri ia semestinya ditentang.

Bukan soal sama ada kita dilayan dengan baik ataupun diberikan kemudahan yang lazim ataupun kemudahan asas secukupnya dalam tahanan polis itu. Bukan pula soal kemarahan IO yang menggunakan pelbagai taktik psikologi yang mengutip maklumat yang diperitikan.

Isu pokok ialah penahanan itu sendiri, penahanan yang mencabar segala kemerdekaan dan kebebasan. Penahanan yang memperitikan saya bukan seperti seorang insan. Dengan tangan digari, kaki tidak beresap, mata yang ditutup, kita dikurung dalam bilik yang amat kecil dan diberikan kemarahan. Diberitahu pula bahawa berse-

balahan dengan kita ialah pengennas komunist.

Soal sama ada saya ditahan satu minggu atau dua tahun bukannya tidak penting tetapi merupakan soal lain. Yang utama tetap isu penahanan ISA itu sendiri.

Saya amat risau dengan pandangan masyarakat sekiranya melihat isu penahanan ISA khususnya kepada dua pemimpin pelajar UM iaitu pertika ringan. Rata-rata pandangan yang saya dengar, seolah-olah memandangkan segi penahanan itu. Mungkin tempohnya tidak lebih seminggu tetapi seperti saya sebutkan di awal tadi untuk membenarkan tindakan zalim dan tidak berperli kemanusiaan itu bukannya sifat seorang Muslim.

Sayangnya, hanya dengan melaporkan kegiatan demonstrasi

membantah kemengkeratan, hanya terlibat dengan demonstrasi itu sendiri, saudara boleh ditahan di bawah ISA, di mana saudara akan 'ditelanjangkan'. Segala kegiatan akan dibongkar secara paksa yang mana ia tidak ada kaitan langsung dengan alasan penahanan.

Kemudiannya di dalam tahanan, saudara digigit dengan pelbagai ancaman dan ugutan, yang membabitkan masa depan saudara. Tegasnya, mereka boleh bertindak apa saja kepada saudara, hanya disebabkan pandangan politik saudara berbeza dengan pemerintah.

Mungkin di mana ia akan teretus pertanyaan: apakah demokrasi, apakah kebebasan, dan apakah tindakan sebuah kerajaan penerap nilai-nilai Islam?

Saya sendiri, meskipun sesi sosialisasi belum begitu panjang tetapi dilontarkan dengan persoalan-persoalan politik bukannya masalah keselamatan. Kerjaya sebagai penulis seolah-olah dirasakan tidak selamat lagi selepas

ini.

Apa yang saya bimbang, kerajaan seperti ini akan menahan seseorang yang dibebaskannya dalam tempoh yang paling singkat, untuk meminimalkan pemertahanan rakyat terhadap penahanan itu. Apa lagi penahanan itu jarang sekali dibebaskan kepada akhbar-akhbar dan media lainnya.

Anwar Ibrahim sendiri mesti bertanggungjawab dalam isu penahanan dua orang pemimpin PMGUM itu. Walaupun dikatakan beban itu lebih diletakkan kepada Syed Hamid Alauddin, Nash Cawaler UM, yang disifatkan oleh polis sendiri mengarahkan pihak polis bertindak secara kekerasan tetapi Anwar merupakan Menteri Pendidikan dan menteri kanan yang rapat dengan Perdana Menteri.

Sekiranya beliau gagal menyelesaikan masalah UM ini, para mahasiswa seharusnya tidak memarahkan lagi kesalahan Anwar itu setelah itu pemertahanan pelajar-pelajar pernah berlaku begitu saja.

ANTARA perkara yang ingin sangat diketahui oleh pegawai penyiasat semasa ditahan ISA ialah penglibatan saya dalam aktiviti kampus dan kerjaya saya sebagai seorang wartawan sama ada semasa bernama Harukut ataupun sewaktu menjadi wartawan bebas. Saya sendiri merasakan kegiatan saya dalam kedua-dua bidang itu masih di peringkat awal.

Tentunya sesuatu yang tidak masuk akal, ketidakseraman awam dan keselamatan negara boleh tergugat dengan tulisan-tulisan saya. Kalaupun ia tidak digemari oleh pemerintah, ada banyak akta yang boleh menghalang saya dari terus menulis.

Saya lebih mahu disebut sebagai penentang babak-babak penting yang diketuai sendiri oleh pemerintah khususnya dalam dua isu utama iaitu penahanan borong Operasi Lalang dan juga penahanan Tun Salleh Abas, bekas Ketua Hakim Negara, dan bukannya seorang penulis.

Siti Subaini Said ditahan ISA dua kerana dikatakan menulis melalui mengundi peristiwa pem-

Oleh Ahmad
Lutfi Othman
Bahagian Ketiga

bunuhan di Lubuk Merbau sedangkan mereka yang terlibat dalam tragedi itu tidak dikenakan apa-apa tuduhan.

Begitu juga dengan kes Operasi Lalang di mana Dr Mahathir sendiri menjadi pelaku utamanya, dan menguamnya kezaliman yang ditahan diupayakan begitu sahaja. Sedangkan masa yang dihabiskan oleh sebahagian besar pemimpin-pemimpin politik pembangkang, tenaga akademik, aktivis kesatuan sekera dan seumpamanya di dalam penahanan polis ataupun di Kamunting merupakan masa yang terbuang, yang mesti ditubuh dan tidak boleh dengan begitu mudah diberikan begitu sahaja.

Saya sendiri yang hanya di-

Antara kebebasan menulis & gerakan siswa

tahan selama satu minggu pun tidak dapat menerima hakikat penahanan itu, inikan mereka yang ditahan sampai bertahun-tahun. Seperti disebutkan dalam tulisan terdahulu, sebarang perlakuan yang tidak menghoramti kemah a-seniah, yang dilakukan semamamata untuk memendukinaturakus pemerintah, tidak dapat untuk dimaksakan.

Apatah lagi sekiranya dianggap satu kesalahan besar kerana menulis buku "Islam, Kebajikan dan Kediktatoran, kes Tun Salleh Abas".

Pemecatan bekas Ketua Hakim Negara merupakan episod hitam dalam sejarah perundangan negara, yang hingga kini belum lagi dapat

dipulih kebebasannya. Pelbagai pemaluan fakta dikemukakan untuk menghalalkan undakan Dr Mahathir demi menyilapmakan kedudukannya sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia, hinggakan tarikh 1 Mei 1988 yang merupakan tarikh penting dalam peristiwa itu dikatakan hari Rabu sedangkan ia adalah hari Ahad, hari Buruh.

Saya merasakan untuk seorang pematang kerul melupakan dua tragedi ini tentunya tidak munasabah. Ia adalah isu kemanusiaan, itu kedirian hari Rabu sedangkan ia adalah hari Ahad, hari Buruh.

Buku-buku saya yang lain turut disebut iaitu "Hari Syhada"

Memali", "Demonstrasi Zaman Mahathir" dan "Talangsari, Warisan Memali". Perkara utama yang ditanya tentulah apakah yang membayangi penerbitan buku-buku itu yang dikatakan tidak berciri komersi.

Sebaik saja dibicarakan, saya diberitahu oleh rakan-rakan di rumah bahawa permohonan saya untuk menerbitkan majalah bulanan berbentuk politik ditolak tanpa sebarang alasan. Kebendaan tarikh penolakan KDN itu bertepatan dengan tarikh saya ditahan - 23 September 1989.

Satu hal yang pelik bagi saya ialah sikap pegawai-pegawai penyiasat yang mahu membalikan peristiwa demonstrasi di Univer-

siti Malaysia itu dengan PAS. Saya sendiri ditahan pada malam itu bagi orang tengah antara PAS dengan mahasiswa, yang menghasut mahasiswa supaya berdemostrasi. Hujah mereka, saya mahu mengambil denda kerana pernah ditangkir oleh pejabat Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1986 yang lalu.

"Awak mahu supaya pelajar-pelajar lain turut ditangkir dari universiti. Separatnya awak ditukar dengan lebih besar", tegus salah seorang pegawai penyiasat itu. Tulisan-tulisan saya semasa menjadi Ketua Pengarah akhbar kampus di UTM dan hingga kini nampaknya menarik minat mereka. Ada juga orang yang mencontohi tulisan saya!

Ada pihak mahu melibatkan PAS dalam demonstrasi siswa UM

Oleh Ahmad Lutfi Othman
Bahagian keempat

LEBUKURANG pukul 11.30 pagi hari Sabtu, hari kesena saya ditahan di bawah ISA, ketika sedang sesi sidang sedang runcah dijalankan, mula menyentuh kerjaya saya sebagai wartawan dengan mengemukakan tajuk-tajuk buku yang telah saya tulis; seorang anggota polis, masih muda umurnya, memberitahu ketua pegawai penyiasat "Ada telefon untuk En..."

Pegawai tersebut keluar untuk beberapa minut dan masuk semula menampok pegawai yang lain keluar, mungkin untuk mengadakan perbincangan.

Selang masa yang tidak berapa lama, mereka kembali semula.

"Sdr Lutfi, kami beri peluang untuk anda memilih sendiri. Adakah mahu bebas atau terus tinggal di sini. Kalau kami, Datuk... mahu tahu apakah rencana demonstrasi di Universiti Malaysia dulu, terdapat ahli-ahli PAS yang ada kem. Kalau ada seorang pun jaidah."

Sambungnya lagi: "Kami beri masa 10 minit kepada anda, cuba ingit baik-baik."

Mereka terus keluar, sambil menutup

pintu bilik 10 x 8 kaki itu dengan kuatnya.

Apakah ini kunci penahanan ISA ke atas saya dan dua orang pemimpin Pertatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaysia itu; mahu membabitkan PAS dengan demonstrasi yang sebelum itu sendiri cuba digambarkan bahawa ia didalangi oleh orang-orang luar?

Apakah dengan melibatkan PAS atas pemimpin-pemimpinnya, satu lagi strategi politik menjeling pihilawanya untuk memburuk-burukkan PAS akan dilaksanakan?

Apakah PAS akan digambarkan sebagai parti yang langsung tidak boleh bertolak ansur dengan konsert-konsert yang diadakan dalam dewan tertutup dan dijalankan secara tertutup?

Apakah PAS akan didakwa sebagai parti yang menolak musik, yang akan menghasratkan segala bentuk hiburan apabila memerintah nanti?

Apakah PAS akan didakwa menghasratkan mahasiswa universiti untuk berhenti memaklumkan idea dan fahaman mereka

kepada orang luar, kepada masyarakat majoriti secara kekerasan seperti menggarutkan demonstrasi itu untuk membantah konsert?

Sekiranya, kalau itu malarid utama penahanan ini, kenapa sampai digunakan ISA untuk menahan dua pemimpin pelajar tersebut sehingga boleh menggugurkan keayasaan mereka sebagai seorang pelajar kerana ditahan polis lebih 24 jam?

Setahu saya, isu soal-tisai yang dijalankan kepada pemimpin pelajar itu juga berlegar sekitar hubungan PAS dengan pelajar-pelajar universiti.

Antaranya seperti, siapakah pemimpin PAS yang rapat dengan pelajar, kekerasan pertama, ini perbincangan dan sempurnanya. Kemudian, mahu diadilkan bahawa demonstrasi itu diadakan kerana adanya arahan dari pemimpin PAS.

Kenapa pula PAS mahu dikambing hitamkan? Apakah hubungan pelajar-pelajar dengan parti-parti politik dianggap satu kesalahan besar, insipun kalau betul ada hubungan seperti yang diadilkan

celah pihak-pihak tertentu?

Saya sendiri pernah memaklumkan semasa ditahan: "Kenapa itu hubungan pelajar dengan PAS menjadi begitu penting hingga yang tak ada diadilkan, hingga yang bukan-bukan diadilkan. Perkara utama ialah keangkuhan pihak pentadbir universiti melayani citarasa mahasiswa dalam di kampus, bukannya itu konsert Sheila Majid itu sangat."

"Saya rasa Sheila Majid sendiri lebih memahami kenyataan jika dilihat kenyataan akhbarnya tempoh hari."

Sebelum itu saya sendiri beritanya pihak berkuasa, kenapa mesti ditahan di bawah ISA, hanya kerana demonstrasi kecil itu, dan ia bukannya melibatkan isu-isu politik.

Jawab seorang inspektor di Balai Polis Brickfield: "Peruntukan yang paling mudah untuk kami gunakan sekarang ialah ISA. Dengannya, siapapun tak boleh ganggu kerja kami. Untuk mendapatkan penahanan lebih lama dengan kaidah lain terpaksa merujuk kepada majistret. Mengikut kami tidak berjaya jika

menggunakan jalan itu."

Apakah lagi dengan pindaan ISA yang lebih menyempurnakan keadilannya. Perkara ini seperti menjadi kebanggaan kepada pegawai-pegawai penyiasat lainnya. Mereka sering mendahib dada bahawa siapa pun tidak boleh mengganggu mereka termasuk pihak mahkamah atkarang ini.

Sudahlah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1979 (pindaan 1975, 1979) begitu mengongkong dan mengukuhkan pelajar-pelajar yang mempunyai hubungan dengan parti-parti politik, kecenderungan pelajar terhadap ideologi pun seolah-olah mahu diperiksa seperti berada di kandang orang salah.

Sekolah-olah PAS itu suatu pertubuhan yang tidak didaftarkan dan ia berjalan bukan di bawah undang-undang negara. Demikian yang saya faham dan perbualan dengan beberapa orang yang terlibat semasa penahanan dulu. Mereka juga tidak dapat menghayati perjuangan mahasiswa dengan segala simpang-pelangananya.

TANGGAPAN SALAH TERHADAP KEZALIMAN ISA



Dr. Mahathir Mohamad

Oleh Ahmad Lutfi Ohman
Bahagian akhir

Rasanya cukuplah saya menelis beberapa catatan mengenai kezaliman Akta Keselamatan Dalam Negeri, ISA, kerana beberapa perkembangan yang berlaku mutakhir ini lebih menarik khususnya menjelang pilihanraya umum.

Bagaimanapun satu perkara yang dipandang ringan oleh kita ialah keadaan yang dihadapi oleh tahanan-tahanan ISA. Selalunya masyarakat merasa lega bila diberitahu tahanan-tahanan tersebut tidak diulna fizikal mereka, diberikan makanan yang cukup dan kemudahan asas yang lainnya.

Walhal bagaimana tahanan-tahanan itu dinafikan hak seperti keyakinan mereka terhadap perjuangan agama atau dipandang rendah, kemudahan untuk beribadat tidak dibenarkan, kehormatan sebagai insan dipijak-pijak, tidak dipandang sebagai perkara yang perlu diberikan perhatian utama.

Ramai tahanan bergama Islam tidak berpuas hati kerana mereka tidak diberikan sarung,

kupiah, sejadah, al-Quran dan tempat beribadah yang sesuai semasa ditahan. Bagi saya isu ini cukup besar bagi seorang Muslim. Hak mereka untuk beribadah, untuk memenuhi tuntutan terhadap tanggungjawab mereka dengan Allah, dinafikan oleh pegawai-pegawai penyiasat yang semuanya bergama Islam.

Bagi seorang Muslim, soal makan minum, soal kemudahan tempat tidur dan sempunannya bukanlah perkara utama. Tetapi, selalunya bila seseorang tahanan itu dibebaskan, orang selalunya bertanya perkara ini.

Sedangkan isu utama bagi seorang pejuang ialah keyakinan terhadap perjuangannya terutama perjuangan Islam dan kemudahan untuk beribadat. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan.

Penghinaan terhadap pemun-pemimpin parti, memperlekehkan dasar perjuangan yang diyakini dan perkara sempunannya sama sekali tidak boleh diterima dan dinafikan.

Sikap angkuh yang menghinakan batang tubuh tahanan bukanlah isu yang perlu ditonjolkan tetapi langkahnya pegawai-pegawai penyiasat mempersendakan keyakinan perjuangan hendaklah diberhentikan.

Setiap tahanan hendaklah diberikan kemudahan untuk beribadat dengan sempurna menurut ajaran agama masing-masing.

Ancaman dan ugutan, conohnya seperti yang dialami oleh Sdr Lim Kit Siang semasa ditahan di bawah Operasi Lalang 27 Oktober 1989 yang lalu, adalah memalukan pihak parti Cawangan Khair. Kit Siang digugat oleh seorang pegawai kanan bahawa hidup mati beliau ditanggunya. Apakah ini petanda Negara Prida?

Sebelum ini saya mengakhiri

tulisan mengenai kezaliman ISA ini, maka diungkapkan bahawa minggu hari ini, menurut Dr. Mahathir Mohamad sedikit terdapat 64 orang tahanan ISA. 52 darinya ditahan di Pusat Tahanan Kemuning dan 12 yang lain ditahan di PRC Batu, Kuala Lumpur.

Semenjak April 1989, 39 orang ditahan di bawah ISA. 20 orang terus ditahan di bawah Sekyen 8(1), dua dibuang daerah, lima dibebaskan dan 12 orang lagi sedang disoal-siasat. Menurut beberapa sumber, tahanan yang paling ramai ialah pejuang-pejuang Islam.

Dr. Mahathir Mohamad, selaku Menteri Dalam Negeri sepatutnya mengambil tanggungjawab ini untuk membebaskan semua tahanan itu ataupun membawa mereka ke mahkamah.

OPERASI KENARI

Oleh:
C. N. AL AFGHANI

DARI PENULIS

BISMILLAAHIR RAHMAANIR RAHIIM

MENCARI dan mendapatkan kebenaran, lalu menyampaikan kebenaran itu kepada orang ramai merupakan satu dari perjuangan yang mulia. Lebih-lebih lagi dengan kebenaran itu nanti dapat memberi faedah dan membantu orang yang lemah atau dizalimi. Sama ada kebenaran itu nanti mahu diterima atau tidak, logik atau tidak, bukanlah faktor utama untuk difikirkan. Dan alasan itu bukanlah batu penghalang untuk menyampaikan kebenaran. Sekalipun bermacam-macam kepayahan, ancaman dan ugutan menimpa, sewaktu dan selepas kebenaran itu diketengahkan, ia tetap akan ditempuh.

Demikianlah antara yang pernah dilalui oleh Rasul kita Nabi Muhammad SAW ketika pertama kali menyampaikan kebenaran Islam kepada kaumnya di atas Bukit Shafa. Selain itu berbagai halangan serta dugaan telah ditempuhnya bersama para sahabat, sejak mula hinggalah ke wafatnya baginda.

Atas keyakinan inilah maka saya berusaha mendedahkan beberapa kepincangan yang terdapat di sebalik "Operasi Kenari" yang dilancarkan oleh pihak polis pada 14 Oktober 1988. Mungkin terdapat banyak kelemahan dalam catatan saya ini tetapi saya cuba memastikan ia tidak didorong oleh nafsu amarah saya kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat dalam operasi tersebut. Semoga buku ini dapat membantu kita mencari sinar kebenaran di sebalik penahanan 31 orang

oleh pemerintah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, ISA.

Pembaca juga diharap akan dapat menambahkan pengalaman mengenai arena perjuangan Islam di tanah air sendiri. Bagaimana tipu muslihat yang disusun oleh pihak tertentu untuk menghalang kebangkitan Islam di Malaysia. Dengan itu diharap di masa-masa akan datang kita tidak lagi dengan mudah akan menjadi mangsa kepada muslihat musuh.

Pembaca mungkin akan menemui di tempat-tempat tertentu dalam buku ini agak kabur atau tidak lengkap. Sebenarnya hal tersebut terjadi kerana saya mengelak daripada mengulangi apa yang telah saya ceritakan dengan panjang lebar dalam buku yang berjudul *Mengenang Gugurnya Putera Melayu di Afghanistan*.

Seterusnya harapan saya kepada pembaca setelah selesai mengikuti sedikit sebanyak pendedahan dalam buku ini, biarlah dengan tenang dan sabar kita mohon keampunan dari Allah serta berdoa agar kita sama-sama diberi taufik dan hidayah. Hendaknya Allah menerima kita sebagai salah seorang dari kekasihnya. Wassalam.

C.N. AL-AFGHANI

20 Januari 1990

PEMBANGKANG SEPAKAT MAHU HAPUSKAN ISA



Haji Subky Abdul Latif

Kuala Lumpur: Kesemua parti politik pembangkang hampir pasti berjanji akan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam manifesto pilihanraya nanti.

Tiga parti pembangkang yang mengambil bahagian dalam forum anjuran Suaram (Suara Rakyat Malaysia) di Dewan MTUC malam Jumaat lalu memberi penjelasan kepada kira-kira 200 orang yang hadir, bahawa mereka mahu akta itu dihapuskan.

PAS diwakili oleh Ketua Penerangannya, Haji Subky Abdul Latif. Beliau memberitahu PAS sudahpun memutuskan untuk memasukkan ke dalam manifesto pilihanraya umum nanti untuk memansuhkan ISA.

Prof. Dr. Syed Hussein Ali, presiden Parti Rakyat Malaysia, menyebut bahawa parti-nya terus memperjuangkan supaya akta itu dihapuskan.

Encik P. Patto yang mewakili DAP juga

menegaskan bahawa DAP mengulangi pendiriannya untuk menghapuskan akta itu.

Semangat 46 tidak hadir, tetapi pendirian parti itu adalah jelas mahukan ISA dibatalkan. Parti itu telahpun menandatangani perjanjian dengan DAP sebelum ini untuk memansuhkan ISA.

Adalah dipercayai empat dari lapan parti politik yang menandatangani kenyataan bersama menggesa kerajaan Malaysia menerima wakil pemerhati pilihanraya dari Komonwei baru-baru ini juga sependirian dengan PAS dan lain-lainnya untuk menghapuskan ISA.

Parti-parti itu ialah Berjasa, Hamim, Barisan Progresif India Malaysia pimpinan Encik M. G. Pandithan dan Parti Solidariti Malaysia.

Untuk pertama kali, lapan buah parti politik itu bersetuju atas satu perkara bagi

menghadapi pilihanraya umum iaitu mahu pilihanraya itu dilaksanakan oleh wakil Komonwei dan lain-lain.

Pemerhati-pemerhati yakin bahawa mereka juga boleh mencapai kata sepakat dalam satu perkara lagi iaitu mahu menghapuskan akta yang menahan sesiapa tanpa bicara dan tidak dapat membela diri.

Parti-parti pembangkang di Sabah dan Sarawak juga dipercayai sedia bersama dengan parti pembangkang di Semenanjung atas perkara itu.

Malah PBS yang memerintah Sabah yang berkerabat dengan Barisan Nasional dikatakan tertarik dengan pendirian semua parti pembangkang berhubung dengan ISA.

Dalam pilihanraya umum Sabah bulan lalu penahanan beberapa orang di bawah ISA membantu parti itu berkuasa semula dengan mudah.

ISU MUASSASAH DARUL-'ULUM

PERISTIWA Muassasah merupakan tragedi ketiga selepas Peristiwa Lubuk Merbau dan Peristiwa Memali, sebagai cabaran bagi umat Islam dan pejuang PAS, khususnya di Kedah.

Semua ahli PAS di seluruh negara dan sebahagian kecil orang-orang UMNO yang sayangkan Melayu, turut marah. Tentangan dari ahli PAS memang hebat sekali. Sikap mereka yang kurang senang dengan langkah kerajaan yang kasar itu dapat dilihat pada kehadiran beribu-ribu orang setiap hari ke muassasah. Mereka telah bersedia untuk menghadapi apa saja kemungkinan. Ramai di antara yang datang itu telah pun meninggalkan amanat terakhir kepada kaum keluarga. Seluruh jiwa dan tenaga diserahkan kepada Allah. Segala susah payah yang dilalui sepanjang berada di muassasah dihadapi dengan penuh keredhaan dan kesabaran.

Kehadiran ahli-ahli PAS yang ramai berserta dengan semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh mereka amat mencurigakan pihak tertentu. Umno melalui JKK-nya dan pihak KDN (Kementerian Dalam Negeri) melalui SB-nya sentiasa mundar mandir bersama ahli-ahli PAS yang beribu-ribu itu. Keadaan menjadi lebih gawat lagi apabila pihak kawalan pintu masuk mengetatkan syarat masuk. Setiap orang

yang hendak masuk perlu menunjukkan surat kebenaran dari PAS cawangan atau kawasan. Maka aduan dan fitnah pun mulalah dilakukan oleh pihak JKK dan SB (*Special Branch*). Sejak itu SB semakin ramai diturunkan, terutama yang berjanggut dan berserban, juga yang bermuni telekung. Tak cukup dari Kedah, dibawa dari Bukit Aman.

Antara aduan yang menakutkan SB, yang diterima daripada JKK Umno, ialah PAS menyimpan senjata seperti pedang dan bom tangan di bawah tapak muassasah. Mahu tak mahu pihak SB terpaksa menyiasat. Tapi sungguh menyulitkan. Mengapa tidak, kerana tapak muassasah itu bersimen. Nak dipecahkan lantai masjid, takut juga nanti kalau-kalau kepala mereka pula yang pecah. Setelah disiasat, barulah diketahui yang tapak lantai masjid itu telah bersimen sebelum berlakunya rampasan lagi, cuma tak diratakan sahaja.

Pada masa pihak polis terpaksa menunggu pihak muassasah menggali lubang tandas, pun demikian juga. Mereka dapat laporan mengatakan PAS hendak tanam senjata api. Maka terpaksa mereka tunggu berjam-jam lamanya, bagi memastikan bahawa tandas itu betul-betul tandas.

Tidak berapa lama selepas kejadian menunggu lubang tandas itu, sepasukan anggota polis tiba dan cuba hendak masuk ke dalam kawasan muassasah. Entah apa tujuan mereka tidaklah diketahui. Kemungkinan ada laporan palsu lagi. Tapi kali ini agak ramai juga kedatangan mereka. Sebuah trak kecil, dua buah Land Rover dan sebuah kereta pegawai. Pasukan ini diketuai oleh pegawai-pegawai kanan polis Kedah. Kebetulan waktu itu tak seorang pun pemimpin tinggi PAS ada di situ. Hanya majlis muzakarah ulamak saja yang sedang berjalan di dalam masjid muassasah. Beberapa orang pemimpin ulamak yang ada tak seorang pun melayan pihak polis, kerana itu bukan urusan mereka.

Pasukan polis yang datang itu tak dapat masuk ke dalam. Pintu pagar ditutup oleh pengawal keselamatan muassasah. Walaupun berbagai alasan diberi oleh pihak polis, namun seorang pengawal keselamatan yang tegas di situ tetap menghalang. Alasannya mudah dan logik sekali. Mereka terima

arahan dari pimpinan: Tak seorang pun boleh masuk kecuali dengan kebenaran, hatta polis sekalipun. Kalau nak masuk juga perlu minta kebenaran pada pimpinan yang berada di Pejabat PAS Alor Setar. Oleh kerana pihak polis berdegil hendak masuk juga, dan pengawal keselamatan pula tetap dengan keputusannya, maka berlakulah sedikit ketegangan antara mereka.

Pihak polis mulai tenang bila diberitahu yang Ustaz Fadhil Noor, Pesuruhjaya PAS Kedah sedang dalam perjalanan ke muassasah. Entah betul entah tidak, wallahua'lam. Terpaksalah pihak polis menunggu di luar kawasan muassasah hampir dua jam. Yang datang bukanlah Ustaz Fadhil, tapi Ustaz Halim Arshat, Setiausaha PAS Kedah. Pengawal pintu pagar tadi hanya membenarkan dua orang sahaja pegawai kanan polis masuk untuk berbincang dengan Ustaz Halim. Ustaz Halim pula ditemani oleh Setiausaha PAS kawasan Padang Terap, Ustaz Othman Marzuki.

Di peringkat awal perbincangan, kedengaran suara marah dan tengking pegawai polis kepada Ustaz Halim dan Ustaz Othman. Lama-kelamaan suara pegawai-pegawai polis tadi tenggelam timbul oleh kelantangan suara Ustaz Halim dan Ustaz Othman. Hampir setengah jam, perbincangan mereka selesai. Pasukan polis meninggalkan kawasan muassasah dengan penuh kehampaan. Hajat mereka untuk masuk ke muassasah berkecai. Agaknya bagaimanakah perasaan pihak polis waktu itu? Rasanya wajah keberanian pengawal pintu, kelantangan Ustaz Halim dan Ustaz Othman serta ketegasan mereka terbayang-bayang di mata polis.

Mulai peristiwa itu, SB diarah pula menyiasat latarbelakang pengawal pintu masuk ke muassasah. Hasilnya mereka mendapat tahu bahawa antara orang penting yang menguruskan kawalan itu ialah saudara Isyam bin Bakar. Dialah pengawal yang berani berdepan dan menghalang anggota polis ke muassasah tempoh hari. Selain itu terdapat juga beberapa orang lagi bekas tentera dan polis, termasuk juga Abd Wahab bin Othman. Yang menarik perhatian SB pula, selain daripada Isyam dan Wahab, ialah terdapatnya beberapa orang dari-

pada pergerakan Seni Silat Gayong.

Menteri Besar (MB) Kedah sebagai Penaung Silat Gayong Kedah terpaksa memanggil Penasihat Silat Gayong yang disegani untuk menyiasat hal ini. Terpaksalah Cikgu Majid Md Isa, guru silat gayong dari Gurun, membuat siasatan. Ternyata memang ada seorang dua daripada mereka dari anggota silat gayong. Ini pun hanyalah secara kebetulan sahaja, dan memang orang-orang ini dikenali oleh Cikgu Majid.

MB dan SB lebih cemas lagi bila Cikgu Majid mengakui ada anggota silat gayong di pintu kawalan masuk. Lebih menakutkan mereka bila Cikgu Majid menegaskan bahawa ahli-ahli gayong yang ada itu adalah terdiri daripada mereka yang tak takut selain daripada Allah. Memang itulah pun yang sering diamanatkan oleh jurulatih kepada ahli-ahli Seni Silat Gayong. Mendengar penjelasan Cikgu Majid itu, MB pun minta Cikgu Majid memujuk ahli-ahli gayong yang ada agar tidak membawa senjata; cukuplah dengan kawalan tangan kosong sahaja.

Berita pihak SB mengesyaki pengawal-pengawal pintu masuk muassasah terdiri daripada ahli-ahli silat gayong, sampai juga ke pengetahuan kawalan muassasah. Kemudian, kira-kira sebulan selepas kedatangan Cikgu Majid ke muassasah, petugas-petugas kawalan muassasah pun mengambil keputusan membentuk Pertubuhan Seni Silat Gayong secara rasmi. Boleh dikatakan hampir kesemua pemuda yang bertugas di pintu masuk kemudian melibatkan diri dalam latihan. Termasuklah juga saudara Isyam dan Wahab.

Keadaan ini menyebabkan kerja SB semakin bertambah. Mereka terpaksa pula menyiasat tujuan penubuhan silat itu. Tambahan pula banyak serban putih bertukar kepada serban hitam. Lebih memeranjatkan lagi ialah apabila satu demonstrasi silat gayong akan diadakan di tapak muassasah. Surat jemputan dan poster diedarkan ke seluruh cawangan PAS Padang Terap melalui Dewan Pemuda. Tentulah beribu-ribu orang akan hadir, dan ini tentulah amat membimbangkan pihak SB. Sekali lagi mereka terpaksa mendapatkan ker-

jasama dari Cikgu Majid, untuk membatalkan program itu. Tetapi mereka sudah terlambat dan tersalah langkah.

Sebenarnya Cikgu Majid telah mengetahui dan menyetujui program tersebut. Bukan itu saja, malah dialah yang akan merasmikan majlis itu, manakala pertunjukan seni silat pula akan dijayakan oleh anak-anak buahnya dari Gurun. Walaupun digesa agar dia membatalkan program itu atau dia jangan hadir ke majlis itu, namun Cikgu Majid tetap berdegil. Dengan tegas dia berkata bahawa seni silat bukanlah hak individu atau parti politik atau kerajaan, tapi adalah hak semua orang, asalkan Islam. Dan dia tetap akan pergi merasmikan majlis itu. Akhirnya pihak SB terpaksa akur dengan Cikgu Majid. Memang mereka kenal sikap Cikgu Majid yang tak gentar diugut.

Pada hari demonstrasi, Cikgu Majid yang berjanji hendak pergi sebuah kereta sahaja telah membuat keputusan lain. Dia pergi bersama dua buah kereta dan sebuah van; di samping membawa bersamanya Pak Lang Yusuf dari Jeniang serta Ustaz Lah dari Yan. Dalam ucapan-ucapan Cigu Majid dan Ustaz Lah, banyak mereka mengingatkan kerajaan agar berhati-hati dengan umat Islam. Antara lain kata Cikgu Majid, "Sarang tebuhan jangan diusik".

Pihak SB tentu lebih faham apakah maksud di sebalik ucapan itu. Selama ini mereka begitu yakin sepenuhnya yang Cikgu Majid dan anak-anak buahnya merupakan penyokong kuat kerajaan Umno. Tetapi sekarang apa dah jadi? Mereka mulai curiga dengan Cikgu Majid, lebih-lebih lagi bila anak Cikgu Majid pun mulai pandai lilit serban.

Setelah gagal mengugut Cikgu Majid, pihak SB mulai mengalihkan perhatian mereka kepada jurulatih silat gayong di muassasah. Kerana sikap degil jurulatih ini pun sama dengan Cikgu Majid juga, akhirnya mereka mengarahkan pihak berkenaan supaya merampas kembali "tauliah jurulatih" daripadanya, juga sebilah pedangnya yang tersangkut di dinding rumah. Dan akhirnya, tekanan demi tekanan yang diterima menyebabkan latihan terpaksa dihentikan secara beransur-ansur.

Ketika ini suasana di muassasah agak tenang sedikit. Saudara Isyam yang selalu dalam perhatian polis telah menghilangkan diri. Dia pergi bekerja sebagai pengawal keselamatan di Kuala Lumpur. Tujuannya ialah untuk menghimpun wang bagi menjelaskan semua hutang sahabat yang meminjamkan padanya untuk membayar denda dalam kesnya dulu. Kehilangannya menjadi tandatanya pada SB. Melalui talibarut mereka, mereka cuba merisik, tetapi gagal mendapatkan maklumat sebenar.

Selang beberapa bulan, saudara Isyam pulang dan ambil keputusan berhenti kerja. Sebabnya, masalah ibadat yang sentiasa terhalang oleh kerjanya. Dia menumpukan semula kepada kerja-kerja kampung seperti dulu. Mengambil upah membaiki atau membina rumah, di samping memasang wayar elektrik jika ada tempahan.



Puan Aisyah H. Husein, ibu Abu Syahid Ibrahim Mahmad (11/2) bersama-sama anak-anaknya

“Kejadian yang berlaku pada pagi 18 November 1985 itu mengorbankan nyawa 14 orang awam dan 4 anggota polis...”



Aisyah Hasnah Ibrahim

Wajah-wajah Anak Memali CEKAL DAN TABAH

Peristiwa Memali adalah tragedi paling hitam yang berlaku di negara kita sepanjang dekad 80-an.

Kejadian yang berlaku pada pagi 18 November 1985 itu mengorbankan nyawa 14 orang awam dan 4 anggota polis. Ramai lagi yang hilang krusipaan akibat serangan tersebut. Ada juga mangsa yang meninggal dunia kemudiannya.

Ekoran daripada kejadian tersebut, ramai di kalangan penduduk kampung tersebut ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Mereka kemudiannya dibebaskan secara berperingkat-peringkat.

Peristiwa Memali benar-benar menggugutkan negara. Perdebatan antara parti pembangkang (PAS) dengan pihak

kerajaan berkenaan dengan tragedi malam ini berlangsung berbulan-bulan lamanya.

Iai meletakkan kerajaan dalam keadaan terdesak. Seluruh institusi dan media massa digunakan untuk menjustifikasikan keterlanjuran tindakan kerajaan itu.

Daripada keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan hinggalah pembentangan Kertas Putih di Parlimen, fokus yang dibuat hanya berkisar kepada kejadian yang berlaku dengan melupakan sama sekali nasib daripada peristiwa tersebut.

Tidak ada satu kesystaan pun dibuat tentang nasib 14 orang isteri dan anak-anak yang kehilangan tempat bergantung akibat daripada peristiwa tersebut.

Sehingga sekarang, Majlis Agama Islam

Kedah tidak berbuat apa-apa untuk membela nasib janda-janda dan anak-anak yatim di Memali. Kerajaan juga sepatutnya prihatin dengan penderitaan semua bala dan anak-anak mereka yang terkorban. Rata-rata mereka yang kehilangan suami hidup di bawah paras kemiskinan. Dengan

36 Muslimah/Mei 1990

pendapatan kurang \$150.00 sebulan, mereka terpaksa menyara 6 orang atau lebih anak-anak.

Ada antara bahu yang terpaksa menumpang hidup ibu bapa mereka yang telah tua dan sur.

Muslimah sempat bertemu dan menasihati sebahagian anak-anak dan bala mangsa tragedi Memali bertujuan meninjau perjalanan hidup dan oleh kerana temubual itu dibuat menjelang hari raya, mereka juga menyentuh hal tersebut.

Seorang anak tragedi Memali yang sempat ditemui ialah Maslina Maaruf, 14. Anak yatim ini belajar dalam tingkatan satu di Madrasah Islahiah.

"Malanya saya bersekolah di Sek. Keb. Siang. Emak memindahkan saya ke sini apabila saya berada dalam darjah empat. Seronok belajar di Madrasah ini kerana suasana pembelajarannya memuaskan," kata Maslina.

Gadis suati yang bercita-cita untuk menjadi seorang pendidik ini adalah anak keempat daripada lima orang adik beradik terdiri daripada dua lelaki dan tiga perempuan.

Dua antara saudara kandungnya telah meninggal dunia kerana masalah dua lagi sudah bekerja.

"Emak menyara hidup dengan memerah getah. Setelah kematian ayah, emaklah yang bekerja untuk menanggung kehidupan kami sekeluarga. Kami kadangkala menghadapi masalah kewangan," jelasnya.

Beliau merasa sedih kerana terpaksa menyambut hari raya tanpa ayah. "Sudah lima tahun ayah meninggal dunia," katanya.

Pernapasan menyambut Hari Raya bagi Maslina adalah sederhana sahaja. "Saya berya dengan emak dan keluarga di kampung. Emak membeli sepasang baju baru untuk saya," tambahnya.

Maslina turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat hari raya

kepada semua rakan-rakan, kaum keluarga dan seluruh umat Islam.

Nirwah Hasina Ibrahim, 11, adalah anak ketiga Allahyarham Ustaz Ibrahim Mahmood. Adik Niewah Hasina sekarang menuntut di dalam darjah 5, di Madrasah Islahiah Dinnyayah.

Menurutnya, tiga daripada lima orang adik beradik (termasuk dirinya) bersekolah di Madrasah Islahiah. Sejak kematian ayahnya, ibu merkalah yang menanggung sara hidup mereka sekeluarga.

"Saya mempunyai dua abang. Seorang belajar di sebuah sekolah agama di Alor Setar dan seorang lagi menuntut di Pakis-

Utaz Ibrahim Mahmood.

Murid darjah 4 ini bercita-cita untuk menjadi seorang ustaz.

Untuk menyambut 'Aidil Fitri, adik Shafira mendapat dua helai baju baru yang dibelikan oleh bapa saudaranya.

Kerika ditanya tentang perasaannya untuk menyambut Hari Raya tanpa ayah, beliau hanya mendiamkan diri. Wajahnya yang nampak gembira tiba-tiba saja bertukar menjadi surung.

Bagaimanapun beliau tetap merasa seronok menyambut Syawal dan berya dengan demak di kampung.

Adik Mohd. Nakha'ei Zamri, 12, bersekolah di Madrasah Islahiah Dinnyayah dalam darjah 4.

"Tok Wan yang mengbantar saya ke sini," katanya.

Anak yatim ini tinggal bersama ibunya di Kg. Charok Punch, Baling. Beliau adalah anak keempat daripada tujuh orang adik beradik.

Mohd. Nakha'ei bercita-cita untuk menjadi seorang ustaz. "Seronok belajar di sini kerana ramai kawankawan," katanya.

Menurut beliau, sara hidup keluarga ditanggung oleh datuknya yang menjalankan kerja-kerja kampung.

Pada hari raya tahun ini, keluarganya telah membelikan dua pasang baju baru. "Saya berya dengan ibu di kampung. Sudah lima tahun saya menyambut hari raya tanpa ayah," katanya.

Adik Mohd. Khairul Rozali, 10, bercita-cita untuk menjadi seorang atir. Katanya, beliau seronok bersekolah di Madrasah Islahiah Dinnyayah kerana mempunyai ramai teman persekolahan.

Anak kedua daripada tiga orang adik beradik ini menuntut di dalam darjah satu. "Saya berya dengan Tok Wan di kampung. Tok Wan belikan sepasang baju raya untuk saya. Seronok berya dengan keluarga di kampung," ujarnya.

Anak yatim ini hanya mendiamkan diri



Shafira Razali



Mohd. Nakha'ei Zamri

tan," kata Nirwah.

Gadis kecil yang pernah ini bercita-cita untuk menjadi seorang ustazah. Menyentuh tentang persiapan menyambut Hari Raya, Nirwah berkata, ibunya telah membelikannya sepasang baju baru untuk dipakai di pagi raya.

"Saya berya dengan emak dan keluarga di kampung. Sudah lima tahun kami berya tanpa ayah," kata Nirwah dengan terharu.

Adik Shafira Rozali, 12, tinggal bersama datuknya di Kampung Bechah Sewa, Baling. Ayahnya adalah salah seorang pendakwah kampung yang terkorban dalam peristiwa Memali.

Shafira adalah anak ketiga daripada tiga orang adik beradik. Beliau bersekolah di Madrasah Islahiah Dinnyayah, Memali. Madrasah tersebut adalah sekolah agama perendirian yang diasaskan oleh Asy Syahid

Kerajaan tidak pernah menghulurkan bantuan kepada kakak dan anak-anak ... malahan barang kemas kepunyaan kakak dan wang berjumlah \$20,000.00 (dua puluh ribu ringgit) hasil derma orang ramai untuk Madrasah Ibtidaiyah masih belum dikembalikan oleh pihak berkuasa sehingga sekarang...



Mohd. Khairul Razali

seabila ditanya bagaimanakah perasaannya bila menyambut hari raya tanpa ayah. Buaya tidak lagi tinggal bersama kerana masalah ekonomi. Kesedihan yang terbesut dari wajahnya akan menyentuh perasaan siapa saja yang melihat.

Puan Saicha Hj. Husein, 38, ialah bali kepada Allahyarham Ustaz Ibrahim Mahmud, seorang aktivis PAS yang terbunuh dalam peristiwa berdarah di Mersah.

Setelah kematian suami, beliau meneruskan kewajipan memelihara lima orang anaknya di Kampung Charok Puteh, Belang.

Anak sulungnya, Mohd. Idris, 14, sudah

dua tahun melanjutkan pelajarannya di Pakistan. Seorang lagi anak lelakiinya bersekolah di Maahad Tahfiz, Derga, Alor Setar.

Kini tiga lagi anak beliau, seorang lelaki dan dua orang perempuan, belajar di Madrasah Ibtidaiyah.

"Kakak menanggung anak-anak dengan hasil getah. Kebun getah peninggalan orang tua kakak tidak membekalkan cukup morang perkeja. Hasil daripada penjualan getah itu dibahagi dua. Porsi pendapatan yang kakak dapat adalah \$15.00 untuk tiga hari," katanya.

Menurut Puan Saicha, beliau mempunyai dua keluarga angkat yang menetap di Kuala Lumpur. "Keluarganya angkat kakak tersebut menyumbangkan \$20.00 sebulan untuk membantu perbelanjaan keluarga. Bagaimanapun semenjak bulan November tahun lalu, kakak telah terputus hubungan dengan mereka," kebahu.

Apabila ditanya tentang cara beliau menara persekolahan kelima-lima orang anaknya, Puan Saicha berkata, pentadbiran Madrasah Ibtidaiyah tidak mengenakan apa-apa bayaran kepada ketiga-tiga anaknya yang belajar di situ.

Perbelanjaan persekolahan anaknya yang belajar di Derga dibantu oleh Ustaz Yuzid Jaafar daripada Kg. Bharu, Kuala Lumpur.

"Kakak tidak menghantar morak belajar di sekolah kerajaan kerana tidak yakin dengan perjalanannya," jelas beliau.

Bila ditanya tentang usaha kerajaan untuk membantu keluarganya sekeluarga, Puan Saicha berkata, "Kerajaan tidak pernah menghulurkan bantuan kepada kakak



Pu. Siti Aiyah Ahmad

dan anak-anak malahan banyak barang-barang dan perkakas rumah dirampas semasa peristiwa Mersah.

"Barang kemas kepunyaan kakak dan wang berjumlah \$20,000.00 (dua puluh ribu ringgit) hasil derma orang ramai untuk Madrasah Ibtidaiyah masih belum dikembalikan oleh pihak berkuasa sehingga sekarang," kata beliau.

Menurut Puan Saicha lagi, gran tanah dan surat beranak anak-anaknya yang diambil secara paksa turut tidak dikembalikan. "Ini menyedihkan kakak untuk berurusan surat-menyurat apabila salinan gran tanah dan surat beranak tersebut diperlukan," tambah beliau.

Bagaimanapun beliau bersyukur ke hadirat Allah kerana tidak ada kemiskinan kerana besar bidadai olehnya sekeluarga sepanjang lima tahun kematian suami.

Ketika ditanya tentang perasaannya menyumbat 'Aidil Fitri tanpa suami beliau berkata, "5, ah untuk kakak terangkan perasaan yang kakak alami. Hanya Allah sahaja yang akan mengerti."

Menyentuh tentang harapannya kepada anak-anak, beliau berkata, marilah kelima-lima anaknya nanti bekerja untuk jameah dan Islam selaras tamat pengajian khal.

Ketika mengingati arwah suaminya, beliau menjelaskan bahawa Allahyarham Ustaz Ibrahim adalah seorang suami yang



"Sejak kematian ayah, anak-anak yang dapat bekerja untuk menanggung kami semakin kurang. Kami kadang-kadang menghadapi masalah kewangan" - Marlene

baik dan begitu mengambil berat tentang keluarga.

"Suami kakak amat menitikberatkan masalah pelajaran anak-anaknya," tambah Marlene lagi.

Puan Salcha juga tidak lupa untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Dewan Pemuda PAS Kedah atas sumbangan mereka kepada keluarganya sempena hari raya 'Aidil Fitri.

Seorang lagi ibu mangsa Peristiwa Memali yang ditemui ialah Puan Siti Aishah Ahmad, 38.

Setelah kehilangan suami yang dikasibanya, Puan Siti Aishah meneruskan

kehidupan bersama lima orang anaknya di Kampung Memali.

Anak kelahiran Kampung Tawar, Kuala Ketil ini telah dimaklukkan dengan Allah-yarham suaminya, anak jati Kampung Memali semasa berumur 13 tahun. Kini dua daripada lima orang anak beliau telah mendirikan rumah tangga.

"Dua orang anak kakak masih menuntut di Madrasah lebih-lebih manakala seorang lagi sudah pun bekerja," jelasnya.

Utak menyara kehidupannya sekeluarga, Puan Siti Aishah mengambil upah menoreh getah. Pendapatananya setelah dibahagi dua adalah \$1.50 sehari

"Majlis Agama Islam Kedah tidak berbuat apa-apa untuk membela nasib janda-janda dan anak-anak yatim di Memali. Kerajaan juga sepatutnya prihatin dengan penderitaan semua balu dan anak-anak mereka yang terkorban..."

"Perbelanjaan sehari-hari memanglah tak cukup tetapi pandai-pandailah berbelanja," katanya lagi.

Menurut beliau, PAS ada juga memberi sumbangan kepadatnya terutama ketika hampir Syawal. "Tahun ini kakak mendapat sumbangan berjumlah \$110.00 daripada PAS Kedah," katanya lagi.

Beliau juga mempunyai keluarga angkat di Kuala Lumpur yang yang memberi sumbangan \$50.00 sebulan. Bagaimanapun sejak bulan November lepas, hubungan beliau dengan keluarga angkatnya terputus.

"Syukur Alhamdulillah, tiada masalah-masalah besar dihadapi oleh kakak untuk membesarkan anak-anak. Pihak madrasah juga tidak mengenakan apa-apa yuran peraktikan kepada kedua-dua anak kakak yang belajar di sini," tambahnya.

Menurutnya ketiadaan dan kesabaran perlu ada bagi menghadapi Syawal tanpa adanya suami. "Kakak menganggap apa yang berlaku sebagai takdir," kata Puan Aishah.

Beliau juga memasihati para muslimat agar berbermat ketika berbelanja dan tidak membazir dalam persiapan menyambut hari raya.

Puan Siti Aishah juga mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya 'Aidil Fitri kepada seluruh kaum muslimin.

■

Muslimah/Mei 1990 39

Oleh
JOHARI JAAFAR DAN TARMIZI MOHD JAM

PADA 10 Januari tahun lalu, jam 2.00 pagi, bekas Setiausaha PAS Kawasan Parit, Haji Mohd. Rus Jauhar telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Pada ketika yang sama, Ketua Dewan Pemuda PAS Kawasan Parit, Saudara Shahrul Fuadi Zulkifli turut ditahan.


Sekelua kemudian, pada 11 Februari, jam 2.00 pagi, Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kawasan Parit, Saudara Shamsul Bohri Shari pula ditahan.

Ketiga-tiga mereka adalah di antara empat aktivis PAS yang ditahan di Parit dalam satu operasi yang dikatakan bernama "Operasi Kenari".

Aktivis keempat yang ditahan ialah Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kawasan Parit, Saudara Shamsul Kamal Jambhari.

Haji Mohd. Rus Jauhar adalah seorang doktor homeopathy dan beliau mempunyai klinik homeopathy. Di antara aktiviti beliau ialah menjadi Pengerusi Pusat Azahan Tunas Islam (PASTI) Beta Kanan, Haji Mohd. Rus sudah berkeluarga dengan sembilan orang anak. Enamnya bernama Puan Amy Che Lah dan anak-anaknya ialah Izzah, 19 tahun yang bersekolah di IPS Kampar, Salakohat, 18 tahun, Anisa Zakiah, 17 tahun, Aila Wa'iffa, 11 tahun, Mohd. Akmal, 9 tahun, Nur Huda, 7 tahun, Dinaq Ahrul Ika, 5 tahun, Hana Balqis, 3 tahun, Syiqah, 7 tahun.

Sementara isteri Shamsul Bohri Shari ialah Puan Manan; Mohamed dan anak-anaknya bernama Aimi Zanika, 5 tahun dan Siti Rahail, 3 tahun. Isteri



Rumah dan klinik kepada Dr. H. Mohd. Rus Jauhar ditampas, petak-petaknya yang datang mula bertukangan.



Dr. H. Mohd. Rus Jauhar

Shahrul Fuadi Zulkifli adalah Puan Noraini Tajuddin dan anaknya bernama Saifuddin, 2 tahun dan Taqyddin, 1 tahun. Shamsul Kamal Jambhari pula masih bujang.

Sementara narah kerti, Puan Amy Che Lah memberitahu, Dewan Muslimat PAS Pasut ada mengumpul sedikit bantuan kewangan dan begitu juga PAS Kawasan Parit.

Beliau berharap agar isteri-isteri tahanan ISA di daerah ini tidak dipisahkan dari jenayah dan menziarahi mereka selagi.

Sementara itu, keluarga-keluarga mangsa ISA negeri Ke-

dah telah menyampaikan ucapan terima kasih kepada Dewan Muslimat PAS Pasut kerana mengumpul derma untuk mereka tidak lama dahulu.

Dewan Muslimat PAS Pasut telah menyedekahkan sebanyak \$4,900 dari wang tabungannya bagi meringankan bebanan 31 keluarga tahanan ISA di negeri Perak dan Kedah.

Dari negeri Perak, seramai 17 keluarga telah menerima sumbangan derma sementara di Kedah, seramai 14 keluarga telah menerimanya.

Dewan Pemuda PAS Kedah juga mengumpul sumbangan ber-

MENZIARAH MELUARGA MANGSA ISA



Dua orang anak Shahrul Fuadi, iaitu Salwatin (kiri) 2 tahun, dan Tahyuddin (kanan) 1 tahun. Mereka menjadi mangsa kesiluman ISA.

berkat makanan dan wang tunai.

Mereka yang menerima sumbangan ini adalah keluarga kepada mangsa ISA yang masih ditahan di kem-kem tahanan dan juga keluarga kepada mereka yang kena ukatray kawasan (uang daerah).

PAS pada 10 Disember lalu

telah mengemukakan kenyataan menuntut 21 orang ahlinya yang kini ditahan di bawah ISA supaya dibebaskan.

Kenyataan yang disampaikan oleh Ketua Pengerusi PAS Pasut, Haji Subky Latiff na dikemukakan sempena Hari Hak Asasi Manusia Sedunia.

Guru di bawah ISA dibuang kerja

Kuala Lumpur: Sebelum Menteri Pendidikan menyertai kabinet penguatkuasaan ISA sudah dirasakan cukup zalim. Menteri itu sendiri menanggung pengalaman pahit itu selama 18 bulan kira-kira 15 tahun lalu.

Menjelang hari Datuk Suhaimi Kamaruddin hendak ditewaskan dari Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, seorang tokoh penting ABIM ketika itu mengeluarkan kenyataan mengapa ISA ditenang. Antara lain beliau mengatakan sebabnya kerana ia akta tersebut menahan orang tanpa bicara.

Kini orang yang ditahan dibawah ISA dikatakan tidak seramai dulu tetapi tekanan dan penindasan ISA yang ada kian menyiksa.

Tiga orang guru yang merengkok di Kem Tahanan Kemunting kini dibuang kerja oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan kerana tindakan disiplin. Mereka dikenakan tindakan

kerana tidak datang mengajar.

Seorang dari guru itu dari Cemur, Perak tinggal empat tahun lagi hendak pencen. Dua orang lagi guru muda yang terlibat adalah dari Parit.

Ketiga-tiga guru tersebut yang dalam keadaan terkurung sudah tidak lagi dapat memberi nafkah kepada keluarga.

Bukan mereka ponteng dari sekolah, tetapi mereka tidak dapat ke sekolah kerana dikurung di bawah ISA.

Belum pernah sebelum ini ISA mengakibatkan penamatan perkhidmatan kakitangan kerajaan yang ditahan.

Di bawah menteri-menteri pendidikan sebelum ini, ramai juga guru-guru kena ISA, tetapi gaji mereka berjalan terus.

Tetapi tahanan ISA sekarang, bukan sekadar dikurung tanpa bicara, kerja pula kena buang.

SENARAI NAMA-NAMA TAHANAN ISA OPERASI KENARI

1. Isyam Bakar
2. Mansor Hj Hassan
3. Abdul Wahab Othman
4. Yusuf Ariffin
5. Mohd Sabri Hj Hussein
6. Abdul Wahab Abdullah
7. Abu Bakar Ibrahim
8. Hj Sanusi Hj Salleh
9. Ahmad Che Nik
10. Salim Md Akhir
11. Othman Hj Yatim
12. Izham Md Dali
13. Shariff Saad
14. Sidek Noor
15. Shamsul Bahrin Shaari
16. Sharul Fuaddi Zulkifli
17. Rus Jaafar
18. Abdul Aziz Abdul Hamid
19. Hj Mustar Hasumi
20. Abdul Majid Ismail
21. Abdullah Simun
22. Musa Othman
23. Cik Yop Ismail
24. Zahari Ramli
25. Jaafar Khamis
26. Awang Jelaji
27. Bakri Othman
28. Ahmad Awang
29. Abdullah Harun
30. Shamsul Kamal Hj Jamhari
31. Jaafar Ros

Bebaskan mereka!

Harakah dalam beberapa keluaran terdahulu telah menyiarkan buta buta peribadi sebahagian ahli PAS yang ditahan di bawah ISA. Untuk menyegarkan kembali ingatan para pembaca terhadap nasib keluarga para tahanan, di sini dipentaskan sebahagian daripada butiran peribadi mereka yang sebelum sempat diutuskan.

1) **Umar Abu Bakar Ibrahim**, 49 ditahan dibawah ISA pada bulan Oktober 1988. Beliau adalah imam pengajar di Pondok Lanai, Pagar Panjang, Baling. Istrinya, Puan Zabidah Haji Hassan, 38 mengendahkan kelas tajwid dan al Qur'an dengan pendapatan kira-kira \$250.00 sebulan.

Sebelum penahanan suaminya, Puan Zabidah terpaksa menyara tujuh orang anaknya iaitu Aisyah, 17; Abdul Rukh, 16; Salehah, 14; Fanziah, 12; Napiahah, 10; Mohd Ali, 5 dan Habibah, 3. Lima daripada anak-anak beliau masih mautan.

Puan Zabidah merya kerajinan agar segera membebaskan suami beliau. Beliau juga kesusel kerana sehingga kini

pihak berwajib tidak pernah memaklumkan sebah-sebah penahanan suaminya.

2) **Puan Tanjung Saman**, 34 daripada Kampung Baru, Tealok Kuala Nering adalah isteri kepada seorang mangsa tabanan ISA, Saadara Ahmad Che Nik, 45. Suaminya adalah imam Masjid Tealok dan guru kelas khas al Qur'an/Tajwid. Di tahun pada Oktober 1988 sewaktu pulang dari mengajar jemaah ibn ussadaraya.

Sejak suaminya ditahan, Puan Tanjung dan enam orang anaknya Mohd. Tajudin, 13; Mohd Rahman, 10; Siti Nuraini, 8; Mohd Mahyudin, 4; Siti Masrah, 3 dan Sakina, setahun diurus oleh bapanya, Enkik Saman yang telah umur.

Tiga daripada enam anak beliau bersekolah. Puan Tanjung dan bapanya merya paha kerajinan agar segera membebaskan suaminya dengan segera.

3) **Saudara Shariff Saad**, 30 dari Kampung Sungai Daran, Pokok Sena, Kedah ditahan di bawah ISA pada bulan Januari



Enkik Mansur Hj Hassan



Abdul Wahab Abdullah



Saudara Shariff Saad



Enkik عثمان Md Yusoff



Umar Ahmad Che Nik

1989. Beliau mempunyai seorang isteri Puan Saadiah Rahman, 25 dan seorang anak, Norhajiah, 11 bulan.

Puan Saadiah bekerja sebagai pembantu guru di Pondok Lanai, Pagar Panjang, Baling. Pendapatan yang diperolehi adalah \$80.00 sebulan.

Pihak polis telah pernah menghubungi untuk memaklumkan sebah-sebah suami beliau ditahan. Suaminya kini ditahan di Penjara Alor Setar.

Puan Saadiah merya agar suaminya diwariskan segera atas dibebaskan tanpa syarat.

4) **Abdul Wahab Abdullah**, 38 daripada Kampung Nawa, Pokok Sena, Kedah ditahan di bawah ISA pada Oktober 1988. Beliau masih bujang dan tinggal bersama bapanya, Abdullah Lebai Mat, 70. Bapanya diakhiankan bahawa Abdul Wahab ditahan kerana terlibat dalam mampasan tanah Muntazah Daul Ulu.

Enkik Abdullah Lebai Mat merya kerajinan agar membebaskan anaknya. "Kerajinan perlu berlaku add terutama kepada mereka yang tal : bersalah," katanya.

5) **Puan Norhayati Ismail**, 30 daripada Kuala Pagar, Baling adalah isteri kepada عثمان Md Yatim, 40, seorang tabanan ISA. Saudara عثمان ditahan pada Januari 1989 ketika menghantar anak-anaknya ke sekolah.

Sepanjang suami beliau berada dalam tabanan, ara halap Puan Norhayati dan keluarga ditanggung oleh bapa mertuanya. Beliau mempunyai lima orang anak iaitu Abd Syukur, 10; Mohd Saleh, 8; Ramiah, 5; Rahmah, 5 (saudara kembar Ramiah) dan Mohd Sabri, 4. Dua orang anak Puan Norhayati telah bersekolah.

Menurut beliau, pihak polis

tidak menjelaskan sebah-sebah penahanan suaminya sehingga kini. Seluruh keluarga Saudara عثمان merya kerajinan agar membebaskan beliau dengan segera jika tidak ada bukti yang boleh memahat kearahannya.

PERISTIWA KEBAKARAN DI SIK

TIDAK berapa lama selepas kepulangan saudara Isyam dari Kuala Lumpur, berlaku kebakaran di Pusat Peranginan Sik, Kedah. Beberapa bangunan asrama pelatih dan bengkel KEDA musnah dalam kebakaran itu. Mulanya pihak polis mengesyaki kejadian itu sebagai perbuatan sabotaj dari kumpulan Umno B (sekarang Semangat 46), yang cuba menggagalkan sambutan SEMARAK di situ. Entah mengapa, kemudiannya syak mereka beralih pula kepada golongan fanatik agama, khususnya kepada rencana dari PAS. Mereka memikirkan kemungkinan ahli-ahli PAS cuba membalas dendam kerana kerajaan Kedah merampas tanah muassasah.

Nampaknya pihak SB lebih tertarik dengan syak yang kedua, iaitu rencana membalas dendam dari PAS. Maka fokus utama mereka pun ditujukan kepada kawasan muassasah. Isyam dan Wahab menjadi sasaran utama, bukan saja kerana mereka terlibat dalam silat gayong, tetapi juga kerana kes lama mereka berdua hampir sama. Seperti yang diduga, akhirnya Wahab telah ditahan oleh polis untuk siasatan. Mulanya tak ada siapa pun yang tahu sebab-sebab penahanannya. Pada hari kedua penahanannya, rumah ibu bapanya dan rumah ibu bapa isterinya digeledah oleh pihak polis. Segala pakaian buruk dan kasut kerja ladang serta tin-tin kosong dibawa ke balai.

Ketika mereka menggeledah di rumah mertuanya, bapa

isterinya tak ada di rumah. Sepulang saja dari menoreh, dia dapati rumahnya ada kesan digeledah. Setelah mendapat tahu bahawa itu kerja pihak polis, petangnya dia pergi ke balai polis untuk mendapatkan kepastian. Di samping hendak mengetahui sebab-sebab menantunya ditahan, dia juga menegur sikap rakus pihak polis yang menggeledah rumahnya tanpa izin. Dari penjelasan pihak polis akhirnya taulah dia bahawa menantunya disyaki terlibat dengan kebakaran di Sik. Alasan mereka cuma: ada orang yang melihat dia beberapa hari sebelum kejadian itu.

Pada hari keenam dia ditahan, beberapa orang teman sesilat gayongnya menemui Cikgu Majid meminta dia campur tangan. Cikgu Majid berjanji dia akan menemui pihak polis untuk mengetahui hal sebenar. Kebetulan pula Wahab ditahan di balai polis Gurun. Alhamdulillah, pada hari kelapan dia pun dibebaskan.

Dia menceritakan yang pihak polis telah cuba membatikan dia dengan kebakaran itu. Tetapi mereka tak ada bukti yang jelas. Untuk memudahkan kerja pihak polis agaknya, dia dipaksa mengaku saja yang dia melakukan kerja itu, dan juga mengaku yang dia diarahkan oleh pimpinan PAS.

Rupa-rupanya matlamat mereka di samping hendak membuktikan kewibawaan pihak polis dalam membanteras jenayah, ialah cuba mengaitkan politik PAS. Mungkin jika Wahab mengakui yang dia diarah oleh pimpinan PAS, maka senanglah bagi mereka memberkas pimpinan PAS Kedah, serta melambatkan penyerahan tanah muassasah. Tapi sebagai manusia yang beriman, Wahab tidak sanggup menurut kehendak mereka. Hinggakan dia berkata pada mereka: "Kalau direbus dalam air panas sekalipun, saya tak akan mengaku". Oleh kerana kecewa dengan keimanan Wahab, pihak polis akhirnya telah menyiksanya sebelum dia dibebaskan. Bekas-bekas lebam dan bengkak pada badannya menjadi bukti.

Beberapa hari selepas perhimpunan Semarak anjuran Dr Mahathir di kawasan itu, pihak polis mendakwa menjumpai cebisan akhbar *Harakah* di kawasan kebakaran. Tertulis di situ antara lainnya ialah nama pengerusi cawangan PAS

Kampung Bukit Nambua, Kuala Nerang, beserta dengan tanda tangannya sekali. Seterusnya, ustaz yang menjadi pengerusi cawangan tersebut dipanggil ke balai polis untuk disoal siasat. Beberapa jam baru selesai soal siasat mereka. Dan sebelum dibenarkan pulang, mereka mengingatkan ustaz itu agar sanggup bekerjasama, kerana mereka akan panggil dia sekali lagi.

Seperti yang dijanjikan, hampir sebulan selepas itu sekali lagi ustaz tersebut dipanggil polis. Kali ini dia ditahan selama empat hari. Alasannya ialah kerana mereka menemui cebisan kertas tadi di kawasan peranginan tersebut. Mereka minta ustaz itu mengaku saja, supaya kononnya mereka boleh membantu meringankan hukuman ke atasnya kalau bersabit kesalahannya kelak. Bagaimanapun, ustaz tak mahu mengikut arahan mereka.

Ustaz itu sendiri pun berasa pelik. Memang itu adalah tulisannya. Tapi bagaimanakah tulisan itu boleh sampai kepada pihak polis? Biasanya akhbar *Harakah* yang diedar untuk cawangannya hanya terdapat di masjid kampung itu saja. Ini bermakna sudah ada talibarut dalam kampungnya sendiri.

Seperti dengan Wahab dulu juga, pihak polis akhirnya terpaksa mengugut ustaz tersebut agar mahu bekerjasama dengan mereka. Oleh kerana dia tetap berdegil tak mahu menurut perintah pihak polis, maka dia disebut berkali-kali dengan rantai basikal pada telapak kakinya. (Semoga Allah menguatkan iman beliau hingga seterusnya).

Demikianlah di antara beberapa perkara penting sebelum berlakunya peristiwa "Operasi Kenari 88". Bermakna setiap perkembangan dari Peristiwa Memali, isu Muassasah Darul-'ulum hingga kepada kebakaran di Sik itu bukan sahaja mencabar keimanan orang-orang PAS, malah membuktikan bahawa pihak polis tak pernah tinggal diam dengan sebarang program dan aktiviti jemaah PAS. Walaupun pada zahirnya mereka mengatakan bahawa masalah Asy-Syahid Ustaz Ibrahim Libya telah dapat diselesaikan, namun hati mereka sendiri tidak pernah yakin dengan kenyataan mereka itu.

Pihak polis juga mengerti bahawa prinsip perjuangan,

ideologi dan tarbiah Asy-Syahid itu hanya akan pupus bersama pupusnya kehidupan mereka yang berkenaan. Sesungguhnya Peristiwa Memali cukup untuk memberi pengajaran kepada semua pihak, khususnya pihak polis. Mereka sudah serik untuk menghadapi peristiwa yang seperti itu lagi. Biarlah peristiwa hitam itu hilang terus dari kamus sejarah kebangkitan Islam. Andainya peristiwa ngeri itu berulang lagi, maka akan bertambah luas dan besarlah pula risikonya nanti.

Kalau pengaruh Ustaz Ibrahim Libya seorang sahaja di kampung yang kecil di daerah pendalaman itu pun pihak polis terpaksa membawa kereta perisai, bagaimana pula nanti hendak menghadapi peristiwa yang lebih besar daripada itu? Akan berlakukah nanti kebangkitan umat Islam seperti di Palestin, di Lebanon, di Sudan, di Filipina, di India dan sebagainya? Atau setidaknya-tidaknya akan munculkah kesedaran pelajar seperti yang berlaku di China, di Korea Selatan, di Burma, di Selatan Thailand dan sebagainya?

Bayangkanlah keadaan polis ketika itu! Tentulah amat dahsyat sekali. Oleh itu, sebelum keadaan gawat dan menakutkan itu berlaku, maka mata dan telinga SB tak boleh dihindari dari jemaah PAS. Tumpuan yang penuh dan bernafsu mesti diberi kepada setiap program dan apa saja majlis yang dianjurkan oleh PAS. Orang-orang yang dicurigai boleh menyedarkan umat atau yang terlalu simpati dan sanggup apa saja untuk Islam, akan diawasi.

Justeru itu pejuang-pejuang berani seperti saudara Isyam dan Wahab yang secara terbuka menyatakan simpati mereka kepada keluarga syuhada Memali, pasti akan menjadi sasaran utama. Terutamanya apabila mereka melibatkan diri secara langsung, malah berperanan penting, dalam kawalan muasasah. Lebih membimbangkan lagi apabila kupiah atau serban putih bertukar menjadi hitam. Maklumlah, kerana ulamak dalam SB juga tahu yang warna hitam itu adalah pakaian nabi ketika keluar berperang. Ditambah pula dengan keadaan mereka yang tenggelam timbul. Ke mana mereka pergi, dan

untuk apa muncul semula, kemudian hilang lagi?

Maka dengan itu, daripada menyusah dan memeningkan kepala SB, eloklah orang-orang ini dikurung saja dalam penjara. Dengan itu kerja pun semakin ringan, masalah juga selesai. Tapi... nak mengurung seseorang bukan senang. Mesti ada sebab dan alasan yang jelas. Kalau tidak, pihak keluarga dan individu berkenaan dapat bertindak melalui undang-undang. Salah langkah, dapur tak berasap, rokok tak berapi. Yang penting orang-orang ini mesti dikurung. Jadi, bagaimana? Suka tak suka, oleh kerana berkuasa, sebab dan alasan boleh dicipta.

Untuk itu sebab yang logik dan boleh mempengaruhi masyarakat perlulah diwujudkan. Satu perencanaan yang teliti dan halus perlu dicipta, agar suara-suara takbir yang menggerunkan tidak berkumandang di udara. Biar nanti suara takbir itu ditenggelami dengan bisik-bisik marah kepada yang ditangkap, bukan kepada yang menangkap; kerana yang ditangkaplah yang biasanya bersalah, manakala yang menangkap pula sekadar menjalankan tugas untuk menjaga ketenteraman awam.

Berdasarkan fakta inilah maka satu perancangan yang cukup teliti dan amat halus diukir oleh pihak KDN, melalui tukang ukirnya, iaitu SB. Dan mereka menamakan ukiran mereka itu dengan satu nama yang indah lagi amat manawan hati, iaitu "OPERASI KENARI 88". Akhirnya melalui operasi jerangkap ini, terperangkaplah di situ Isyam, terperangkaplah di situ Wahab, terjeratlah di situ teman-teman dan tuan-tuan guru mereka.

Selanjutnya apakah yang berlaku kepada mereka? Apakah mereka akan menjadi mujahid yang lemah setelah terkurung, atau sebaliknya menambahkan kekuatan iman yang luar biasa kepada mereka? Hanya mereka saja yang dapat menjawabnya. Soalnya sekarang bagaimana pula dengan kita?



Perlaksanaan Akta Keselamatan D
BUKTI BN GUNA CAR

Menyempit Saluran air dan Paksi kemudian beradu di belakang tangganya dan akan memukul para nelayan jika dengan menyempit dan beradu menimbulkan angin kencang karena tenaga angin akan terkumpul.

Berikut daftar hasil pengumuman pemenang dan final dari kompetisi ini: Juara I: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan; Juara II: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan; Juara III: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan; Juara IV: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan; Juara V: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan; Juara VI: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan; Juara VII: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan; Juara VIII: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan; Juara IX: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan; Juara X: Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) Medan.

12.4. Berapakah nama setiap negara di sekitar satu underground yang sangat kecil. (1.4 markah) Berapakah jumlah negara yang ada di sekitar? (1.4 markah) Berapakah jumlah negara yang ada di sekitar? (1.4 markah)

Begitu juga, kata-kata, dan perilaku lainnya yang merupakan bentuk bahasa yang terdapat di media massa yang mengandung nilai-nilai yang dapat menimbulkan dampak negatif terhadap masyarakat, baik secara langsung maupun tidak langsung, yang dapat merusak dan mengganggu proses pembangunan bangsa dan negara.

partis diaduaiah dua golongan itu sendiri.
"Kita sebagai golongan Muslim akan
harus tetap berpegang dan memperjuangkan
kegaya-gaya kepada Allah dan
kepada manusia."

Salah satu upaya tersebut adalah dengan cara belajar di luar ruangan atau belajar outdoor yang akan membantu siswa untuk memahami konsep-konsep yang diajarkan. Pembelajaran yang berbasis lingkungan ini dapat membantu siswa untuk memahami konsep-konsep yang diajarkan dengan lebih baik. Selain itu, pembelajaran berbasis lingkungan juga dapat membantu siswa untuk memahami konsep-konsep yang diajarkan dengan lebih baik.

BEBASKAN TAHANAN

Senarai nama mangsa tahanan ISA yang sedang dizalimi di Kemunting

[illegible]

Wanda very beautiful woman from

Name	Animal	Color
Maria F. de la Cruz	White	Yellow
Little Juan	Black	Red



PAS bantu keluarga mangsa ISA

Peserta konferensi berharap
ke Timor dapat digunakan
sebagai lokasi penghapusan
kematian. Mereka yang
tidak diizinkan akan ber-
jalan-jalan ke lapangan
untuk menyaksikan aksi
memorialisasi.

Representasi secara
ringkas dari suatu sistem
dinamis dan analisis per-
ilaku dari suatu sistem
dikembangkan dengan
menggunakan bahasa
yang dapat membantu
dalam proses belajar

Bagaimanapun, say
berusaha mengungkap
berbagai. Dengan Formula
R&D Pusat (R&D Pusat) dan
per. Berbagai Dengan
Formula R&D Pusat dan ka
dan juga mengenai daya
usaha berwujud dengan

Amnongan DIT Pust.
D. Mula Kaya Diklat.
D. Mula Kaya Diklat.

Salah satu hasil dari kunjungan ini adalah bahwa banyak orang yang tertarik dengan kegiatan ini. Banyak orang yang datang ke lokasi ini untuk melihat kegiatan ini. Banyak orang yang datang ke lokasi ini untuk melihat kegiatan ini.

[illegible]

Apakah maksud "bertindak atas maklumat" dalam kenyataan tersebut? Adakah pihak polis mendapat maklumat ketika mereka mula meninggalkan Perak dengan membawa senjata api, atau sewaktu tiba di kampung Isyam mengambil senjata api, ataupun singgah di muassasah mengambil senjata api? Kalau mereka membawa senjata api bermula dari Perak, kenapa dibiarkan mereka bebas bersama senjata dalam jangka waktu yang terlalu lama? Sekiranya maklumat didapati sewaktu Isyam tiba di kampungnya di Kuala Nerang, kenapa pula sekatan jalan diadakan di hadapan Balai Polis Poko Sena yang jaraknya 14 km dari Kuala Nerang? Padahal jalan menuju ke rumah Isyam terpaksa melalui sebelah pagar kawasan Balai Polis Kuala Nerang. Jika maklumat itu diperolehi sewaktu mereka singgah di muassasah, kenapa tak seorang pun teman dari muassasah yang dipanggil atau kawasan muassasah digeledah? Sebaliknya rumah Mansor yang hampir 15 km itu pula yang digeledah dan Mansor ditahan bersama yang lainnya. Maka maksud "bertindak atas maklumat" tidak jelas. Adakah maklumat mengatakan Isyam dan temannya membawa senjata api atau maklumat mengatakan Isyam pulang ke kampungnya pada hari itu

Sebenarnya pada malam kejadian itu ada beberapa orang yang melihat kereta peronda polis menunggu di kawasan luar muassasah. Lebih kurang 100 meter dari pintu pagar masuk ke muassasah. Oleh kerana kawasan muassasah berada dalam kawasan kawalan pihak polis Pokok Sena, dan kereta peronda polis itu pula dari Balai Polis Kuala Nerang, besar kemungkinan pihak polis telah mengetahui yang Isyam pulang ke kampungnya di Kuala Nerang. Maka pihak polis Kuala Nerang yang telah sekian lama merindui kepulangan Isyam itu terpaksa mengawasi Isyam, tetapi terganggu kerana mereka masuk ke muassasah. Dan mereka cuma berkesempatan memotong kereta Isyam sewaktu kereta itu diperlahankan untuk membelok ke jalan Pekan Naka, untuk menuju ke Memali.

Kenyataan kedua:

23 DITAHAN BAWAH ISA

KUALA LUMPUR 16 Nov. - Polis menahan 23 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Kedah dan Perak berikutan kebakaran beberapa buah bangunan di kawasan berhampiran tapak pelancaran SEMARAK Negeri Kedah di Taman Perangin, Sik pada 5 Jun lalu.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jaafar Abdul berkata, polis juga merampas enam pucuk pistol dan sejumlah besar peluru berbagai jenis, tiga butir bom tangan dan beberapa bahan letupan serta alat-alat membuat jerangkap samar.

Mereka yang ditahan sejak 14 Oktober hingga 10 November lalu berumur antara 25 hingga 62 tahun, 11 dari mereka adalah dari Kedah dan 12 orang lagi dari Perak di mana 10 dari mereka tinggal di Rancangan Felcra Lekir, Sitiawan.

Dalam kebakaran tersebut, tiga buah bangunan musnah iaitu asrama perempuan Pusat Latihan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) yang sedang dalam pembinaan dan dua buah calet Majlis Daerah Sik untuk dijadikan gerai pe-

niaga kecil di luar pagar pusat latihan berkenaan.

Asrama lelaki di Kompleks Latihan KEDA itu dan sebuah bangunan untuk pensyarah rosak kira-kira 40 peratus dan sebuah lagi calet terbakar sedikit. Kompleks yang mempunyai lima bangunan itu sepatutnya siap pada Jun atau Julai dan dijangka mula digunakan awal tahun depan.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Tan Sri Jaafar berkata, berikutan kebakaran itu polis menjalankan siasatan rapi dan telah menangkap 23 orang di bawah ISA serta merampas pistol, peluru, bom tangan dan bahan letupan.

"Siasatan lanjut sedang diteruskan bagi menentukan bentuk tindakan yang akan diambil ke atas orang-orang yang telah ditangkap dan ini termasuklah mendakwa mereka dalam mahkamah," katanya lagi.

Mereka yang ditahan ialah Isham Bakar, 29, dari Kampung Baharu, Kuala Nerang, Mansor Hassan, 40, dari Kampung Kuala Kejai, Kuala Nerang, Wahab Othman, 28, Kampung Bukit Nambua, Kuala Nerang, Yusof Ariffin, 25, Batu 13, Jalan Naka, Pokok Sena; Mohd Sabri Haji Hussein, 28, Kampung Pong Utara, Kuala Nerang, Ali Ismail Taha, 38, Kampung Paya Terendam, Sik, Abdul Wahab Abdullah @ Wahab Nawa, 35, Kampung Nawa, Pokok Sena, Abu Bakar Ibrahim, 47, Pondok Lanai, Parit Panjang, Baling; Haji Saad Taha, 62, Batu 10, Jalan Gurun, Jeniang, Haji Sanusi Haji Salleh, 47, Kampung Masjid Kubang Jelai, Pendang, Ahmad Che Nik, 44 dari Kampung Baru Tualak, Kuala Nerang; Ahmad Awang, 37, Bakri Othman, 35, Awang Jelaji @ Awang Lekir, 44, Zahari Ramli, 33, Musa Othman, 34, Majid Ismail, 34, Che Yup Ismail, 34, Mustar Hasumi, 35, Abdullah Semon, 34 dan Mohd Ali Lebai Ahmad, 38, kesemua mereka dari Rancangan Felcra Lekir, Sitiawan; Abdullah Harun, 41, dari Kampung Padang Jeneris, Selarung, Pengkalan Hulu dan Husain Ahmad, 38, dari Teluk Gadung, Pangkur.

Kebakaran tersebut berlaku pada awal pagi dan disedari oleh penduduk Kampung Caruk Kit, Perangin kira-kira pukul 1.25 pagi yang membuat aduan kepada pihak bomba. Ke-

bakaran hanya dapat dipadamkan pada pukul 7 pagi.

Jumlah kerugian dianggarkan \$500,000.

Dari kenyataan di atas menunjukkan 'Operasi Kenari' berjalan selama 28 hari. Dalam jangkamasa itu seramai 28 orang ditahan; yang bermakna kira-kira seorang ditahan pada setiap hari. Seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jaafar Abdul, bahawa penahanan mereka adalah bersabit dengan kejadian kebakaran di Sik. Antara mereka yang ditahan termasuklah Isyam bin Bakar, Mansor bin Hj Hassan, Ahmad bin Awang dan Bakri bin Othman. Siapakah sebenarnya mereka ini? Ya, merekalah yang ditahan berhubung dengan senjata api di Pokok Sena pada 14 Oktober 1988.

Sesuatu yang menjadi tandatanya ialah: Bagaimanakah kes mereka tiba-tiba dikaitkan dengan kejadian kebakaran di Sik? Pada hal kedua-dua kes itu mempunyai perbezaan yang nyata dari segi kesalahan dan hukuman. Mungkinkah pihak polis mengambil jalan mudah, iaitu dengan tertahannya Isyam maka sebahagian besar rakan-rakan karibnya ditahan serentak dan diisytiharkan bahawa mereka terlibat dalam kes kebakaran di Sik? Tuduhan ke atas mereka yang pertama, iaitu memiliki senjata api, tiba-tiba sahaja hilang. Kenapa tidak diisytiharkan saja mereka itu semuanya ditahan berhubung dengan kesalahan memiliki senjata api? Bukankah itu lebih logik? Rakyat mungkin lebih percaya kalau mereka dikatakan ada hubungan dengan senjata api, kerana terdapatnya dakwaan terjumpanya pistol, peluru, bom tangan, bahan letupan dan jerangkap samar bersama mereka. Kalau begini, kita percaya seandainya Isyam tidak ditahan, maka tak adalah tangkapan berhubung dengan kebakaran di Sik, sehingga hari ini.

Memanglah sesuatu yang aneh apabila kes senjata api dan kebakaran dikenakan hukuman yang sama, iaitu di bawah ISA. Semua orang tahu bahawa kesalahan memiliki senjata api hukumannya lebih berat daripada kesalahan membakar. Apakah pihak polis sengaja hendak meringankan hukuman

ke atas Isyam dengan tidak mengaitkannya dengan kesalahan senjata api, tapi dibawa kepada kes kebakaran di Sik saja? Dengan itu besar kemungkinan mereka hanya akan dipenjarakan sahaja tanpa menerima hukuman yang lebih berat, iaitu hukuman mati. Kalau begitulah alasan mereka, memang pihak polis cukup bertimbang rasa. Tetapi timbul persoalan baru: Dari mana pula datangnya lain-lain senjata, sedangkan asalnya hanya lima pucuk pistol sahaja dirampas?

Apakah hubungan sebenarnya bahan-bahan tadi dengan kebakaran di Sik? Tentulah rakyat ingin tahu dan tertanya-tanya: dari manakah bahan-bahan itu diambil? Kenapa ianya disimpan? Siapa lagi yang terlibat dengan senjata api, dan lain-lain lagi. Terlalu banyak pertanyaan yang perlu dipersoalkan. Yang paling penting, kenapa rahsia-rahsia yang menarik ini tidak didedahkan oleh pihak KDN? Tidak ada pula Kertas Putih yang dikeluarkan berhubung dengan kes ini.

Kerana kes ini agak unik dan amat menarik, tentulah akan laris akhbar-akhbar yang memuatkan berita mengenainya. Juga akan penuh ruang mahkamah dengan pemerhati, jika ia dibicarakan. Tetapi rakyat menjadi hampa untuk mengetahuinya, dan yang lebih kecewa adalah mereka yang ditahan itu, kerana tidak berpeluang membela diri.

Oleh kerana kes yang begini berat dan menarik perhatian disepikan seribu bahasa, kita merasakan ada rahsia yang tersembunyi di sebalik rahsia, ada hantu di sebalik jembalang, atau ada taring di sebalik gigi.

Tan Sri Jaafar Abdul menegaskan pihaknya akan membuat siasatan lanjut untuk menentukan tindakan, termasuklah mendakwa mereka ke mahkamah. Kini telah lebih setahun kes itu berlalu. Selepas kenyataan Tan Sri Jaafar pada 17 Nov. 88 itu, boleh dikatakan tak ada sebarang kenyataan lagi. Apakah hasil dari siasatan polis sehingga begitu lama? Mereka yang ditahan itu pula tidak dibawa ke mahkamah sebagaimana yang dijanjikan. Kenapa?

Apakah yang telah berlaku dan sedang berlaku hingga ke saat ini ke atas mereka yang ditahan itu? Tanpa melalui mahkamah, mereka terpaksa merengkok dalam penjara.

Undang-undang manakah yang digunakan? Hukuman apakah yang sedang dilalui oleh saudara-saudara kita itu? Adakah sesuai untuk kita mengakui yang pihak polis di negara kita ini 'Berkhidmat Secara Profesional' sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh mereka?

Kenyataan Tan Sri Jaafar Abdul juga menyatakan bahawa operasi sehingga 10 November 1988 itu berakhir dengan tertahannya seramai 23 orang. Sejauh manakah benarnya pengakuan Tan Sri itu? Apakah tiada lagi tangkapan selepas tarikh itu, dan jumlah yang ditahan tak bertambah? Kemungkinan di samping Tan Sri Jaafar, tentulah Megat Junid juga tahu jawapannya. Yang tak tahu dan terlalu ingin tahu hanyalah rakyat. Jika jawapannya ada tangkapan selepas tarikh itu, kita ingin tahu kenapa tidak ada berita mengenainya yang disiarkan? Kalau jawapannya tidak ada tangkapan lagi, maka kita terlebih pula untuk bertanya.

Kita cuma ingin tahu, kemanakah hilangnya sepuluh orang daripada mereka yang ditahan itu, selepas dari tarikh 10.11.88 hinggalah ke hari ini - 1990. Mungkin tak ramai yang mengenali kalau disebutkan nama mereka di sini. Namun seorang darinya mungkin ramai yang kenal, khususnya di kalangan pemuda-pemuda PAS di utara, terutama di negeri Perak. Seluruh ahli PAS Perak tentu tahu siapakah sebenarnya Ustaz Sidiq Nor, dari Lumut Perak. Bukankah ustaz ini hilang dari mata orang ramai dan ahli keluarganya sewaktu beliau masih memegang jawatan Ketua Pemuda PAS Negeri Perak? Begitu juga ahli-ahli PAS di Bota, Perak, tentu hairan dengan kehilangan seorang doktor homeopathy dan seorang guru di tempat mereka.

Khabarnya mereka sekarang sedang berehat di Kem Kemunting. Menurut keluarga yang menziarahi mereka, orang-orang ini ditahan kerana tuduhan terbabit dengan kebakaran di Sik juga. Yang hairannya, bila pula mereka ditahan, dan berapa ramai lagi?

Kehilangan mereka yang diculik oleh pihak polis, kemudian ditahan dalam Kem Kemunting berhubung kebakaran di Sik itu, membuktikan selepas dari tarikh 10.11.88 itu masih

ada lagi tangkapan dalam 'Operasi Kenari'. Walaupun berita tangkapan mereka tidak dihebohkan, berita tentangnya tetap diketahui. Paling tidak oleh ahli keluarga mereka yang terlibat. Pada bulan Disember 1988 saja ada beberapa orang dari Kedah dan Perak ditahan. Paling ramai ialah pada 10.01.89, dimana seramai 12 orang telah ditahan. Lima orang di Kedah dan tujuh lagi di Perak. Awal Mac 1989, beberapa orang dari mereka telah dibebaskan dengan bersyarat. Antara syaratnya ialah tak boleh aktif dalam politik dan ditegah meninggalkan rumah di waktu malam.

Jadi, keseluruhan yang ditahan dari tarikh 14.10.88 hingga Januari 1989 ialah 45 orang, di Kedah dan Perak. Sebelum April 1989, dua belas orang telah dibebaskan, dan bakinya masih ada lagi 33 orang. Pada bulan September 1989 dua orang lagi dibebaskan, iaitu Haji Saad Taha, 62 tahun, dari Jeniang, Kedah, dan Ali Ismail Taha, 38 tahun, dari Paya Terendam, Sik, Kedah. Jadi, hingga hari ini masih ada 31 orang lagi dalam tahanan.

Pada pertengahan April 1989 (Ramadhan 1409), hampir 40 orang lagi, dari Kedah saja, dipanggil ke balai polis untuk disoal siasat. Bagaimanapun, tak ada yang ditahan lebih daripada lima jam. Motif soal siasat itu adalah juga berkaitan dengan kebakaran di Sik, dan mereka diminta memberi kerjasama untuk mengesan seseorang yang dikehendaki oleh pihak polis. Ini menunjukkan bahawa yang terlibat dalam kes kebakaran di Sik itu amatlah ramai. Jika dihitungkan jumlahnya dari yang masih ditahan, yang telah dibebaskan dan yang hanya dipanggil untuk soal siasat, hampir seratus orang.

Pada kita, jumlah begitu amatlah besar, dan boleh memberi kekuatan yang luar biasa jika bersatu. Sebaliknya apabila jumlah sebegitu ramai dituduh terlibat dalam satu kes kebakaran bangunan yang hanya boleh dilakukan oleh dua orang saja, ia jadi terlalu sukar untuk diyakini. Kalaulah 31 orang yang masih ditahan itu saja pergi membakar, sekurang-kurangnya mereka terpaksa menyewa sebuah bas. Kalau dengan kereta biasa sekurang-kurangnya bersama enam buah, dan kalau bermotosikal pula tak kurang dari enam belas buah

yang perlu digunakan. Rasanya tuan hakim di zaman 'Hikayat 1001 Malam' pun sukar untuk mempercayainya, apatah lagi hakim dari didikan Tun Salleh Abas!

Wajah Isteri-isteri Dan Anak-anak Yang Dizalimi





































SIAPAKAH YANG MENCIPTA FITNAH?

DARI mula perancangan Operasi Kenari lagi tentulah pihak polis telah memikirkan kesan negatif yang akan timbul hasil daripada tindakan mereka. Mungkin akan timbul kemarahan dan suara-suara tak puas hati di kalangan rakyat. Terutamanya dalam suasana bahang kepanasan peristiwa berdarah di Lubuk Merbau, Peristiwa Memali dan isu muassasah yang masih membara. Untuk mententeramkan suasana, pihak perancang perlu meyakinkan semua orang bahawa semua yang ditahan itu adalah benar-benar bersalah di segi undang-undang negara. Sesiapa pun tak boleh menafikan lagi kesalahan mereka. Apatah lagi untuk membantu dan membela mereka yang ditahan itu.

Sungguhpun orang-orang yang akan ditahan nanti bukanlah orang-orang terkenal seperti tahanan-tahanan dalam Operasi Lalang dulu, namun memandangkan mereka adalah ahli serta penyokong kuat parti PAS, langkah berhati-hati amatlah perlu. Bimbang akan berlaku kemarahan dan tentangan dari pihak PAS, alasan yang lojik lagi tepat perlulah ada. Semoga jemaah PAS dapat menerima dengan senang hati alasan penangkapan itu. Dari anggapan inilah mungkin pihak polis memilih alasan penangkapan berhubung dengan 'senjata api' itu sebagai yang paling tepat.

Seluruh rakyat Malaysia, sama ada yang berpolitik atau tidak berpolitik, telah mahir dengan hukuman ke atas kesalahan berhubung dengan senjata api di Malaysia. Hukuman yang pasti akan dilalui oleh pemilik benda itu secara ti-

dak berlesen adalah menggerunkan. Bukan saja ianya bersalah dari segi undang-undang negara, tapi termaktub juga dalam apa saja pertubuhan bahawa perlembagaannya melarang ahli-ahli daripada melakukan kesalahan yang berkenaan. Ini termasuklah parti PAS yang didaftar secara sah. Jadi, PAS tak akan bertanggungjawab pada ahlinya yang melakukan kesalahan dari segi undang-undang negara.

Akhirnya kesempatan dari undang-undang ini telah digunakan dengan begitu baik oleh pihak polis. Sebab itulah apabila diisytiharkan bahawa penangkapan pada 14.10.88 itu berhubung dengan senjata api, semua orang membisu. Paling banyak yang kedengaran dari mulut orang ramai adalah meletakkan kesalahan pada mereka yang ditahan itu. Sehingga ada ahli PAS yang merasa amat malu dengan perbuatan mereka yang ditahan itu. Berbagai kecaman dan andaian telah dibuat ke atas mereka. Maka gembiralah pihak polis. Perangkap dari strategi mereka telah berhasil.

Tapi suasana yang menimpa ahli-ahli PAS itu tidaklah kekal lama, kerana tindakan polis menahan seorang demi seorang dalam masa yang singkat saja itu, membuatkan keraguan mulai timbul. Lebih-lebih lagi pimpinan PAS yang sudah cukup peka dengan taktik polis yang sedemikian ini.

Pada 17 November 1988, suatu kenyataan dari Timbalan Yang Dipertua PAS ketika itu, Ustaz Fadzil Noor, telah disiarkan oleh akhbar *Utusan Malaysia*, seperti berikut:

AHLI-AHLI PAS DI ANTARA YANG DITAHAN — FADZIL NOOR

ALUR SETAR 16 Nov. – Timbalan Yang Dipertua PAS, Haji Fadzil Noor berkata, sebahagian dari orang yang ditangkap di Negeri Kedah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) mungkin ahli-ahli parti itu.

Katanya, dua orang imam yang turut ditahan, Haji Sanusi Salleh, 47, dari Kampung Masjid, Kubang Jelai, Pendang dan Ahmad Che Nik, 44, merupakan ahli Jawatankuasa PAS Bahagian Padang Terap.

Haji Fadzil yang juga Pesuruhjaya PAS Kedah ketika dihubungi di rumahnya petang ini berkata, beliau yakin kegiatan yang dilakukan oleh mereka tidak ada kaitan dengan parti.

"Kita tidak akan bertanggungjawab jika ada ahli-ahli yang bertindak di luar perlembagaan parti dan undang-undang negara," tegasnya.

Menurutnya, pihaknya akan mengenalpasti sama ada lain-lain yang ditahan itu anggota parti PAS.

"Buat masa ini, PAS tidak dapat memastikan lagi apakah motif sebenar penahanan itu.

"Sekiranya penahanan itu bermotifkan politik, kita memohon pihak polis atau kerajaan memberikan alasan-alasannya," katanya.

Beliau menambah: "Kemungkinan di antara mereka yang ditahan itu adalah mangsa fitnah."

Menurut Haji Fadzil, beliau mendapat tahu mengenai penahanan ahli-ahli PAS itu melalui keluarga mereka yang ditahan.

Kenyataan berani dan tegas dari Ustaz Fadzil Noor yang ketika itu sebagai Timbalan Yang diPertua PAS, telah membuka mata ahli-ahli PAS. Secara tak langsung ia membimbangkan pihak polis, kerana ahli-ahli PAS mungkin mengalihkan perbualan mencari kesalahan pihak polis. Disamping mengakui bahawa antara yang ditahan adalah ahli PAS, Ustaz Fadhil juga dapat merasai kemungkinan yang di antara mereka itu ada yang telah menjadi mangsa fitnah.

FITNAH! Fitnah apa dan dari siapa?

SEPERTI Ustaz Fadzil, kita juga meragui, betulkah tahanan-tahanan itu bersalah atau mereka difitnahkan saja terlibat dengan senjata api, serta membakar bangunan di Sik. Kalau mereka menjadi mangsa fitnah, siapakah atau pihak manakah yang membuat fitnah itu? Apakah pihak polis boleh membuat fitnah?

Setiap orang tertanya-tanya, bagaimanakah kes ini meli-

batkan tahanan yang begitu ramai dan juga bagaimana pihak polis begitu cepat mengesan mereka yang terlibat? Seolah-olah pihak berkenaan itu telah mempunyai senarai nama yang lengkap. Anehnya orang-orang yang ditahan itu adalah teman-teman paling dekat dan rapat dengan Isyam di Kedah dan rakan-rakan karib Ahmad Awang di Perak. Hampir semua jawatankuasa PAS cawangan Felcra Lekir ditahan. Adakah mereka yang ditahan itu yang mendedahkan nama rakan-rakan kepada pihak polis, atau pihak polis sengaja memasang serkap jarang? Atau bagaimana?

Segala pertanyaan ini bermain-main bukan saja di bibir ahli-ahli PAS Kedah dan Perak, malah di seluruh negara. Mereka ingin tahu hal yang sebenarnya. Dalam suasana keraguan dan tak puas hati yang mula kedengaran di kalangan ahli-ahli PAS itu, pihak polis terpaksa berusaha menyelamatkan diri. Melalui orang-orang tertentu dari kalangan ahli PAS sendiri, pihak polis dipercayai mungkin telah mencipta fitnah. Dengan adanya fitnah itu, maka ahli-ahli PAS mula mengalihkan perhatian mereka ke arah fitnah yang baru dicipta itu. Dengan itu dapatlah anggota polis berkenaan itu tidur nyenyak untuk seketika, bertemukan mimpi-mimpi lambaian Memali.

Perancangan yang teliti dan halus itu telah membawa ahli-ahli PAS terlena dalam perangkap. Bertambah kuat lagi keyakinan ahli-ahli PAS bila yang membawa berita itu datanganya dari kalangan mereka sendiri. Melalui orang-orang ini juga, pihak polis mendedahkan bagaimana mereka dapat mengesan begitu ramai orang dalam masa yang amat singkat. Mereka menyatakan yang mereka memperoleh maklumat dari orang dalam. Maksudnya ada di kalangan tahanan sendiri yang bekerjasama dengan polis.

Siapakah ahli PAS yang dimaksudkan oleh pihak polis itu? Beliau bukan saja rakan karib kepada Isyam atau Mansor dan lain-lain yang ditahan, malah memang dikenali ramai oleh ahli-ahli PAS daerah Padang Terap. Sewaktu peristiwa rampasan muassasah, beliau adalah antara yang dipertanggungjawabkan dalam kawalan keselamatan. Sebab itulah

apabila dihebohkan berita bahawa Ketua Pemuda Kawasan Padang Terap (sessi 1987/89) menjadi hantu polis atau SB, ramai yang sukar mempercayainya. Tapi banyak alasan yang diberikan untuk menyakinkan mereka supaya mempercayai fitnah itu. Dalam hal ini, ahli-ahli PAS yang berkenaan itu tak seharusnya dipersalahkan.

Ada beberapa alasan kuat yang boleh menyakinkan mereka. Pertamanya, kenapa beliau dengan tiba-tiba saja menghilangkan diri? Ke mana dia pergi tidak jelas, walaupun dia ada memberitahu untuk menunaikan ibadat haji. Setelah sekian lama jemaah haji pulang, beliau masih belum kelihatan. Ahli keluarganya sendiri tidak tahu dengan tepat ke mana dia pergi. Ada pula desas-desus mengatakan ada orang yang biasa bertemu dengannya di Perak. Selain dari itu, dipersoalkan juga kenapa kes tangkapan ini berlaku selepas saja kehilangannya.

Berlandaskan alasan utama yang boleh mengukuhkan keyakinan itu, serta lain-lain alasan sampingan sesuai dengan perancangan pihak polis, maka berhaklah ahli-ahli PAS mempercayainya. Bagaimanapun, ingin juga diketahui mengapa ketua pemuda itu yang menjadi mangsa fitnah? Mestilah ada sesuatu di sebalik fitnah itu.

Adalah dipercayai bahawa antara peranan penting pihak SB sekarang adalah berusaha untuk mematahkan tunas-tunas baru dalam jemaah PAS. Di mana saja terdapat bakal pimpinan PAS yang mempunyai pengaruh dan kewibawaan, khususnya di kalangan ahli-ahli Pemuda, akan diawasi.

Berpegang kepada prinsip inilah mengapa berlakunya tahanan dalam Operasi Kenari dan seterusnya berlaku fitnah yang berat terhadap Ketua Pemuda Kawasan Padang Terap itu. Selain itu pihak polis juga memerlukan beliau untuk soal siasat berhubung dengan kes kebakaran di Sik. Cuma selama ini mereka tidak dapat mengesan di mana beliau berada. Ada yang kata dia berada di Mekah, ada yang kata dia berada di Pakistan dan tak kurang juga yang mengatakan dia berada di bumi Afghanistan, selain berada di Malaysia. Jadi bila difitnahkan mengatakan yang dia itu seorang SB, maka bukan

saja diharapkan bidang politiknya akan malap, tetapi yang pentingnya ialah bila dia ditahan nanti tak akan ada orang yang akan bersimpati dengannya. Mungkin ahli PAS akan mengatakan itu hanyalah helah saja, padahal dia tidak dipenjarakan, sebaliknya berada di Bukit Aman dengan mendapat ganjaran yang lumayan, umpamanya menjalani kursus perisikan dalam bidang politik, dan sebagainya.

Pihak polis Kedah (Balai Kuala Nerang) mulai sedar akan kemunculannya semula bila tamat saja Muktamar PAS di Taman Melewar, Kuala Lumpur, pada bulan April 1989. Mengapa beliau hadir dalam muktamar itu tak siapa yang tahu, tetapi bagaimana pihak polis dari Kuala Nerang, Kedah, mengetahui kehadiranannya di muktamar itu adalah satu hal yang agak penting. Adakah pihak polis Kuala Nerang menghantar SB mereka ke sana?

Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga. Memang bangkai gajah tak dapat ditutup dengan nyiru. Begitulah apa yang terjadi kepada perancangan fitnah. Dan demikianlah betapa lemahnya perancangan manusia yang ingin mengatasi perancangan Allah. Pihak polis hanya dapat tahu dia hadir di muktamar, tapi di mana dia tinggal? Untuk mendapat maklumat itu pihak polis memanggil semua teman-teman rapatnya dari Pokok Sena dan juga Kuala Nerang. Lebih dari 30 orang telah dipanggil untuk soal siasat. Mereka disoal siasat di Balai Polis Pokok Sena dan Kuala Nerang, selama antara dua hingga lima jam.

Berbagai soalan putar belit yang dikemukakan. Bermula dari Peristiwa Memali, rampasan muassasah, kebakaran di Sik, sebab menubuhkan kumpulan seni silat gayong hinggalah kepada syahid atau tidaknya Ustaz Ibrahim Libya dan berbagai lagi. Walau sejauh dan sebanyak mana mereka mengajukan soalan, satu soalan yang tidak dilupakan ialah: di mana bekas ketua pemuda mereka. "Jika tahu berilah kerjasama kepada pihak polis. Kalau tak mahu bekerjasama, kemungkinan kami akan..." (terlalu banyak ugutan yang tak payahlah disebutkan di sini). Bagaimanapun, ugutan yang paling lembut ialah bila mereka mengatakan: "Mahu atau

tidak kami hantar untuk membuat diploma selama dua tahun di Kem Kemunting."

Setelah berpuluh orang ini disoal siasat, pihak polis masih gagal mendapatkan maklumat. Tak seorang pun tahu di mana beliau tinggal; jadi bagaimanakah mereka hendak membuat pengakuan? Sejak itu barulah ramai yang sedar bahawa bekas ketua pemuda itu berada di Malaysia. Menurut pihak polis, mereka tahu dia ada di Kuala Lumpur. Bukan setakat itu saja, malah mereka juga menerangkan yang beliau sekarang memakai baju batik, berkaca mata hitam, tak berjanggut lagi dan rambutnya pendek. Tujuan pihak polis mendedahkan tentang perubahan diri beliau hanyalah untuk memerangkap rakan-rakan yang disoal siasat itu. Tapi tak berhasil.

Dalam usaha mereka memutarbelitkan soalan untuk memerangkap rakan-rakan tadi, akhirnya pihak polis sendiri yang terperangkap. Antara contoh dialog pihak polis (SB) dengan salah seorang rakan (R) yang disoal siasat adalah seperti berikut:

SB: *Awak tahukah di mana Ketua Pemuda Padang Terap pergi?*

R: Ya, saya dengar dia sekarang duduk di Kuala Lumpur.

SB: *Di Kuala Lumpur! Apa nama tempat dia duduk?*

R: Yang saya tahu dia duduk di Bukit Aman, dia bekerja dengan polis, jadi SB.

SB: *Haah! Siapa cakap dia jadi SB* (dengan suara menengking marah).

R: Tak tahulah. Saya dengar semua orang kata macam tu.

Melalui dialog ringkas itu nampaknya pihak polis tersalah langkah. Terbukalah pekung di dada mereka selama ini. Hasil soal siasat itu tak menguntungkan mereka sama sekali, sebaliknya ia memberi pandangan baru kepada ahli-ahli PAS Padang Terap. Ternyata pada ahli-ahli PAS yang tuduhan bahawa ketua pemuda mereka dulu sebagai SB itu fitnah semata-mata. Kalau dia SB, kenapa pihak polis terpaksa memanggil rakan-rakannya semata-mata untuk mencari maklumat berkenaan diri beliau?

MUJAHIDIN MALAYSIA

MUJAHIDIN - demikianlah nama yang diberikan oleh pihak polis kepada tahanan-tahanan dalam Operasi Kenari. Samalah seperti yang berlaku sepuluh tahun lalu, di mana ketika tertahannya bekas ADUN Pokok Sena ketika itu, Ustaz Othman Marzuki. Dia dituduh terlibat dengan pertubuhan sulit yang bernama P.A.S. (Pertubuhan Sabilullah). Malangnya walaupun pihak polis waktu itu mengakui ramai yang terlibat, tetapi hanya Ustaz Othman seorang saja yang ditahan, di Kem Kemunting, selama dua tahun. Kenapa seorang saja yang ditahan?

Hal yang sama juga berlaku semasa Operasi Lalang. Saudara Zainuddin Abdullah dan Omar Khalid dituduh terlibat dengan pertubuhan yang dinamakan "Jundullah", di Kelantan. Pihak berkuasa telah mendedahkan semua aktiviti mereka yang paling sulit, satu persatu. Seolah-olah SB adalah salah seorang dari ahli jawatankuasa pertubuhan itu. Yang menghairankan pula, setelah butir-butir lengkap ada dan orang-orang yang terlibat pun ramai, kenapa seorang dua saja yang ditahan? Sebaliknya dalam Operasi Kenari ini, yang alasannya masih samar hingga ke hari ini, orang yang menjadi mangsa tahanan lebih daripada tiga puluh orang.

Dari tiga kes ini, P.A.S., Jundullah dan Mujahidin seperti yang digelar oleh polis itu, mestilah pertubuhan Mujahidin yang lebih istimewa dari yang dua lagi. Bukan saja alasan mereka ini terlibat dengan kebakaran di Sik dan senjata api, malah jumlah tangkapan yang ramai dari dua buah negeri

yang berjiran. Sayangnya pihak polis tak berani secara terbuka menuduh yang mereka ini dari kumpulan yang bernama Mujahidin. Jadi tak ramailah rakyat yang tahu, kecuali orang-orang berkenaan yang telah dibebaskan dari tahanan, atau yang dipanggil untuk disoal siasat serta orang-orang pilihan SB yang menjadi perantaraan mereka. Mungkin mereka takut hendak mendedahkannya kepada umum kerana bimbang ramai yang akan tertarik dan bersimpati.

Atau mungkin juga mereka sendiri tidak berani hendak menyebut nama itu kerana perkataan 'Mujahidin' itu amat digeruni oleh golongan-golongan tertentu yang cuba hendak menghalang kebangkitan umat Islam. Musuh Islam kini bimbang dengan kekuatan golongan 'Mujahidin' yang telah popular ke seluruh dunia. Barangkali itu adalah antara hasil daripada kemenangan jihad yang dibuktikan oleh perjuangan Mujahidin di bumi Afghanistan. Boleh jadi pihak kerajaan Malaysia juga turut diserapi oleh kebimbangan seperti itu.

Kebimbangan dan kecurigaan pihak polis inilah sebenarnya, pada pandangan saya, yang telah membuatkan Operasi Kenari menjadi lebih istimewa daripada dua kes yang terdahulu.

Kekuatan jihad yang ditunjukkan oleh asy-syahid Ustaz Ibrahim Libya dan anak-anak buahnya serta perpaduan ahli-ahli PAS dalam menangani isu muassasah dulu cukup untuk dijadikan pengajaran pada pihak-pihak yang berkenaan. Disusuli pula dengan berbagai-bagai program pengajian, tamrin, dialog, usrah, ceramah-ceramah umum yang bersemangat dan sebagainya. Tentulah suasana begini boleh menimbulkan kerisauan di kalangan pihak-pihak yang sememangnya bimbang dengan perjuangan suci PAS.

Dengan itu, wujudnya perpaduan dan kemajuan program dari pemuda-pemuda di muassasah sehingga terbentuknya pasukan seni mempertahankan diri itu semestinyalah mendapat perhatian pihak kerajaan pimpinan Umno. Ertinya mendapat perhatian pihak polis. Apabila perpaduan yang dibentuk oleh suasana muassasah itu dipertemukan dengan perpaduan yang diasuh oleh Ustaz Sidik Nor di Felcra Lekir,

ia menjadi seolah-olah perpaduan antara Muhajirin Mekah yang bercantum dengan perpaduan Ansar di Madinah; yang menghasilkan tertakluknya kota Mekah dan kalahnya kafir Quraisy. Pertemuan dan percantuman antara dua perpaduan ini nampaknya telah menimbulkan kecurigaan dan keresahan pihak polis. Mengapa? Apakah mereka memikirkan jika dibiarkan saja percantuman antara perpaduan pemuda dari muassasah Kedah dengan perpaduan di Felcra Lekir Perak itu akan membahayakan mereka? Sekali lagi kita bertanya: Mengapa?

Maka barangkali tidak salah kalau kita katakan bahawa hasil dari kecurigaan dan keresahan itulah terlancarnya apa yang dinamakan Operasi Kenari itu. Agaknya memang menjadi tugas pihak polis untuk memusnahkan mata-mata benih jihad yang bakal tumbuh hasil dari pertemuan tadi. Justeru itu kita tak perlu hairan kenapa operasi itu melibatkan penahanan yang ramai dari kedua-dua tempat tersebut.

Walaupun mereka berada pada jarak yang begitu jauh antara satu sama lain, tapi dalam erti persaudaraan Islam dan perjuangan untuk Islam semuanya menjadi hampir. Suasana yang dialami oleh pemuda dari muassasah tidak jauh berbeza dengan apa yang berlaku kepada mereka yang di Perak. Kalau Allah mencampakkan semangat jihad kepada Isyam dan teman-temannya dari Kedah, ia tercampak juga kepada Ustaz Sidik dan anak-anak buahnya di Perak. Kalau Isyam diawasi oleh pihak polis, begitulah juga dengan Ustaz Sidik. Malah dia lebih tertekan dengan tindakan polis, sehingga terpaksa menjauhkan diri dari umum dalam Operasi Lalang dulu. Andainya Isyam dan beberapa temannya dari bekas tentera, maka di Felcra Lekir itu hampir semua mereka adalah bekas dan setengahnya masih cergas dalam pasukan PSTD.

Perbezaan yang ketara antara muhajir Kedah dan ansar Perak ini hanya dalam ekonomi. Isyam dan teman-temannya miskin, tanpa pendapatan tetap, manakala mereka dari Felcra itu agak lumayan. Sebagai peserta rancangan Felcra yang telah mendapat hasil dari torehan getah, pendapatan mereka hampir dan kadangnya melebihi seribu ringgit sebulan.

Rezeki yang melimpah ruah itu tak disia-siakan oleh mereka begitu saja. Dalam usaha perjuangan mereka, sebuah markas cawangan yang selesa telah berjaya didirikan, di samping sebuah kedai runcit untuk ahli-ahli. Walaupun ahli PAS di cawangan itu tidak sampai seratus orang, tapi mereka berjaya menampakkan perpaduan yang baik, hingga parti-parti lain tidak begitu mendapat sambutan di situ.

Bagaimana perhubungan antara kedua kumpulan ini boleh terjalin rasanya tak perlulah diterangkan lagi di sini. Dapatkan saja dari buku *GUGURNYA MUJAHID MELAYU DI BUMI AFGHANISTAN*. Yang penting, pokok pertemuan mereka ialah kerana jihad. Pemuda-pemuda dari muassasah perlukan wang hampir sepuluh ribu ringgit, dan saudara mereka di Perak boleh membantu dengan syarat-syarat tertentu. Antara syaratnya mereka dari Kedah perlu bekerja seperti menoreh dan lain-lain kerja sampingan. Kerana syarat-syarat itu dipersetujui, maka berhijrahlah muhajirin dari Kedah ke Perak. Begitulah titik mulanya pertemuan dan persahabatan mereka.

Perpaduan dan persahabatan yang diikat oleh perjuangan yang sama, sehati dan sejiwa ini, memang tak mudah digugat sesiapa pun. Hanya Allah sahaja yang dapat memisahkan mereka. Atas dasar dan ketegasan inilah mengapa mereka sanggup untuk hidup bersama-sama dalam tahanan di Kem Kemunting, walaupun ada antara mereka ditawarkan janji-janji manis. Mereka lebih rela menjalani ujian ketabahan dan keyakinan untuk Allah daripada menjual prinsip perjuangan mereka dengan begitu murah.

Soalnya, apakah dengan berjayanya Operasi Kenari itu maka telah berjaya juga pihak kerajaan menyekat pertubuhan yang dinamakan oleh polis sebagai Mujahidin itu dari beroperasi?

Yang pasti, selepas wujudnya P.A.S. ada pula Jundullah, dan setelah itu lahir pula Mujahidin. Bermakna di sini yang lenyap dari tindakan polis hanyalah nama pertubuhan, tapi perjuangan tetap bersilih ganti. Oleh kerana pihak polis menamakan tahanan-tahanan ini sebagai kumpulan

'Mujahidin', maka kita terima dengan senang hati; kerana itu adalah satu gelaran agung untuk pahlawan-pahlawan Islam yang memang diimpikan oleh sesiapa saja umat Islam.

Kalau boleh kita ingin nak tambahkan atau buat pembetulan sedikit, supaya masyarakat umum tidak keliru antara mujahidin Afghanistan dengan mujahidin Malaysia. Maka kita cadangkan, atau kita mohon izin pada pihak yang berkenaan untuk menamakan mereka ini sebagai MUJAHIDIN MALAYSIA, atau ringkasnya 2M tapi bukan Mahathir Musa.

Dengan demikian akhirnya kita bertanya: Apakah Operasi Kenari itu sebenarnya bertujuan untuk menghapuskan Mujahidin Malaysia?



Abdul Aziz Abdul Hamid



Awang Jelaji



Bakri Othman



Ahmad Awang



Isyam Bakar



Syarif Saad



Abdul Wahab Othman



Salim Md Akhir



Ros Jaafar



Shahrul Fuaddi Zulkifli



Shamsul Kamal Hj Jamhari



Shamsul Bahrin Shaari



Zahari Ramli



Mustar Hasumi



Musa Othman



Che Yob Ismail

BUKANKAH INI PENGANIAYAAN?

SEKALI lagi kita kembali meninjau apa yang berlaku dalam Peristiwa Memali pada 19 November 1985 yang lalu. Kehadiran mengejut beribu-ribu anggota polis pada pagi itu, dengan bertemankan sebuah kereta perisai, nampaknya membawa satu matlamat saja. Mereka ingin mengajar sikap degil Asy-Syahid dan menutup mulutnya dari melaungkan kebenaran. Sama ada hidup atau mati, Asy-Syahid mesti dikeluarkan dari bumi Memali.

Sebagai seorang mujahid, bukanlah semudah itu untuk Asy-Syahid menyerahkan dirinya kepada pemerintah yang dianggapnya 'taghut' itu. Segala tubuh, jiwa dan raganya telah pun diserahkan kepada Kekasihnya yang paling dicintai, dan dia tetap bertekad tidak akan mengongsi kasihnya pada yang lain lagi selain Allah saja. Dengan kekuatan iman dan ketegasannya itu, terpaksa gerombolan wakil pemerintah Umno tadi bertindak ganas. Secara membabi buta mereka melepaskan tembakan semau-mau mereka sehingga menggugurkan 14 orang yang kemudiannya dikenali sebagai para Syuhada Memali.

Setelah gerombolan ganas dan tak berkemanusiaan itu mempercepatkan pertemuan antara Asy-Syahid dan tiga belas orang muridnya dengan bidadari di syurga firdaus, rupanya mereka masih belum berpuas hati.

Kepada sesiapa yang tak pernah melawat Kampung Memali selepas saja peristiwa itu, atau tidak pernah bertemu dan berbual dengan mangsa-mangsa tahanan selepas mereka dibebaskan, tentulah tak dapat merasai betapa hebat dan dahsyatnya kezaliman pemerintah BN. Sebaliknya pada mereka yang berpeluang menyaksikan dengan lebih dekat, terutama mangsa yang terlibat secara langsung, pasti akan marah dan menyumpah kekejaman itu. Mungkin ada antara keluarga ini yang menyumpah kekejaman itu sepertimana sumpahan yang terkenal dalam legenda Mahsuri di Langkawi.

Kerakusan pihak KDN di bawah Dr Mahathir itu tak terhenti di situ sahaja. Pesta kemungkaran di Memali itu mereka teruskan pula di tahun 1987 dengan apa yang mereka namakan Operasi Lalang, yang kononnya bertemakan 'Untuk Ketenteraman Awam.'

Mereka memasang lukah di hilir, kemudian mengharung taliair di hulu. Terus ikan-ikan yang panik bertempiaran berenang ke hilir, dan akhirnya terperangkap ke dalam lukah berjaring besi. Menggeleparlah ikan-ikan tadi untuk dikasihani atau mendinginkan diri menunggu masa disiang sebagai hidangan kepada 'jembalang-jembalang tanah' ataupun digantung pada jemuran sebagai ikan kering. Lalu ikan-ikan dari berbagai jenama tadi diasingkan. Mana-mana yang dari jenama Umno dan MCA serta yang bentuk dan sisiknya hampir serupa dengan jenama itu, dibebaskan semula ke taliair. Ikan-ikan dari jenama ini hanya kelihatan saja cantik, tapi tak mempunyai apa-apa zat, dan isinya pula amat tawar.

Mungkin mana yang agak menarik di antara ikan-ikan tadi, yang boleh mendapat perhatian dan pujian manusia, ia ditempatkan dalam balang kaca untuk dipamerkan di penjuru-penjuru ruang tamu. Tentu ikan-ikan ini bangga dengan layanan baik yang diterimanya, tanpa mereka sedari yang makanan-makanan yang ditaburkan untuk mereka terdiri dari anak-anak cacing atau anak-anak serangga mati. Paling mendukacitakan lagi makanan dari dedak-dedak berwarna-warni tadi adalah campuran pelbagai jenis najis manusia dan haiwan.

Ikan yang membuka selera 'jembalang-jembalang tanah' hanyalah dari jenama ikan 'sembilang' dan 'keli' sahaja. Bukan saja kedua-dua jenama ini mempunyai rupa bentuk yang hampir sama dan terdapat sengat berbisa, namun citarasa dan kelazatannya juga hampir serupa. Lebih-lebih lagi apabila dibuat masak kari atau masak lemak cili api dengan kuah pekat bercampur ubi keladi. Pasti terjelir lidah-lidah para 'jembalang' tadi menikmati hidangan ikan-ikan dari jenama tersebut. Sekalipun ikan-ikan ini hampir serupa sahaja, tapi kediaman mereka berbeza. Ikan semilang banyak di tepi pantai dan ikan keli pula banyak di daratan, khususnya di lubuk-lubuk dan sawah. Memandangkan kedua-duanya amat membuka selera jembalang-jembalang di kota, mereka dipaska juga masuk ke lukah BN.

Begitulah apa yang dialami oleh ikan-ikan dari jenama PAS dan DAP. Sungguhpun kedua-dua parti pembangkang ini mempunyai prinsip perjuangan politik yang berbeza, namun citarasa hendak menjatuhkan BN yang seiring itu menyebabkan mangsa tahanan dari kedua-dua parti ini menjadi orang-orang terakhir dibebaskan dalam Operasi Lalang.

Di sini dapatlah kita lihat dengan nyata betapa dalam Peristiwa Memali dulu kaum keluarga dan sahabat handai para syuhada dizalimi. Begitulah juga dalam Operasi Lalang. Dengan sengaja mereka menimbulkan isu-isu yang sensitif, dengan tujuan untuk memerangkap pimpinan-pimpinan parti pembangkang, khususnya di kalangan pemuda PAS. Kedua-dua peristiwa ini menunjukkan bukan saja pihak pemerintah membenci kepada pimpinan dan ulama PAS, malah juga kepada semua ahli-ahli PAS dan sesiapa saja yang cuba berdampingan dengan PAS.

Penerusan kezaliman dari Peristiwa Memali dan Operasi Lalang kepada Operasi Kenari lebih menyakinkan kita akan betapa rakusnya kepimpinan kerajaan yang ada hari ini. Penahanan Isyam pada 14.10.88 yang dihubungkan dengan senjata api yang kemudian menular kepada berpuluh-puluh 'mujahid' lain itu adalah suatu penipuan. Terutamanya ala-

san yang berhubung dengan senjata api, yang dengan mudah sekali dipinda pula kepada alasan terlibat dalam kebakaran di Sik. Semua ini tentulah mempunyai motif tertentu selah-olah adanya 'udang di sebalik batu.' Boleh jadi 'udang' adalah Isyam dan tahanan-tahanan lain, manakala 'di sebalik batu' itu ialah Islam dan perjuangan PAS. Membuktikan penahanan dari operasi ini hanyalah timbul dari sikap benci kepada perjuangan PAS.

Sebelum ini telah beratus kes yang melibatkan senjata api. Bukan setakat memiliki atau membawa saja, malah yang menggunakannya untuk membunuh dan rompakan, tapi tak ada pula tangkapan yang sebegini ramai! Kenapa ahli keluarga dan pengikut Botak Chin sebagai penjenayah berbahaya dulu itu tak diseret pun untuk disoal siasat? Di mana ahli keluarga dan pengikut-pengikut Datuk Mokhtar Hashim yang membunuh Datuk Taha dulu? Mengapa dia dibebaskan dari hukuman mati? Kemana pergi lagi rakan-rakan karib Datuk Harun Idris sewaktu dia dipenjarakan dulu? Takkanlah dia seorang saja yang terlibat? Siapa lagi dalang-dalang di belakang Prebet Adam yang pernah menggemparkan ibu kota itu? Adakah hanya dari tindakan dan ideanya sendiri saja. Dan terlalu banyak lagi kes-kes berat yang melibatkan kumpulan ramai, tetapi tak ada pun tangkapan serupa dengan operasi ini. Tak kurang pula kes-kes yang amat berat pada rakyat, tapi ditinggalkan begitu saja oleh pemerintah. Sama ada kes pemecatan Ketua Hakim Negara, skandal BMF dan Bank Bumiputra, skandal Lebuhraya Utara-Selatan, skandal MB Melaka, perkahwinan lari MB Selangor, kes video lucah anggota kanan MIC dan berbagai kes lagi.

Bila berlaku kes senjata api dan kebakaran yang melibatkan orang-orang berserban dan ahli PAS, maka bersusah payahlah pihak berkenaan cuba membuat tahanan seramai yang dapat. Sanggup mereka bertungkus lumus mengesan orang-orang yang mereka kehendaki itu. Sayangnya bila berlaku kebakaran di beberap buah masjid di Pahang dulu, tak ada pun khabar berita hingga sekarang. Di manakah perginya petualang-petualang yang membakar rumah Allah

itu? Kenapa kes membakar masjid itu disepikan saja dan tak siapa pun ingin tahu perkembangan seterusnya? Tiada pun pihak-pihak yang mendesak untuk menubuhkan badan penyiasat. Sebaliknya kebakaran yang berlaku di Sik terlalu sibuk mereka berusaha mencari pesalah, kerana mereka melihat kesempatan untuk dikaitkan dengan jemaah PAS.

Begitu juga dengan kebakaran yang berlaku di Sekolah Agama Taufikiah, Padang Lumut. Terlalu banyak pihak yang mendesak agar ditubuhkan badan penyiasat untuk mencari punca berlakunya kebakaran itu. Seboleh-bolehnya mereka mahu badan itu nanti dapat mendedahkan puncanya adalah dari kelemahan pentadbir sekolah itu sendiri. Maka bolehlah nanti pihak sekolah yang dikelolakan oleh seratus peratus tokoh-tokoh PAS itu dicemarkan.

Bukankah fenomena itu menampakkan dengan jelas kepada kita bahawa apa sahaja peristiwa yang melibatkan ahli-ahli PAS, ia disebarkan ke seluruh ceruk rantau negara ini dengan tujuan untuk memburuk-burukkan jemaah PAS pada pandangan masyarakat? Kalau perbuatan ahli-ahli PAS tadi menyebabkan mereka boleh ditangkap, maka dengan segera mereka pun ditangkap seramai-ramainya. Jika boleh dibunuh, bunuh saja tanpa banyak bicara dan rundingan. Oleh itu di manakah akan datangnya air kebebasan dan keadilan yang amat didahagakan oleh rakyat selama ini?

Seperti yang telah dibicarakan di atas, punca kebimbangan kepada kebangkitan Islam yang dibawa oleh PAS dan perpaduan erat antara mujahid Kedah dengan mujahid Perak itu adalah menjadi faktor kenapa mereka ditahan dengan begitu ramai sekali. Risaunya mereka dengan pengaruh serta pengalaman Isyam sebagai anggota tentera, menyebabkan semua rakan-rakan karib serta guru agamanya ditahan. Tak kisah lagi sama ada mereka bersalah atau tidak, pokoknya mereka adalah teman Isyam. Maka sewajarnya Ustaz Fadzil melahirkan rasa ragunya terhadap penahanan ahli-ahli jemaahnya itu. Daripada 14 orang yang ditahan di Kedah, sembilan orang adalah teman-teman rapat Isyam sewaktu di muassasah. Ini termasuk juga guru agamanya yang juga salah

seorang tenaga pengajar di muassasah, iaitu Tuan Imam Haji Sanusi. Begitu juga dengan tahanan di Perak. Daripada 17 orang yang ditahan, sepuluh orang adalah rakan-rakan karib Isyam sewaktu dia tinggal di Felcra Lekir, Sitiawan.

Seperti yang telah disentuh sebelum ini, dan telah diceritakan dengan panjang lebar dalam buku *GUGURNYA PUTERA MELAYU DI AFGHANISTAN*, penghijrahan pemuda-pemuda dari muassasah di Kedah ke Felcra Lekir di Perak adalah atas faktor ekonomi. Pada peringkat awalnya Isyam dan kawan-kawannya dari Kedah hanya bekerja sebagai penoreh dan membersihkan ladang getah. Lama-kelamaan kerja mulai bertambah, yang antara lain termasuklah membina rumah. Bermakna di sini tenaga yang lebih banyak diperlukan untuk membantu Isyam dan beberapa temannya. Maka dibawalah beberapa orang lagi teman-teman dari Kedah, yang kebetulan juga memerlukan pekerjaan. Termasuklah di antaranya Mansor Hj Hassan, yang kemudian terpaksa pulang berehat di kampungnya kerana tidak sihat.

Dari hari ke hari pergaulan dan persahabatan antara saudara-saudara dari Kedah dengan saudara-saudara di Felcra Lekir itu menjadi semakin erat. Hilang perasaan kengerian ataupun perbezaan antara pendatang dan anak tempatan. Begitulah ikatan persaudaraan yang berteraskan kepada akidah Islam. 'Muhajirin' dari Kedah tak lagi terasa yang mereka sebagai pekerja yang semata-mata mencari upah dari majikan. Segala program PAS di cawangan itu diikuti bersama. Jalinan kemesraan itu akhirnya terlibat hinggakan kepada pekerjaan. Kerja-kerja yang seharusnya dilakukan oleh 'muhajirin' dari Kedah pun turut dibantu oleh para 'ansar' dari Perak, tanpa sebarang ganjaran. Sebaliknya merekalah juga yang memberi upah kepada yang dibantu itu. Demikianlah keharmonian yang terjalin, walaupun dalam jangka masa yang agak singkat. Itulah hasil keberkatan dari perjuangan yang sama dalam jemaah PAS.

Segala ikatan keharmonian itu tidak pernah wujud sebelumnya, iaitu sebelum bulan Julai 1988. Sebelum itu mereka

tidak mengenali antara satu sama lain. Kalangan 'mujahid' Perak tak kenal siapakah Isyam atau Mansor dan 'mujahid' dari Kedah juga begitu. Apatah lagi untuk duduk sebilik, makan setalam atau merancang sesuatu. Pendeknya segala-galanya tak mungkin wujud antara kedua 'mujahid' tadi sebelum bulan Julai 1988.

Maka jika dilihat pada kenyataan Tan Sri Jaafar Abdul pada 17 November 1988, dibanding pula dengan titik mula persahabatan antara kedua kumpulan dari Kedah dan Perak itu, nyatalah kenyataan itu sukar untuk diterima. Semasa berlaku kebakaran di Sik itu, mujahid-mujahid berkenaan belum lagi mengenali antara satu sama lain, belum ada sebarang hubungan antara mereka. Dengan itu tentulah mustahil insan-insan yang tak pernah bertemu sebelum bulan Julai itu boleh terlibat dalam perancangan membakar bangunan di Sik pada bulan Jun. Kalau begitu bagaimanakah mujahid-mujahid yang sedang ditahan ini boleh dituduh melibatkan diri dalam kebakaran itu? Lalu mungkinkah ini faktornya yang menyebabkan kes ini tidak dibawa ke mahkamah? Oleh kerana para mujahid berkenaan ini tidak diadili di mahkamah, maka siapakah yang telah mengarahkan mereka ditahan dalam Kem Kemunting hingga sekarang?

Berdasarkan kepada huraian yang telah dikemukakan, bolehlah kita membuat keputusan sendiri, dan kehakiman masing-masing, kerana kes ini tiada hakim yang mahu menghakimkannya. Kepada siapakah lagi kita nak pertanggungjawabkan kezaliman yang dilakukan terhadap mujahid-mujahid itu setelah tidak ada lagi tentera Jepun dan pengganas komunis? Maka kalau demikian salahkah jika kita katakan bahawa tahanan-tahanan berkenaan itu adalah mereka yang teraniaya dengan undang-undang kediktatoran Dr Mahathir?



Sdr Izham Mohd Dali, salah seorang tahanan ISA, dua dari kiri.



Sdr Sobri Hj Hussein dalam Mesyuarat Agung Dewan
Pemuda PAS Padang Terap, 1988.



Dari kiri, Sdr Mansor Hj Hassan, Sdr Isyam Bakar, Assyahid Fauzi Ismail (yang terkorban di Afghanistan) dan Sdr Abdul Wahab Abdullah di Pos Keselamatan Muassasah Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah.



Yang berdiri, dari kanan, Sdr Abdul Majid Ismail dan Sdr Mansor Hj Hassan. Yang duduk, paling kanan, salah seorang tahanan ISA dari Felcra Lekir. Bergambar di Markaz PAS Felcra Lekir.

BERJAYAKAH OPERASI INI?

PERANCANGAN yang berhasil dilaksanakan oleh pihak polis sehingga tertahannya berpuluh orang ahli PAS dalam Operasi Kenari itu mungkin membanggakan mereka. SB dan 'hantu-hantunya' tentulah puas dengan kejayaan ini. Setengah dari mereka mungkin sedang menunggu anugerah 'Khidmat Cemerlang' dari pihak atasan. Maklumlah, ini merupakan kes istimewa yang jarang ditemui di sepanjang pengalaman mereka. Selama ini mana ada orang-orang berjubah serta berserban memiliki senjata atau terlibat dalam kebakaran harta milik kerajaan? Lebih istimewa lagi apabila semua yang ditahan itu adalah ahli dan penyokong kuat jemaah PAS.

Selama ini PAS menjerit-jerit dan melaungkan di mana saja yang mereka akan melaksanakan pemerintahan Islam di Malaysia. Bukankah laungan itu mempersonakan umat Islam dan mereka yang cintakan keadilan dan keamanan? Keputusan pilihanraya umum 1986 dulu menunjukkan lebih dari 700,000 rakyat telah memberikan undi kepada PAS. Jumlah yang begitu besar tentulah satu kejayaan bagi parti Islam ini, dan insya Allah ia akan lebih meyakinkan lagi perjuangan PAS dalam pilihanraya umum akan datang. Ini tentulah menjadi satu cabaran dan tamparan hebat pada pemerintah BN. Keimanan, kesabaran dan akhlak ahli-ahli PAS mungkin antara faktor utama yang mempengaruhi kejayaan jemaah PAS itu.

Pemerintah BN yang sentiasa mengawasi perkembangan

dan peningkatan perjuangan PAS tentunya tak dapat mendi-
amkan diri tanpa melakukan langkah-langkah pasti bagi
menghalang kejayaan PAS. Mereka mula menjalankan usaha-
usaha bagi mengganggu dan merosakkan perjuangan PAS. Di
antara langkah yang mereka percaya paling bijak bagi menca-
pai matlamat itu ialah dengan berusaha menghilangkan
keyakinan masyarakat kepada perjuangan PAS. Menyerapkan
budaya takut kepada pemerintahan Islam, menonjolkan
keganasan dan kekolotan undang-undang Islam, menam-
pakan kejumudan Islam terutama terhadap kaum wanitanya
dan berbagai lagi yang serba negatif terhadap Islam. Sebole-
bolehnya masyarakat mesti diberitahu bahawa Islam yang
hendak diamalkan oleh pemerintahan PAS nanti adalah
undang-undang 'zaman unta', bukannya sistem hidup yang
sesuai dengan zaman serba maju ini.

Tetapi nampaknya zaman ini manusia bukan saja tidak
mahu lagi dengan undang-undang Islam, malah mereka juga
tidak mahu lagi dengan undang-undang ciptaan manusia.
Siapa saja yang berkuasa, maka undang-undangnyayalah yang
akan diguna dan dipaksa semua orang menggunakannya.
Kalau enggan mematuhi, bererti...?

Begitulah undang-undang di zaman yang serba maju dan
cepat ini. Sebab itu di Malaysia, oleh kerana era ini pemerin-
tah yang berkuasa ialah Dr Mahathir, maka undang-undangnya
adalah 'Perundangan Dr Mahathir'. Dr Mahathir boleh
arahkan tangkap siapa yang dia mahu tangkap, kurung orang
yang dia nak supaya dikurung, bebaskan siapa yang dia suka,
pecat orang yang dia nak pecat, angkat orang yang dia nak
angkat, haramkan apa yang mahu haramkan, keluarkan fatwa
apa saja yang dia suka. Dia lakukan apa yang dia suka lakukan,
kerana dia sekarang *berkuasa*. Mungkin setahun dua lagi tiba
pula perundangan Ghafar ataupun perundangan Anwar.
Inilah undang-undang yang wajib diikuti oleh semua rakyat,
bukannya undang-undang Islam.

Untuk menerapkan undang-undang mereka dalam
kehidupan masyarakat, maka undang-undang lain selain
daripada itu perlulah dijauhkan sejauh-jauhnya. Apa saja

kesempatan yang ada untuk memburukkan undang-undang lain beserta dengan para pengamal undang-undang berkenaan itu haruslah digunakan sebaik-baiknya. Sekarang peluang yang ditunggu selama ini telah tiba. Masyarakat Malaysia tentu terpesona dan terkejut besar nanti bila didedahkan ahli-ahli PAS terlibat dengan kerja-kerja menyalahi undang-undang negara. Memiliki senjata api dan membakar harta milik kerajaan bukannya satu hal yang remeh pada pandangan masyarakat.

Sebelum ini pun memang ada golongan berjubah putih cuba membuat kacau-bilau dengan menyerang balai polis dan sebagainya. Bagaimanapun kes mereka itu tidak menguntungkan pemerintah dari segi politik, kerana tak dapat dikaitkan dengan jemaah PAS. Akhirnya golongan itu didakwa sebagai pengamal ajaran sesat, yang hanya menumpukan kepada zikir dan ibadat di tempat-tempat sunyi. Mereka bukan orang-orang politik, tidak ada ahli PAS dari mana-mana kawasan atau cawangan menyertainya. Perbuatan mereka adalah di luar dari pengaruh PAS dan memang PAS tak akan bertanggungjawab. Berbeza dengan Peristiwa Memali. Di samping PAS mengakui Asy-Syahid dan lain-lain yang terbunuh itu adalah ahlinya, PAS juga berani mengeluarkan fatwa yang mereka itu syahid. Hingga sekarang pun PAS masih mengambil berat terhadap apa saja yang berhubung dengan kes Memali.

Oleh kerana kes Memali melibatkan ahli PAS, kita dapat lihat bagaimana propaganda yang cuba dimainkan untuk memburukkan jemaah PAS. Bersama-sama ribuan anggota polis, mereka juga membawa sebuah kereta perisai dan perakam video. Apakah tujuan mereka mengadakan penggambaran filem di Memali dengan memaksa ahli-ahli PAS menjadi 'stuntman' dan 'hero' tanpa dibayar, kecuali hamburan hamburan peluru beracun itu? Selesai saja penggambaran yang paling 'realistik' itu, pihak KDN dan polis sendiri yang terpaksa menyuntingnya untuk menjaga 'keaslian' jalan ceritanya. Selesai saja kerja-kerja pemrosesannya, filem itu telah ditepung-tawarkan oleh semua Ahli-ahli Parlimen, sebelum

ditayangkan kepada umum secara serentak oleh RTM.

Walaupun ada cubaan dari pihak MIC Production untuk menandingi filem itu tapi tak berjaya. Bukan saja tak hendak ditayangkan kepada umum, tapi semua pita videonya dimusnahkan oleh pihak polis. Malanglah bagi pengundi-pengundi Kapar yang telah mencalonkan V.P. Vijandran sebagai pelakon utama itu.

Pemerintah BN yang telah menggunakan isu Memali dalam kempen pilihanraya mereka masih gagal mengurangkan undian untuk PAS. Bermakna rakyat tidak terpengaruh dengan takujahat mereka. Rakyat secara diam-diam telah melahirkan rasa simpati terhadap ahli-ahli PAS Memali dengan cara mengundi jemaah PAS. Pihak BN tentu sedar hal ini. Mereka juga mungkin sedar kesilapan yang dilakukan dalam peristiwa itu. Sekiranya para syuhada itu tak dibunuh, sekadar dicerderakan saja, dan ahli keluarga mereka tak ditahan; nescaya rakyat akan lebih yakin dengan keadilan kerajaan. Tapi sekarang dah terlambat. Nasi telah pun menjadi bubur. Mahu tak mahu terpaksa dimasukkan santan dan gula, lalu ditelan juga.

Oleh kerana itu peluang yang terbuka melalui Operasi Kenari tidak boleh dilakukan kesalahan lagi. Perlu digunakan sepenuhnya untuk membuktikan pada masyarakat betapa bahayanya perjuangan yang dibawa oleh PAS. Lihatlah betapa PAS telah menghasut ahli-ahlinya bertindak liar melanggar undang-undang negara. PAS cuba merampas kuasa dengan kekerasan, sebab itu diarahkan ahli-ahlinya menyimpan senjata api serta memusnahkan harta benda milik kerajaan. Melalui operasi oleh pihak polis ini, tak siapa pun akan menafikan kebenarannya. Orang akan berfikir: Benarlah dakwaan kerajaan yang PAS mulai radikal dan amat ekstrem dalam tindak tanduk mereka. Agaknya betul juga PAS lebih bahaya dari Komunis. Jika semua ini dapat diyakinkan pada masyarakat, PAS tentu akan menerima nasib yang paling malang dalam pilihanraya akan datang.

Ustaz Fadzil Nor sendiri telah mengakui bahawa antara yang ditahan itu terdapat ahli PAS, dan setengahnya meru-

pakan ahli jawatankuasa di kawasan atau cawangan masing-masing. Bermakna PAS tak bolehlah nak bersikap "lempar batu sembunyi tangan". PAS harus bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perbuatan ahli-ahlinya itu. Dan andainya taktik pihak polis kali ini berjaya, maka PAS tak akan berpeluang memerintah Malaysia buat selama-lamanya. BN tetap boleh bersenang hati dan berpesta di mana saja yang mereka suka. SB dan anak-anak buahnya tentulah boleh 'tumpang sekaki' tanggung langgang bersama boss mereka dan BN.

Selain daripada mendedahkan keburukan PAS untuk melemahkannya, pihak polis juga bertujuan untuk melemahkan semangat dan menakut-nakutkan ahli-ahli PAS, melalui operasi ini. Dengan tangkapan 'gila' yang begitu ramai, dipenjara dan disiksa, mereka percaya ia boleh menyebabkan ahli-ahli PAS merasa lemah semangat dan malas hendak aktif. Program-program PAS pun mungkin mulai lembab dan tak selicin dulu. Seolah-olah dibayangi rasa ketakutan yang gerak-geri mereka sentiasa diawasi oleh pihak polis. Hendak ke kuliah takut, hendak ke tamrin bimbang, hendak ke usrah curiga, dengar ceramah pun di sudut-sudut gelap sahaja, dan seterusnya mungkin hendak keluar mengundi pun tak berani lagi.

Barisan pelapis muda juga diharap akan takut untuk menonjolkan diri, manalah tahu nanti dipanggil oleh pihak polis untuk soal siasat. Dengan itu juga akan berkuranganlah suara-suara lantang yang mendesak pemerintah itu dan ini, kuranglah demonstrasi dan sebagainya. Maka amanlah negara Malaysia. Kalau begitu, bukankah ini satu kejayaan bagi pihak polis dan kerajaan BN?

Pada peringkat awal dilancarkan Operasi Kenari, memang keadaan ahli-ahli PAS ada yang agak gawat dan panik, khususnya di kawasan yang terdapat paling ramai tangkapan. Kawasan Padang Terap yang baru saja reda daripada isu perampasan tapak Muassasah Darul-'ulum pun bergolak semula. Keadaan yang cemas membuatkan banyak program pengajian dan aktiviti parti terganggu. Masing-masing tertanya-tanya apa yang sedang berlaku. Ada juga yang menanti

bilakah gilirannya akan tiba.

Keadaannya boleh diumpamakan seperti sekumpulan ayam yang diserang helang. Kedatangan helang dengan mengejut, menyebabkan ayam-ayam bertempiaran lari menyembunyikan diri. Yang terlalu takut terus tak menampakkan rupanya hingga ke malam, dan esoknya barulah keluar setelah melihat teman-teman lain keluar. Bagi ayam yang agak berani sedikit, sambil bersembunyi dia mengintai-intai juga helang di angkasa. Bapa ayam yang bijak pula dengan sengaja membuat bising memekakkan telinga tuannya. Tuan ayam yang menduga ayamnya dalam keadaan bahaya tentulah akan keluar menyelidik apa yang sebenarnya berlaku. Maka si helang yang nampak tuan ayam keluar dengan senapangnya pasti terbang jauh dari situ. Selamatlah ayam-ayam tadi dari gangguan helang yang ganas.

Walau bagaimanapun, ahli-ahli PAS yang mulanya panik itu kembali sedar bila ada suara dari Ustaz Fadzil. Begitu juga dengan fitnah ciptaan pihak polis terhadap Ketua Pemuda PAS Kawasan Padang Terap. Hanya beberapa lama saja ia diperbesarkan sebagai 'hantu polis' atau SB, akhirnya dengan kebodohan pihak polis sendiri berita dan fitnah itu menjadi basi. Walaupun selepas itu ada juga berita yang mengatakan beliau adalah orang Sanusi Junid yang dihantar ke dalam jemaah PAS dengan tujuan merosakkan jemaah PAS, namun tak ada pun ahli-ahli PAS yang menyambut fitnah itu.

Ahli-ahli PAS sudah masak dengan api fitnah ciptaan musuh setelah berkali-kali direbus pihak polis. Setelah hal yang sebenar diketahui, simpati ahli-ahli PAS terhadap tahanan dan keluarga mereka mulai timbul. Bantuan wang ringgit dan bahan makanan mulai sampai pada ahli keluarga yang ditahan. Program ziarah dan bertanya khabar juga dianjurkan. Bermakna ahli keluarga yang ditahan tak lagi kesunyian dan kesempitan. Keadaan mereka sentiasa diambil berat oleh jemaah PAS. Begitulah antara keuntungan dunia hidup bersama jemaah Islam - susah dan senang sama-sama dilalui.

Semangat ahli PAS yang awalnya agak lemah dengan pukauan operasi itu telah kembali pulih seperti sediakala.

Sebab itulah di mana-mana sahaja sama ada di peringkat cawangan, kawasan, negeri dan pusat mereka menegaskan yang mereka cukup bersedia untuk menghadapi pilihanraya pada bila-bila masa saja. Pengaruh PAS melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pula semakin ketara.

Biasanya tahanan-tahanan politik yang dipanggil untuk soal siasat akan ditawarkan sesuatu. Kalau mereka setuju dengan apa saja tawaran dari SB, besar kemungkinan mereka akan dibebaskan. Kalau tidak, amatlah merengkok dalam Kem Kemunting sementara menunggu tawaran demi tawaran di sana pula. Paling tidak tawaran dari SB ini ialah meminta mereka supaya bekerjasama dengan pihak polis. Berilah sebarang maklumat parti yang diketahui, lebih-lebih lagi kalau ada rancangan hendak menggulingkan kerajaan. Demikianlah dengan tahanan-tahanan dalam Operasi Kenari. Mereka tak terlepas dari tawaran seumpama itu. Terpuanglah kepada mereka sama ada setuju atau tidak menerima tawaran tersebut.

Kalau dilihat pada jangka masa tahanan yang melebihi 15 bulan serta berita penyiksaan yang mereka alami ketika dalam soal siasat dulu, dapat kita simpulkan yang mereka ini bukanlah orang yang mudah menerima tawaran. Walaupun di kalangan mereka ini amat miskin, masih menganggur, berkeluarga dan kurang ilmu, tapi mereka masih kaya dengan iman dan prinsip kebenaran yang diperjuangkan. Sikap degil yang sesuai sebagai mujahid dengan bertawakal pada Allah memaksa mereka dengan tenang memilih penjara dari pulang ke pangkuan keluarga.

Agaknya mereka telah bertekad bulat untuk menghadapi segala kemungkinan. Kalaupun mereka dihukum bunuh, tentulah mereka orang yang paling beruntung. Mereka tahu kematian mereka adalah jalan kematian yang paling indah, yang nantinya akan digelar syuhada. Bukankah itu yang sering didoakan oleh mereka dan orang-orang yang seperti mereka? Agar mati sebagai syuhada. Mereka tentu menyedari jika ditakdirkan mati dalam apa juga bentuk semasa dalam tahanan itu, mereka akan mendapat ganjaran syuhada seperti yang

dijanjikan Allah.

Oleh sebab mereka menolak tawaran-tawaran dari pihak polislah maka mereka ditahan dalam Kem Kemunting. Dari berita yang diketahui, sewaktu dalam kem tahanan Kemunting itu pun mereka cuba dipujuk rayu agar mengubah pendirian mereka dan sanggup taat setia pada kerajaan, atau setidak-tidaknya terima pembebasan bersyarat, dan sanggup terima "buang daerah". Malangnya semua mereka ini tak sanggup untuk bertoleransi bahkan untuk menyanyikan lagu "Negaraku" pun keberatan. Sebab itulah mereka masih ditahan. Pihak tertentu masih belum puas hati dengan prinsip perjuangan mereka.

Ketegasan begitu bukan saja terdapat pada yang ditahan, tapi juga pada mereka yang dipanggil untuk soal siasat pada bulan April 1989. Sebelum disoal-siasat mereka ditanya sama ada mereka berasa takut atau tidak bila dijemput ke balai polis. Apakah tujuan sebenar soalan begini diajukan? Tapi mereka yang disoal-siasat itu tetap menjawab dengan tenang. Tak ada apa yang mereka takutkan. Ada setengahnya pula sengaja dibawa dan ditunjukkan bilik penjara dan bilik gelap. Maksudnya di situlah tempat mereka nanti jika tak mahu bekerjasama dengan polis. Juga dengan tenang dan senyum saja mereka melawat ke pameran tersebut. Terdapat pula yang ditengking dan digertak dengan suara yang lantang oleh SB. Akhirnya pihak SB pula yang ditengking dan gertak sambil menegaskan yang mereka sudah berniat untuk syahid di mana saja. Semua soalan-soalan putar belit dari pihak SB itu dijawab pula oleh mereka dengan jawapan yang putar alam. Sikap mereka ini menjadikan pihak SB bukan saja bosan, tapi pening kepala dibuatnya oleh orang-orang kampung ini.

Seorang dari SB telah meluahkan rasa geram dan hairannya pada salah seorang mereka yang disoal-siasat. Antara lain katanya, "Saya hairan dengan orang-orang PAS ini, semuanya bijak-bijak bercakap. Di mana mereka semua belajar?"

Dengan tidak dibawanya mujahid-mujahid yang ditahan itu ke muka pengadilan, bererti ada sesuatu yang menghalang mereka berbuat begitu. Seperti ada sesuatu yang menakutkan

mereka untuk mendakwa mujahid-mujahid tersebut ke mahkamah. Kita cuma boleh membuat andaian yang memberi hak pada kita berbuat demikian setelah pihak mahkamah tak diberi mandat bagi mengadili kes ini. Bagaimanapun andaian kita bukanlah sembarangan, tetapi sesuatu yang dapat diterima oleh akal yang sihat. Kemungkinannya pihak polis bimbang jika mereka ini didapati tidak bersalah dalam tuduhan kebakaran di Sik itu. Kalaupun terjadi begitu maka dimanakah mereka akan meletakkan muka mereka yang berhidung tinggi itu? Di samping itu mereka terpaksa mengerah tenaga pula untuk mencari siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab dalam kes kebakaran tersebut.

PEJUANG VETERAN

DI peringkat awal Operasi Kenari ini, ramai ahli-ahli PAS menjadi panik dan agak kelam kabut. Ada yang menyifatkan-nya bagai orang minyak menyerang kampung, setiap penghuni dirasuk kebimbangan. Bilakah rumahnya akan menjadi mangsa orang minyak? Lebih membimbangkan lagi bila rumah jiran baru saja dimasuki orang minyak. Entah-entah malam ini giliran rumahnya pula. Begitulah keadaan yang menimpa sebahagian besar ahli-ahli PAS ketika itu.

Sepanjang masa dari bulan Oktober 1988 hingga Januari 1989, ramai ahli-ahli PAS yang ditahan. Alasan penahanan tidak dibuktikan, maklumlah di bawah ISA. Jadi banyaklah berita angin yang tersebar, yang tidak dapat dipastikan kebenarannya. Lebih ramai yang mendiamkan diri di rumah untuk mengelak dari menjadi mangsa Operasi Kenari itu.

Bagaimanapun tidaklah semua ahli-ahli PAS bersikap begitu. Masih ramai pula yang semakin berani dan semangat mereka seperti dibakar. Ya, alangkah mudahnya rakan-rakan seperjuangan ditangkap dan dikurung tanpa dibicarakan. Soalnya, tidak adakah lagi pembela kebenaran?

Begitulah juga perasaan seorang ahli veteran PAS di Padang Terap. Beliau yang sudah menjangkau usia tujuh puluh tahun masih gagah dan sihat. Selain itu, kelebihan-nya ialah dia begitu sensitif dengan kezaliman yang diperlakukan kepada umat Islam. Sewaktu muda, beliau sering membantu

pihak polis dan tentera di tempatnya membentaras kegiatan pengganas komunis. Segala ilmu dan apa juga kepakarannya dimanfaatkan untuk tujuan itu. Peristiwa-peristiwa itu kini hanya tinggal kenangan untuk diceritakan kepada anak cucunya sahaja.

Namun begitu, soal perjuangan tetap melekat pada batang tubuhnya. Dia memilih PAS kerana perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS. Sesungguhnya Islam tidak akan berkompromi dengan kezaliman, penganiayaan dan ketidakadilan. Ramai pemimpin-pemimpin PAS mengetahui sikapnya itu.

Beberapa minggu selepas tanah Muassasah dirampas, sepasukan anggota keselamatan ditempatkan di atas bukit yang terdapat dalam tapak Muassasah iaitu Bukit Larek. Walaupun diminta dengan baik oleh pemimpin PAS agar pasukan keselamatan meninggalkan kawasan itu bagi mengurangkan ketegangan, permintaan itu ditolak.

Pada malam ketiga, pejuang veteran ini, yang dikenali dengan panggilan Pak Ngah pergi menemui pasukan keselamatan berseorangan. Ia dengan tegas meminta pasukan keselamatan jangan mengganggu ahli-ahli PAS yang ada di Muassasah itu. Dua hari kemudian pasukan keselamatan berundur ke tempat lain. Beberapa minggu selepas itu dua orang wakil Bukit Aman menziarahi beliau untuk bertanya khabar, kenapa Pak Ngah berkasar dengan pasukan keselamatan. Sebelum pulang sempat juga wakil dari Bukit Aman itu memujuk sesuatu ilmu dari Pak Ngah.

Perjuangan dan keberaniannya tidak berakhir di situ. Darah pahlawannya masih mengalir panas. Begitu juga semasa berlaku Operasi Kenari. Hati dan perasaannya tidak pernah tenteram, sentiasa terganggu dengan penahanan ahli-ahli PAS tanpa sebab. Meskipun Pak Ngah tidak ada pertalian kekeluargaan dengan ahli-ahli PAS namun beliau begitu sensitif dengan apa yang berlaku ketika itu, mungkin tuntutan dari persaudaraan Islam.

Suatu hari, Pak Ngah seorang diri pergi ke Balai Polis Kuala Nerang untuk mendapatkan maklumat sebenar kenapa ahli-ahli PAS ditahan ISA. Seorang anggota polis muda

yang bertugas ketika itu dengan selamba menjawab bahawa punca penahanan itu berhubung dengan senjata api dan penentangan mereka terhadap kerajaan.

"Kerajaan menolak Islam, salahkan kita menentang golongan yang tidak mahukan Islam." Pak Ngah dengan nada marah menjawab.

Melihatkan sikap tegas dan berani Pak Ngah itu, barulah anggota polis yang ada agak menghormatinya dan bersopan sedikit. Kemudiannya dengan lemah lembut mereka menerangkan bahawa ahli-ahli PAS yang ditahan itu masih dalam siasatan, mereka hanya disyaki dan kemungkinan akan dibebaskan sedikit masa lagi. Setelah berpuas hati, barulah Pak Ngah meninggalkan balai tersebut.

Meskipun reaksi Pak Ngah terhadap penangkapan Operasi Kenari itu nampaknya suatu perkara biasa, tetapi sebenarnya dalam suasana tegang seumpama itu, tindakannya patut dipuji. Tidak seperti orang lain yang menikus apabila menghadapi saat-saat genting, mereka hanya mampu membilang rakan-rakan yang ditahan seorang demi seorang. Orang-orang seperti ini tidak mampu walaupun sedikit untuk menentang ataupun mempengaruhi orang lain supaya bertindak sesuatu bagi menghalang kezaliman terus berleluasa.

(3) Tiap-tiap orang yang diarahkan menurut suatu perintah tabahan hendaklah beradik di dalam di mana-mana tempat (yang kemudian daripada itu disebut tempat tabahan) sebagaimana Menteri boleh mengarahkan tabahan mengikut apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Menteri dan apa-apa kaedah yang dibuat di bawah subsekyen (4).

(4) Menteri boleh melalui kaedah-kaedah memperuntukan bagi penyenggaraan dan pengurusan tempat-tempat tabahan dan bagi disiplin dan perlakuan terhadap orang-orang yang diarahkan di dalamnya, dan boleh membuat kaedah yang berlainan bagi tempat-tempat tabahan yang berlainan.

(5) Jika Menteri berpuas hati bahawa bagi apa-apa maksud yang tersebut dalam subsekyen (1) adalah perlu supaya pengawalan dan pengawasan disediakan ke atas mana-mana orang atau bahawa sekatan-sekatan dan syarat-syarat dikenakan ke atas orang itu berkenaan dengan aktiviti, kebebasan bergerak atau tempat kediaman atau pekerjaannya, tetapi bahawa bagi maksud itu adalah tidak perlu untuk menahaninya, Menteri boleh membuat suatu perintah (yang kemudian daripada ini disebut perintah sekatan) mengenakan ke atas orang itu semua atau apa-apa sekatan dan syarat berikut:

(a) bagi mengenakan ke atas orang itu apa-apa sekatan sebagaimana dinyatakan dalam perintah itu berkenaan dengan aktiviti dan tempat kediaman dan pekerjaannya;

(b) bagi medarangnya daripada berada di luar rumah di antara apa-apa waktu sebagaimana dinyatakan dalam perintah, kecuali di bawah kebenaran suatu permit bertulis yang diberi oleh mana-mana pihak berkuasa atau orang sebagaimana dinyatakan sedemikian;

(c) bagi mengabdikannya memberitahu pergerakan-nya dalam apa-apa cara pada sesuatu masa

dan kepada mana-mana pihak berkuasa atau orang sebagaimana dinyatakan dalam perintah itu;

(d) bagi medarangnya daripada bercap di perjumpaan awam atau daripada memegang jawatan dalam, atau mengambil bahagian dalam aktiviti atau bertindak sebagai penasihat kepada mana-mana organisasi atau persatuan, atau daripada mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti politik; dan

(e) bagi medarangnya daripada mengembara luar dari empadun Malaysia atau mana-mana bahagiannya yang dinyatakan dalam perintah itu melainkan mengikut kebenaran yang diberikan kepadanya oleh mana-mana pihak berkuasa atau orang sebagaimana dinyatakan dalam perintah itu.

(6) Tiap-tiap perintah sekatan hendaklah terus berkuatkuasa bagi apa-apa tempoh, tidak lebih daripada dua tahun, sebagaimana dinyatakan di dalamnya, dan boleh meliputi suatu arahan oleh Menteri bahawa orang yang berkenaan dengannya arahan itu dibuat, hendaklah mengikut suatu bon dengan atau tanpa penjamin dan dengan apa-apa jumlah sebagaimana dinyatakan bagi peneraahan awalannya sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya.

(7) Menteri boleh mengarahkan supaya jangka masa apa-apa perintah tabahan atau perintah sekatan dilanjutkan bagi apa-apa tempoh selanjutnya, tidak lebih daripada dua tahun, sebagaimana dinyatakan olehnya, dan seterusnya bagi apa-apa tempoh selanjutnya, tidak lebih daripada dua tahun pada suatu masa, sebagaimana dinyatakan olehnya, sama ada —

(a) atas alasan-alasan yang sama seperti mana perintah asal dibuat;

(b) atas alasan-alasan berlainan daripada alasan-alasan atas mana perintah asal dibuat; atau

(c) sebahagiannya atas alasan-alasan yang sama dan sebahagiannya atas alasan-alasan yang lain.

Dengan syarat bahawa jika suatu perintah tahanan dijalankan atas alasan-alasan yang berlainan atau sebahagiannya atas alasan-alasan yang berlainan, orang yang kepadanya perintah itu diberikan, hendaklah mempunyai hak-hak yang sama di bawah seksyen 11 setelah-olah perintah yang dijalankan sebagaimana tersebut dahulu adalah suatu perintah baru, dan seksyen 12 (1) adalah terpakai dengan sewajarnya.

(8) Menteri dan semua ke semua dengan notis bertulis boleh menyimpulkan kepada seseorang yang adalah subjek suatu perintah sekatan mengisytiharkan, mengisytiharkan atau membatalkan perintah itu, dan yang dikaitkan ke atas orang itu oleh perintah itu, dan sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang diwujudkan dan apa-apa sekatan atau syarat tambahan yang dikenakan hendaklah, melainkan terlebih dahulu dipotong, terus berkuatkuasa bagi bahagian tempoh yang belum tamat yang dinyatakan di bawah subseksyen (6) atau (7).

8a. Tiada perintah tahanan boleh menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa oleh sebab —

(a) orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dimaklukkan —

(i) telah selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat daripada di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3);

(ii) terus diabaikan selepas sahaja perintah tahanan itu dibuat di tempat yang dia telah diabaikan di bawah seksyen 7) sebelum dia dipindahkan ke suatu tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3), walaupun tempoh maksimum bagi penahanan sedemikian di bawah seksyen 7) (3) telah tamat; atau

(iii) telah semasa jangka masa perintah tahanan

itu berada dalam perjalanan dalam jagaan polis atau dalam apa-apa jagaan lain ke suatu tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3); atau

(b) perintah tahanan itu telah disampaikan kepadanya di mana-mana tempat selain daripada tempat tahanan yang disebut dalam seksyen 8 (3), atau terdapat apa-apa kecacatan yang berhubungan dengan penyampaian perintah tahanan itu kepadanya.

8a. (1) Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pemaanahan apa-apa kehendak prosedur di bawah Akta ini yang mengawalalisa tindakan atau keputusan itu.

(2) Kekucuaian mengenai apa-apa soalan tentang pemaanahan apa-apa kehendak prosedur dalam subseksyen (1) tidaklah terpakai jika alasan-alasan adalah seperti yang diperincikan dalam seksyen 8a.

8c. Dalam Akta ini, "kajian semula kehakiman" termasuklah prosiding yang dimulakan dengan cara —

(a) permohonan untuk apa-apa perintah prerogatif bagi *mandamus*, *luzangan* dan *certiorari*;

(b) permohonan untuk penetapan atau injunksi;

(c) writ *habeas corpus*, dan

(d) apa-apa guaman, tindakan atau prosiding undang-undang lain berhubungan dengan atau berbangkit daripada apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri mengikut Akta ini.

8c. (1) Sekiranya 8a dan 8c hendaklah terpakai bagi apa-apa prosiding yang dimulakan dengan cara kajian semula kehakiman akan apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau

Menyeri mengikut Akta ini, sama ada prosiding yang sedemikian telah dimulakan sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1989.

(2) Sebutan mengenai prosiding dalam subseksyen (1) tidaklah termasuk sebutan mengenai prosiding yang telah tamat dan yang berkenaan dengannya keputusan mukamad mahkamah telah diberi sebelum mula berkuatkuasanya Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1989, atau sebutan mengenai apa-apa rayuan atau apa-apa permohonan untuk rayuan terhadap keputusan mukamad sedemikian.

9. (Dimansuhkan)

10. (1) Menteri boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya perijinan apa-apa perintah tabanan digantungkan tertakluk kepada semua atau apa-apa sekatan atau syarat yang Menteri diberi kuasa oleh seksyen 8 (5) untuk mengenakan melalui suatu perintah sekatan, dan tertakluk, jika Menteri mengarahkannya, kepada ke- bantahan bahawa orang yang terhadapnya perintah tabanan dibuat hendaklah mengikat suatu bon sebagai- mana diperuntukkan oleh seksyen 8 (6).

(2) Jika perintah tabanan digantungkan sebagaimana tersebut dahulu, seksyen 8 (6) hendaklah mempunyai kesan seolah-olah sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang mengemanya perintah tabanan digantungkan adalah sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh suatu perintah sekatan.

(3) Jika perintah tabanan digantungkan sebagaimana tersebut dahulu, Menteri boleh membenarkan orang yang terhadapnya perintah tabanan telah dibuat untuk kembali ke tanahairnya atau pergi ke mana-mana negara lain pilihannya dengan syarat bahawa Kerajaan negara itu bersetuju menerimanya.

(4) Menteri boleh membatalkan penggantungan apa-apa perintah tabanan jika dia berpuas hati bahawa orang yang terhadapnya perintah tabanan itu dibuat telah gagal mematuhi apa-apa sekatan atau syarat yang dikenakan ke atasnya atau bahawa adalah perlu bagi

kepentingan keselamatan supaya penggantungan itu dibatalkan, dan dalam keadaan apa jua pun pembatalan penggantungan itu hendaklah menjadi kuasa yang mencukupi kepada seseorang pegawai polis untuk me- rangkap semula tanpa waran orang yang terhadapnya perintah tabanan itu dibuat, dan bahawa orang di- hendaklah dengan segera selepas yang praktik di- kembalian ke tempat tabanannya atau, jika Menteri mengarahkannya, dibantar ke tempat tabanan yang lain.

(5) Penggantungan apa-apa perintah tabanan sebagai- mana tersebut dahulu, tertakluk kepada seksyen 8 (8) sebagaimana terakut oleh subseksyen (2) dan tertakluk juga kepada subseksyen (4), hendaklah terus berkuat- kuasa bagi bahagian tempoh yang belum tamat perintah tabanan itu yang dinyatakan di bawah seksyen 8 (6) atau (7).

11. (1) Satu salinan mengenai tiap-tiap perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5 (1) hendaklah dengan segera segera yang boleh selepas dibuat di- sampaikan kepada orang yang berkaitan dengan per-intah itu, dan tiap-tiap orang tersebut adalah berhak membuat rayuan terhadap perintah itu kepada Lembaga Penasihat

Kerana
perintah
tabanan

(2) Bagi maksud membolehkan seseorang itu mem- buat rayuan di bawah subseksyen (1) dia hendaklah pada masa perintah itu disampaikan kepadanya—

(a) diberitahu mengenai haknya untuk membuat rayuan kepada Lembaga Penasihat di bawah subseksyen (1), dan

(b) diberikan oleh Menteri suatu pernyataan ber- tulis—

(i) mengenai alasan-alasan perintah itu di- buat;

(ii) mengenai pengatahan fakta yang di atasnya perintah itu diisahkan; dan

(iii) mengenai butir-butir lain, jika ada, yang pada pendapat Menteri dia mungkin semestinya mengahandaki supaya dapat dia membuat rayuan terhadap perintah itu kepada Lembaga Penasihat.

Pengant
perintah
tabanan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pendidikan Untuk Anak-anak Tahanan ISA

SEMAKIN dekat dengan pihannya banyakkah projek-projek pembangunan dilancarkan. Semuanya digambarkan demi kepentingan kebajikan dan kemudahan rakyat. Warganegara Malaysia seolah-olah sentiasa dilayan dengan sempurna dan saksama. Keperluan-keperluan asas seperti bekalan air dan elektrik, jalanraya dan seumpamanya sentiasa menjadi perhatian kerajaan untuk menyediakan. Rakyat akan merasa selamat sentosa hidup di negara ini.

Suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan seseorang dan juga menjadi asas kepada pembinaan sesebuah bangsa dan negara, adalah pendidikan yang sempurna. Ia bukan terhenti setakat membina bangunan sekolah yang indah atau menaikkan gaji guru-gurunya, tetapi hendaklah dipastikan setiap anak-anak Malaysia mendapat pendidikan asas yang cukup.

Kerajaan perlu menegaskan kesungguhannya untuk memajukan negara ini melalui suatu sistem pendidikan yang baik dan juga melayani hasrat mumi umat Islam untuk melihat sistem itu ditingkatkan ke tahap yang lebih menepati ciri-ciri Islam. Semata-mata berkempen bahawa dasar pendidikan kini menjurus kepada pembinaan insan kamil tidak bermakna sekiranya kita dapati masih ada anak-anak yang tidak berpeluang mendapat pendidikan walaupun di peringkat paling asas disebabkan masalah kemiskinan.

Ataupun seperti apa yang berlaku kepada anak-anak tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tentunya suatu perkara yang amat menyedihkan. Sekiranya rumah mereka boleh dianggap seperti dangau, atau mereka "kais pagi makan petang", ia tidaklah begitu mengejutkan kita tetapi apabila diberitahu ada di antara anak-anak mereka itu terpaksa berhenti sekolah, perkembangan ini adalah suatu tragedi. Kita juga bimbang sekiranya ada anak-anak mangsa peristiwa Memali menghadapi masalah yang sama.

Secara jujur kita mesti mengakui bahawa bapa-bapa mereka adalah pejuang Islam. Kita mungkin tidak bersetuju dengan tindakan yang mereka ambil, tetapi adakah anak-anak mereka dibiarkan teraniaya? Yang mustahaknya ialah hasrat mereka supaya anak-anak mereka terdidik secara Islam hendaklah ditunai. Tanpa pendidikan yang sempurna kepada anak-anak, cita-cita mereka, sama ada yang telah syahid ataupun yang masih di Kemuning, terbengkalai begitu sahaja.

Anak-anak mereka ini bukan sahaja dipastikan bersekolah tetapi sewajarnya dikembangkan pendidikan itu ke peringkat yang paling tinggi yang terdaya capainya. Menteri Pendidikan seharusnya meneliti nasib anak-anak mangsa ISA ini kerana beliau tentunya lebih memahami kepentingan pendidikan dan tradisi keilmuan.

Ahmed Lutfi